

**REPRESENTASI WATAK-WATAK YANG TERDAPAT  
DALAM NOVEL *SILIR DAKSINA* KARYA  
NIZAR PARMAN BERDASARKAN  
TEORI BUDAYA.**

**MOHD AZREEYANDI BIN MOHD SADIH**

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

**IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN  
WARISAN DENGAN KEPUJIAN**

**2024**



FYP FTKW

**Representasi Watak-Watak Yang Terdapat Dalam Novel *Silir Daksina* Karya Nizar Parman Berdasarkan Teori Budaya.**

**MOHD AZREYYANDI BIN MOHD SADIH  
C20A1062**

**Tesis Yang Dikemukakan Untuk Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Memperolehi Ijazah Sarjana Muda  
Pengajian Warisan Dengan Kepujian  
(Kesusasteraan Warisan)**

**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**


**2024**

## PENGESAHAN TESIS


Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah sarjana kepada mana-mana Universiti atau Institusi.



Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai nashkah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh).



(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)



(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

---

Tandatangan Pelajar

Nama : Mohd Azreeyandi Bin Mohd Sadih  
No kad pengenalan : 000618-12-1745  
Tarikh : 12 Februari 2024

---

Tandatangan Penyelia

Nama Penyelia : Dr. Afidatul Syazwani Bt Afandi  
Tarikh : 12 Februari 2024

## PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan Alhamdulillah dan menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan kesempatan serta kurnia-Nya, maka dapatlah saya menyiapkan tugas ini dengan jayanya walaupun melalui pelbagai kekangan dan rintangan. Alhamdulillah. Saya dengan rendah diri ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang membantu saya untuk menyiapkan tugas ini terutamanya pensyarah saya sendiri iaitu Dr. Afidatul Syazwani Binti Afandi yang banyak memberi tunjuk ajar serta maklumat berkaitan projek penyelidikan ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih diberikan kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak memberi pertolongan dan bimbingan sehingga saya berjaya menyiapkan tugas ini dalam tempoh waktu yang telah ditetapkan.

Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Universiti Malaysia Kelantan kerana banyak memberi kerjasama sepanjang saya menyiapkan tugas ini. Dengan bantuan dan maklumat yang diberikan dapatlah saya menyiapkan projek penyelidikan ini.

Selain itu, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya yang banyak memberi nasihat dan membantu saya dari segi sokongan kewangan serta kemudahan yang diperlukan bagi menyiapkan tugas ini. Mereka juga sentiasa memberi sokongan moral agar projek penyelidikan ini dilakukan dengan jayanya.

Akhir sekali, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang memberi kerjasama dan pertolongan sama ada secara langsung ataupun tidak langsung semasa saya menjalankan penyelidikan ini. Tanpa pertolongan dan bantuan daripada mereka semestinya saya tidak akan dapat menyiapkan penyelidikan ini dengan baik. Sekian terima kasih diucapkan untuk semua.

**ISI KANDUNGAN**

<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>PENGESAHAN TESIS</b>	i
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>SENARAI JADUAL</b>	vii
<b>SENARAI RAJAH</b>	vii
<b>ABSTRAK</b>	viii
<b>ABSTRACT</b>	ix
<b>BAB 1 : PENGENALAN</b>	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	5
1.3 Penyataan Masalah	7
1.4 Persoalan Kajian	11
1.5 Objektif Kajian	11
1.6 Skop Dan Batasan Kajian	12
1.7 Kepentingan Kajian	15
1.7.1 Individu	15
1.7.2 Masyarakat	15
1.7.3 Institusi	16
1.7.4 Negara	16
1.8 Definisi Operasional	17
1.9 Organisasi Bab	19
1.10 Kesimpulan	22

**BAB 2 : KAJIAN LITERATUR**

2.1 Pendahuluan	24
2.2 Tinjauan Literatur Watak	25
2.3 Tinjauan Literatur Representasi	29
2.4 Tinjauan Literatur Novel	35
2.5 Tinjauan Literatur Teori Budaya	38
2.6 Kesimpulan	40

**BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN**

3.1 Pendahuluan	41
3.2 Reka Bentuk Kajian	43
3.3 Kaedah Kajian	45
3.3.1 Kaedah Kepustakaan	46
3.3.2 Kaedah Analisis Tekstual	48
3.3.3 Kaedah Laman Sesawang	49
3.4 Teori Kajian Budaya	50
3.4.1 Ciri Teori Budaya	52
3.4.2 Teori Budaya Mengikut Chris Barker	53
3.5 Proses Pengumpulan Data	58
3.5.1 Dokumentasi	59
3.6 Instrumen Kajian	60
3.7 Kesimpulan	61

**BAB 4 : ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN**

4.1 Pendahuluan	63
4.2 Mengkaji Represesntasi Watak-Watak Yang Terdapat Dalam Novel <i>Silir Daksina</i>	66
4.2.1 Watak-Watak Antagonis	67
4.2.1.1 Watak Haiqal Hakimi	68
4.2.1.2 Watak Ong See Hwa	79
4.2.1.3 Watak Abdullah Bin Kayan	86
4.2.1.4 Watak Tauke Ong	91
4.2.2 Watak Antagonis	100
4.2.2.1 Watak Ratna	101
4.2.2.2 Watak Umi (Rafiqah)	103
4.2.3 Watak Pipih	108
4.2.3.1 Watak Kumpulan D'purnama	109
4.2.3.2 Watak Ketua Kampung	111
4.2.3.3 Watak Pemilik Warung	112
4.2.3.4 Watak Pengurus Ladang Sawit	113
4.2.3.5 Watak Tetamu Undangan	115
4.2.3.6 Watak Guru Sekolah	116
4.2.3.7 Watak Jkkk	118
4.2.3.8 Watak Pemandu Teksi	119
4.3 Menganalisis Representasi Watak-Watak Dalam Novel <i>Silir Daksina</i> Berdasarkan Kepada Teori Budaya.	121
4.3.1 Budaya Dan Penandaan Amalan	123
4.3.2 Budaya Popular	125
4.3.3 Subjektiviti Dan Identiti	127

4.3.4 Teks Dan Khalayak Pembaca	129
4.4 Kepentingan Nilai-Nilai Budaya Yang Terdapat Dalam Novel <i>Silir Daksina</i> Kepada Golongan Masyarakat	132
4.4.1 Pembentukan Keperibadian Seimbang	133
4.4.2 Sebagai Wahana Teladan Yang Positif	139
4.4.3 Melahirkan Golongan Masyarakat Yang Lebih Prihatin Dan Berperikemanusiaan	146
4.5 Kesimpulan	155

## BAB 5 : KESIMPULAN

5.1 Pendahuluan	156
5.2 Hasil Perbincangan	158
5.3 Implikasi Kajian	162
5.3.1 Implikasi Kajian Kepada Individu	163
5.3.1.1 Membentuk Identiti Individu	164
5.3.1.2 Memahami Budaya Dengan Lebih Jelas Dan Mendalam	164
5.3.1.3 Berpotensi Memberi Impak Yang Mendalam	165
5.3.2 Implikasi Kajian Kepada Masyarakat	165
5.3.2.1 Pengekalan Identiti Golongan Masyarakat Melayu	166
5.3.2.2 Keperluan Dan Perlambangan Inklusif	166
5.3.3 Memberikan Nilai Positif Dan Mendalam	167
5.3.3 Implikasi Kajian Kepada Negara	167
5.3.3.1 Pelestarian Budaya Kebangsaan	168

5.3.3.2 Membina Identiti Dan Perpaduan Kebangsaan	168
5.3.3.3 Pengaruh Terhadap Pendidikan Dan Nilai Kebangsaan	169
5.4 Cadangan	169
5.4.1 Mendedahkan Novel Sebagai Medium Pendidikan Dan Penyampaian Nilai-Nilai Budaya	170
5.4.2 Menerapkan Dan Memperbanyak Kajian Mengenai Aspek Representasi Watak-Watak	171
5.5 Kesimpulan	173

**SENARAI RUJUKAN** 174

**SENARAI JADUAL :**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Jadual 1 : Kandungan Bab Dalam Novel <i>Silir Daksina</i>	13
Jadual 2 : Prinsip Teori Budaya Oleh Chris Barker	14

**SENARAI RAJAH :**

<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
Rajah 1 : Reka Bentuk Kajian	44
Rajah 2 : Prinsip-Prinsip Teori Budaya Berdasarkan Chris Barker	122

**REPRESENTASI WATAK-WATAK YANG TERDAPAT DALAM NOVEL *SILIR DAKSINA* KARYA NIZAR PARMAN BERDASARKAN TEORI KAJIAN BUDAYA.**

**ABSTRAK**

Kajian ini dilakukan adalah untuk menghuraikan dengan jelas dan lebih terperinci mengenai representasi watak-watak yang terdapat di dalam novel *Silir Daksina*. Novel merupakan wahana yang menjadi perantaraan nilai budaya yang diamalkan oleh sesebuah masyarakat kepada golongan pembaca. Melalui nilai budaya yang dicerminkan dalam novel ini sudah tentu akan dapat mempengaruhi golongan pembaca untuk menghargai dan mengamalkannya dalam kehidupan mereka. Permasalahan kajian ini ialah isu mengenai golongan masyarakat masa kini terutama sekali golongan muda yang tidak menghargai dan mengambil tahu mengenai budaya sendiri serta isu mengenai keruntuhan akhlak dan nilai dalam golongan remaja. Kajian ini juga dilakukan untuk mengkaji representasi watak-watak yang terdapat di dalam novel *Silir Daksina*, menganalisis representasi watak-watak dalam novel *Silir Daksina* berdasarkan kepada Teori Kajian Budaya dan mendeskripsi kepentingan nilai-nilai budaya yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* kepada golongan masyarakat. Kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menggunakan sumber sekunder yang terdapat supaya ia jelas dan sahih seperti jurnal, tesis, artikel dan sumber bacaan yang lain. Hasil daripada kajian ini pengkaji dapat memberikan pengelasan terhadap watak-watak yang terdapat kepada bahagian yang tertentu. Selain itu, kajian ini juga dapat melihat penggunaan Teori Kajian Budaya menerusi pengamalan budaya yang terdapat dan ditonjolkan oleh watak-watak dalam novel *Silir Daksina*. Di samping itu, kajian ini juga dapat melihat nilai budaya yang dipamerkan dalam novel *Silir Daksina* untuk dijadikan contoh dan teladan dalam kalangan masyarakat. Kajian ini diharapkan agar dapat memartabatkan nilai budaya yang terdapat dalam watak yang ditonjolkan untuk menjamin kepada pembentukan golongan masyarakat yang berkualiti dan berakhhlak mulia.

**Kata Kunci :** Novel, Teori Budaya, Watak-watak.

## REPRESENTATION OF THE CHARACTERS IN THE NOVEL *SILIR DAKSINA* BY NIZAR PARMAN BASED ON CULTURAL STUDIES THEORY.

### ABSTRACT

This study was done to identify clearly and in more detail about the representation of the characters found in *Silir Daksina* novel. A novel is a vehicle that mediates the cultural values practiced by a society to the readers. Through the cultural values reflected in this novel will certainly be able to influence the readers to appreciate and practice it in their lives. The problem of this study is the issue of society today, especially the young people who do not appreciate and know about their own culture as well as the issue of the decay of morals and values in the youth group. This study was also conducted to study the representation of characters found in *Silir Daksina* novel, analyze the representation of characters in *Silir Daksina* novel based on the Theory of Cultural Studies and describe the importance of cultural values found in *Silir Daksina* novel to the community. This study is also conducted using qualitative methods, which is by using secondary sources available so that they are clear and authentic such as journals, theses, articles and other reading sources. As a result of this study, the researcher can provide a classification of the characters that are available, namely the protagonist, antagonist and flat character. In addition, this study also uses the Theory of Cultural Studies through the practice of culture found and highlighted by the characters in *Silir Daksina* novel. In addition, this study can also see the cultural value exhibited in *Silir Daksina* novel to be used as an example and role model in the community. This study is expected to be able to dignify the cultural values found in the highlighted characters to guarantee the formation of a quality society with noble character.

KELANTAN

**Keywords:** Novel, Cultural Studies, Characters.

## BAB 1

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Berdasarkan kepada rujukan dalam Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat (2015) bahawa representasi adalah sebenarnya perkataan daripada Bahasa Inggeris. Representasi dapat dirumuskan adalah mengenai gambaran atau cerminan terhadap sesuatu perkara seperti perlakuan dalam kehidupan sebenar kalangan masyarakat yang dimasukkan ke dalam karya. Oleh itu, jelaslah bahawa representasi dapat dijelaskan adalah mengenai cerminan sebenar dalam kehidupan dalam kalangan masyarakat.

Representasi juga adalah menunjukkan kepada bagaimana dunia ini dibina berdasarkan media sosial dan dipersembahkan atau dipertontonkan kepada golongan masyarakat dan ditafsirkan oleh mereka dengan makna yang tertentu menurut Chris Barker (2004:8). Representasi juga telah diperlihatkan oleh Stuart Hall, mengenai seorang pemikir perbidanan terlahirlah pengajian mengenai kebudayaan melalui program pengajian budaya di Birmingham pada akhir 1960-an menurut Chris Barker (2014:116). Menurut Stuart Hall (2018), yang dipetiknya daripada *Rahayu* menyatakan bahawa representasi adalah merupakan aspek penting dalam proses untuk menghasilkan makna. Oleh itu, dapat dilihat bahawa representasi sebenarnya bukan sahaja berkenaan objek yang ingin ditunjukkan akan tetapi representasi juga menunjukkan kehadiran pengarang yang menghasilkan suatu makna melalui bahasa guna. Melalui penglibatan

penulis dalam menghasilkan makna tersebut adalah merujuk kepada representasi yang membawa maksud dalam menyatakan dan mengambil bahagian menurut Storey (2007)

Menurut Amin (2011), watak pula iaitu suatu rangka yang penting dalam setiap cerita atau karya yang dihasilkan oleh para penulis. Watak adalah sesuatu objek ataupun seorang pelaku, yang diwakili oleh seseorang atau benda lain seperti haiwan dan tumbuhan. Watak memainkan peranan yang sangat penting untuk membantu dalam memperluas tema dan plot penceritaan melalui proses dialog dan sebagainya. Manakala perwatakan pula ialah mengenai perbuatan dan lakuan yang dilakukan oleh watak-watak yang terdapat dalam sebuah karya. Perwatakan juga dapat dijelaskan dengan lebih terperinci kerana memiliki jasad dan melakukan tingkah laku dan bercirikan kepada sikap dan pemikiran sesuatu.

Menurut Muhammad Al Afzan (2018), novel adalah merupakan sebuah cerita yang memiliki aspek yang tertentu dalam rangka binaannya dan selalunya cerita dalam novel adalah dalam tempoh masa yang lama serta memiliki cerminan berdasarkan kepada kehidupan yang sebenar di kelompok masyarakat. Novel juga dapat diistilahkan bermula daripada Itali, yang dinamai novella yang bermakna sesuatu benda yang baharu dan memiliki saiz yang kecil. Dalam sesebuah novel akan merungkai mengenai sesuatu kejadian yang berlaku secara benar. Oleh itu, novel merupakan medium yang digunakan oleh penulis untuk memberikan penjelasan yang lebih terperinci mengenai golongan masyarakat dan diadaptasikan menjadi sebuah cerita sama ada dalam bentuk cereka dan sebagainya. Selain itu, dalam bidang penulisan juga terdapat cerpen iaitu yang memiliki 3 tunjang utama dalam penghasilannya iaitu berdasarkan kepada pengalaman, kehidupan sebenar dan melalui kreativiti imaginasi. Aspek-aspek tersebut adalah saling bergantung untuk menghasilkan sebuah idea yang kreatif dan digunakan di dalam sesebuah karya baharu yang dihasilkan sekaligus dapat menjamin kualiti karya tersebut.

Perkara tersebut juga akan menyebabkan terhasil pelbagai pemikiran dan idea yang lebih relevan dan kreatif dan secara langsung merujuk kepada persekitaran yang terdapat.

Berdasarkan kepada perkara ini juga ada di dalam kalangan ahli falsafah yang berpendapat bahawa di dalam sesebuah novel yang dihasilkan adalah menceritakan mengenai perkara yang diluar pola pemikiran dan mustahil untuk dicapai oleh manusia itu sendiri yang menyebabkan kepada masalah utama terwujudnya konflik mengenai perkara tersebut. Selalunya karya yang dihasilkan dalam bentuk novel adalah bercirikan fiksyen dan tidak fiksyen di mana isi kandungan dan penceritaan banyak hanya mengisahkan mengenai imaginasi para penulis sahaja. Setiap karya yang dihasilkan juga memiliki kaitan dengan masyarakat menerusi kehidupan sebenar. Isi yang terdapat dalam novel juga adalah berunsurkan konflik, imaginasi dan sebagainya.

Novel merupakan sebuah cerita panjang yang dihasilkan oleh seseorang penulis yang memiliki tema dan struktur yang tertentu. Dalam setiap novel yang dihasilkan terdapat watak-watak yang telah dibina oleh penulis untuk melancarkan cerita sekaligus untuk menghidupkan sebuah cerita yang terdapat di dalam novel supaya hasil yang penulis atau pengarang inginkan dapat dicapai dengan jayanya. Oleh itu, watak merupakan salah satu struktur yang penting dalam sesebuah novel. Representasi pula adalah merupakan perkara yang sering dikaitkan dengan watak perkara ini kerana representasi merupakan perlambangan atau gambaran bagi seseorang dan bersesuaian dengan watak. Malahan, di dalam setiap cerita yang terdapat pada novel yang dihasilkan oleh setiap pengarang juga akan terdapat nilai-nilai sama ada nilai yang positif mahupun nilai negatif yang akan ditunjukkan oleh watak-watak yang terdapat pada cerita yang terdapat di dalam sesebuah novel. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa terdapat

kesinambungan di dalam sesebuah novel mengenai struktur representasi watak dan nilai berdasarkan teori Budaya untuk menghasilkan sebuah novel yang bermutu.

Menurut Syed Ismail (2010) bahawa budaya adalah perkara yang sangat berkait rapat dengan kalangan masyarakat. Beliau juga berpendapat bahawa budaya adalah melambangkan terhadap aspek kemanusiaan secara menyeluruh daripada pelbagai sudut seperti sejarah, politik, kesusastraan, lukisan seni bina, muzik dan sebagainya. Menurut beliau juga bahawa budaya adalah cara hidup bagi sesebuah golongan masyarakat berdasarkan kepada aktiviti rutin yang mereka lakukan setiap hari. Budaya juga dapat membantu untuk membezakan pelbagai bangsa yang terdapat kerana perbezaan aktiviti rutin yang dilakukan pada setiap hari tersebut. Oleh itu, dapat dilihat bahawa budaya merupakan tindak balas yang penting terhadap keperluan manusia.

Menurut Chris Barker (2012) bahawa untuk memahami mengenai definisi bagi istilah budaya tersebut tidak dapat dijelaskan dengan terperinci. Hal ini sedemikian, kerana istilah budaya tersebut adalah bergantung kepada cara pemikiran seseorang tersebut mengenai budaya. Seseorang individu tersebut kebiasaannya, akan memahami dengan lebih terperinci dan mendalam mengenai istilah budaya tersebut berdasarkan kepada pelbagai bidang seperti kesusastraan, sosiologi dan sebagainya. Walaupun, seperti mana yang diketahui umum bahawa pengajian terhadap budaya tidak diketahui asal usulnya. Menurut Chris Barker juga bahawa teori Budaya ini terbahagi kepada 8 prinsip iaitu budaya dan penandaan amalan, perlambangan (Representasi), materialisme dan bukan reduksionisme, pengucapan, kuasa, budaya popular, teks dan khalayak pembaca serta subjektiviti dan identiti.

Dalam kajian ini juga menerangkan bahawa mengenai cerminan atau representasi yang telah ditunjukkan oleh watak-watak yang terdapat dalam novel *Silir*

*Daksina* tersebut untuk dilihat dan dikaji. Cerminan watak-watak yang terdapat di dalam novel tersebut akan dianalisis berdasarkan kepada teori Budaya. Kajian ini juga sangat sesuai untuk dikaji dengan menggunakan teori Budaya berdasarkan kepada aspek representasi (perwakilan) untuk melihat sama ada budaya yang diamalkan atau dilakukan oleh golongan masyarakat dalam novel tersebut memberikan kesan dan pengaruh kepada watak-watak yang terdapat. Oleh itu, pengkaji akan dapat mengenalpasti bahawa watak dan budaya tersebut memiliki kaitan dan hubungan dalam kehidupan seseorang individu. Novel *Silir Daksina* tersebut juga banyak memaparkan mengenai kebudayaan warisan yang diamalkan dan dilakukan oleh golongan masyarakat sekaligus dapat memupuk golongan pembaca untuk lebih cakna terhadap kebudayaan warisan supaya tidak dimamah oleh peredaran zaman masa kini.

## 1.2 Latar Belakang Kajian

Tujuan kajian ini adalah untuk menghuraikan dengan lebih terperinci mengenai watak-watak yang terdapat di dalam novel *Silir Daksina* berdasarkan kepada teori Budaya serta untuk mengenal pasti nilai budaya yang dibawa di dalam novel tersebut untuk diperincikan dengan lebih jelas. Kajian ini juga dihasilkan adalah berpandukan kepada sorotan kajian terdahulu di mana terdapat dikalangan penyelidik yang melakukan penyelidikan terhadap novel mengenai watak. Novel *Silir Daksina* ini juga adalah merupakan sebuah novel yang digunakan dalam proses pembelajaran terhadap murid tingkatan 5 di sekolah menengah. Jalan cerita yang ditunjukkan di dalam novel ini adalah mengisahkan mengenai seorang watak lelaki yang ingin mengetahui latar belakang ayah kandungnya yang telah meninggal dunia.

Novel ini juga mengetengahkan tema pengorbanan dalam memperjuangkan kebudayaan dan kesusasteraan. Watak Haiqal merupakan watak utama di dalam novel *Silir Diksina* ini, telah menerima sebuah manuskrip lama yang mengandungi hasil penulisan ayah kandungnya. Haiqal kini menetap di Kuala Terengganu bersama Umi dan Walid iaitu ayah tirinya serta adik tirinya. Teruja dengan manuskrip tersebut, Haiqal tekad untuk menjelaki bapa kandungnya di Batu Pahat, Johor walaupun ayahnya telah meninggal dunia. Umi melarang Haiqal untuk ke Batu Pahat Johor kerana hubungannya bersama ayah kandung Haiqal tidak bahagia. Umi telah membawa haiqal ke Kuala terengganu dan meninggalkan suaminya Abdullah Bin Kayan tinggal kesepian di Johor. Setelah tiba di Kampung Seri Purnama, Haiqal disambut dengan mesra. Haiqal juga telah mengetahui bahawa ayahnya tersebut seorang penggiat dalam seni kebudayaan dan mendalami dalam bidang sastera dan disegani oleh penduduk kampung. Ayahnya, juga merupakan warga pendidik yang sangat aktif dalam penulisan sehingga memiliki aksara sendiri di kampung tersebut. Haiqal juga membuat persembahan zapin D'Purnama dengan berpasangan bersama See Hwa. Dia berasa terharu kerana Umi, Walid dan adik tirinya telah hadir dalam dalam acara tersebut. Disebabkan perkara tersebut penduduk kampung berasa terharu kerana terkenang arwah Abdullah Kayan. Dendam uminya terhadap Abdullah bin Kayan lebur dan telah menziarahi kuburnya untuk mengaku kesilapan memisahkan anaknya daripada bapanya. Setelah kejadian tersebut, Haiqal melanjutkan pelajarannya dalam bidang keguruan di sebuah universiti di Sarawak.

Menurut Faharin Marusin (2021) watak merupakan elemen yang penting dalam menghidupkan sebuah cerita. Watak juga adalah tidak terikat kepada manusia semata-mata malahan kepada binatang dan benda yang lain. Watak juga terbahagi kepada beberapa bahagian contohnya watak utama, watak sampingan, watak protagonis, watak

antagonis dan sebagainya. Hasil daripada kajian ini kita akan dapat mengesan dan mengetahui dengan lebih jelas watak-watak yang terdapat dan dibawa di dalam novel tersebut. Selain itu, kajian ini juga adalah untuk mengenal pasti nilai yang dibawa dalam setiap watak yang terdapat di dalam novel *Silir Daksina* tersebut. Menurut Faharin Marusin (2021) nilai adalah merupakan satu sikap positif yang tinggi dilakukan oleh seseorang atau masyarakat dari pemikiran dan tingkah lakunya.

Teori Budaya juga merupakan bidang antara disiplin berkenaan dengan peranan institusi sosial dalam membentuk budaya. Sejarah perkembangan kajian budaya bermula pada tahun 1950 dan 1960 di England. Pada ketika itu, di tengah-tengah perubahan sosial dan politik yang ketara, terutamanya dalam bidang pergerakan hak sivil, feminism, dan penentangan terhadap imperialism, terdapat keperluan untuk memahami budaya dan kuasa dalam masyarakat moden. Peristiwa penting dalam sejarah kajian budaya ialah penubuhan Pusat Kajian Budaya Kontemporari Birmingham (CCCS) di England pada 1964. Pusat ini diketuai oleh Marxis, Richard Hoggart dan Stuart Hall. Pendekatan kajian budaya ini merangkumi analisis teks, media massa, teori budaya, dan isu kuasa dalam budaya. Antara tokoh dalam perkembangan kajian budaya pada era ini termasuklah Raymond Williams, Michel Foucault, Judith Butler, dan Donna Haraway. Pada 1990-an, kajian budaya berkembang ke dalam bidang seperti kajian jantina, kajian pascakolonial, kajian media, dan budaya visual.

### 1.3 Penyataan Masalah

Menurut Noraini Idris (2013), penyelidikan ialah satu proses sistematik yang mengumpul dan menganalisis maklumat dalam usaha untuk menerangkan dan

memahami topik, masalah atau isu tertentu. Gage (1975) kemudiannya menyatakan bahawa penyelidikan terdiri daripada menyiasat secara sistematik pemboleh ubah untuk mengetahui bagaimana kedua-dua pemboleh ubah berinteraksi antara satu sama lain. Suatu simbol yang diberikan angka atau nilai yang berkaitan dengan hipotesis dikenali sebagai pemboleh ubah. Dengan kata lain, ciri pemboleh ubah boleh diubah. Mouly (1963) juga menyatakan bahawa penyelidikan ialah proses mencari penyelesaian yang boleh dipercayai kepada isu melalui pungutan data, penganalisaan dan interpretasi yang dilakukan dengan terancang dan sistematik. Gage dan Mouly menggambarkan penyelidikan sebagai proses. Berdasarkan maksudnya, dapat disimpulkan bahawa penyelidikan adalah kajian yang bertujuan untuk mengumpul dan menganalisis maklumat mengenai subjek tertentu.

Untuk memulakan penyelidikan yang sistematik, penyelidik mesti mengenal pasti dan memilih masalah yang memerlukan jawapan kepada pernyataan masalah. Sumber pengetahuan, penyelidikan dan penganalisaan, serta bahan literatur adalah penting dalam proses mencari masalah kajian. Pilihan pernyataan masalah memerlukan masa dan pemikiran yang mendalam. Pilihan isu kajian mesti relevan dengan bidang kajian dan menarik perhatian pengkaji menurut Noraini Idris (2013).

Pernyataan masalah dalam kajian adalah penting untuk menjalankan penyelidikan. Apabila pengkaji mendapat masalah dalam kajian, mereka boleh menjalankan penyelidikan mereka. Seperti yang dinyatakan oleh Gay dan Air asian (2003), subjek penyelidikan adalah asas kepada struktur dan prosedur penyelidikan seterusnya. Pengkaji tidak boleh menjalankan penyelidikan sehingga mereka menemui isu kajian. Ini biasanya berlaku kerana terdapat tiga sumber utama yang membentuk subjek kajian. Pertama ialah pengalaman penyelidik atau orang lain; kedua ialah literatur mengenai keputusan penyelidikan yang membincangkan aspek atau isu tertentu

yang belum dibincangkan; dan ketiga ialah teori sedia ada, di mana kekurangan teori yang digunakan boleh menjadi isu penyelidikan Noraini Idris 2013).

Antara permasalahan kajian ialah mengenai golongan muda yang tidak mengambil tahu mengenai budaya sendiri diperoleh daripada Utusan Borneo (2018). Hal ini dikatakan sedemikian, kerana ramai dikalangan golongan muda masa kini yang dipengaruhi oleh budaya luar yang lebih menarik dan sesuai dengan era pada zaman masa kini malahan mereka juga beranggapan bahawa budaya merupakan sesuatu perkara yang ketinggalan zaman dan tidak relevan dengan kemajuan masa kini. Mereka tidak menyedari bahawa budaya dapat melambangkan identiti terhadap golongan masyarakat. Oleh itu, kalangan remaja haruslah berbangga kerana memiliki adat dan budaya serta menghargai budaya supaya ia tidak tenggelam ditelan zaman. Berdasarkan kepada kajian ini terdapat pelbagai nilai yang dapat dikaitkan terhadap kalangan remaja seperti menghargai budaya. Hal ini dikatakan kerana, di dalam novel *Silir Daksina* tersebut juga terdapat nilai-nilai mengenai menghargai budaya yang terdapat dalam kalangan masyarakat iaitu seperti bermain permainan tradisional, belajar tarian tradisional dan sebagainya.

Selain itu, permasalahan lain yang terdapat diperoleh daripada akhbar Utusan Malaysia (2021) iaitu mengenai keruntuhan akhlak dan nilai dalam kalangan remaja . Hal ini sedemikian, kerana mereka meniru dan melakukan perlakuan yang tidak bermoral yang dipaparkan dalam gadget. Malahan terdapat segelintir pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang melakukan perbuatan biadab dengan menconteng pakaian ataupun seragam sekolah mereka dengan cacian, memaki guru dan melemparkan buku sekolah ke dalam sungai malah terdapat pelajar yang membakar segala nota dan bahan-bahan rujukan selepas peperiksaan tersebut. Perkara ini sudah tentu menyebabkan mereka bukan sahaja akan memalukan diri sendiri malahan

mencemarkan nama baik keluarga dan ibu bapa. Oleh sebab itu, melalui kajian ini terdapat watak-watak yang terdapat di dalam novel *Silir Daksina* untuk dijadikan tauladan dan pengajaran dalam kehidupan bukan sahaja terhadap golongan remaja tetapi terhadap semua lapisan masyarakat.

Seterusnya, isu lain yang terdapat adalah mengenai dalam pelbagai genre filem, watak lelaki adalah lebih banyak jika dibandingkan dengan watak wanita. Malahan watak wanita adalah sangat bergantung kepada watak lelaki. Watak lelaki banyak diberikan kebebasan dan lebih dinamik sementara watak wanita dapat dilihat kurang dan mendatar sahaja. Dari sudut lain pula watak lelaki juga selalu dilihat lebih menguasai suatu ruang yang terbuka jika dibandingkan dengan watak wanita yang hanya ruang dalaman sahaja.

#### **1.4 Persoalan Kajian**

Pengkaji juga telah menyediakan persoalan kajian untuk membantu dalam menghuraikan dengan jelas dan terperinci mengenai representasi watak dan teori yang digunakan di dalam penyelidikan ini. Terdapat 3 persoalan yang disediakan iaitu:

- i. Apakah representasi watak-watak di dalam novel *Silir Daksina* ?
- ii. Bagaimanakah representasi watak-watak dalam novel *Silir Daksina* berlandaskan kepada teori Budaya ?
- iii. Sejauhmanakah kepentingan nilai-nilai budaya yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* kepada golongan masyarakat ?

#### **1.5 Objektif Kajian**

Pengkaji juga memiliki matlamat yang perlu dicapai berdasarkan kepada hasil daripada kajian ini. Antara 3 objektif utama yang difokuskan dan diteliti di dalam kajian penyelidikan ini ialah:

- i. Mengkaji representasi watak-watak yang terdapat di dalam novel *Silir Daksina*.
- ii. Menganalisis representasi watak-watak dalam novel *Silir Daksina* berdasarkan kepada teori Budaya.
- iii. Mendeskripsi kepentingan nilai-nilai budaya yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* kepada golongan masyarakat.

## 1.6 Skop Dan Batasan Kajian

Skop kajian ialah istilah yang merujuk kepada bidang yang akan diteliti atau dikaji dalam satu projek atau penyelidikan. Skop kajian membantu mengehadkan skop dan fokus penyelidikan supaya ia boleh dikawal dan menghasilkan hasil yang lebih diingini. Untuk membolehkan pengkaji menentukan dengan tepat topik kajian dan aspek yang perlu diabaikan, definisi skop kajian mesti jelas dan spesifik. Penyelidikan tidak boleh menetapkan parameter dan persekitaran untuk pengumpulan dan analisis data. Ini dipanggil batasan kajian. Terdapat banyak batasan untuk kajian. Ini termasuk had geografi, masa, populasi sampel, had metodologi, dan had sumber. Dengan menetapkan garis panduan kajian, penyelidik boleh mengawal pemboleh ubah kompleks dan mengelakkan persekitaran penyelidikan yang terlalu luas atau tidak terkawal. Kedua-dua konsep, skop dan batasan kajian ini adalah penting untuk penyelidikan kerana ia membantu menumpukan penyelidikan, memastikan ia teratur dan jelas, dan menghalang penggunaan sumber yang terhad.


Penyelidikan ini telah dibuat oleh pengkaji berdasarkan kepada novel yang berjudul *Silir Daksina* yang dapat diperincikan iaitu mengenai perjuangan seorang individu yang mencintai dan menyayangi bidang sastera dan kebudayaan. Novel *Silir Daksina* tersebut juga telah dihasilkan oleh penulis yang bernama Nizar Parman dan diterbitkan oleh Utusan Publications & Distributors (UP&D) serta mengandungi 289 halaman. Skop yang dititikberatkan juga dalam kajian ini adalah terhadap semua watak yang terdapat di dalam novel tersebut untuk dianalisis dengan menyeluruh perwatakan yang dibawa oleh setiap watak yang terdapat berdasarkan kepada teori Budaya. Nilai-nilai yang terdapat di dalam karya tersebut juga adalah sangat difokuskan untuk

dijelaskan dengan lebih terperinci di dalam kajian ini dan berdasarkan kepada pemilihan teori yang bersesuaian dan bertepatan.

<b>Novel Silir Daksina</b>	
<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>
Bab 1	Tersingkap Rahsia
Bab 2	Kisah Seorang Teman
Bab 3	Senaskhah Manuskrip Lama
Bab 4	Desakan Hati
Bab 5	Rindu
Bab 6	Satu Ketetapan
Bab 7	Perjalanan Yang Jauh
Bab 8	Tiba Di Kampung
Bab 9	Pertemuan
Bab 10	Pusara
Bab 11	Suasana Baharu
Bab 12	Rahsia Balai Raya
Bab 13	Sinar Harapan
Bab 14	Mencari Keserasian
Bab 15	Tetamu Istimewa
Bab 16	Bermulalah Episod

Jadual 1 : Kandungan Bab Dalam Novel *Silir Daksina*

Kajian ini merangkumi keseluruhan bab yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* iaitu terdapat 16 bab. Pengkaji juga memfokuskan kajian kepada keseluruhan bab untuk melihat perlambangan yang ditonjolkan oleh setiap watak serta nilai budaya yang terdapat pada setiap bab dalam novel tersebut. Menerusi keseluruhan bab tersebut pengkaji dapat menganalisis representasi yang dicerminkan oleh setiap watak.



Jadual 2 : Prinsip teori Budaya oleh Chris Barker

Berdasarkan kepada jadual yang terdapat di atas menunjukkan prinsip-prinsip yang terdapat dalam teori Budaya. Teori Budaya mengandungi sebanyak 8 prinsip keseluruhannya mengikut Chris Barker. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji telah memilih atau memfokuskan kepada 4 prinsip sahaja iaitu budaya dan penandaan amalan, budaya popular, teks dan khalayak pembaca dan subjektiviti dan identiti. Hal ini demikian kerana prinsip tersebut bersesuaian untuk diterapkan menerusi naratif penceritaan novel ini.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Secara umumnya, kajian ini adalah sangat penting dan mendatangkan pelbagai manfaat kepada pelbagai pihak. Kajian ini dapat menyumbang pelbagai manfaat yang positif kepada individu, masyarakat, institusi dan juga kepada negara.

### 1.7.1 Individu

Kajian ini juga memiliki kepentingan kepada individu apabila ia hanya dapat dijadikan sumber ilmu pengetahuan semasa melaksanakan kajian terhadap novel *Silir Daksina* tersebut. Hal ini dikatakan sedemikian, kerana apabila seseorang pengkaji tersebut melakukan analisis secara menyeluruh dan terperinci terhadap sesuatu aspek yang dikaji olehnya sudah pasti akan merungkai pelbagai ilmu yang terdapat pada novel tersebut seperti idea, nilai dan sebagainya. Jelaslah, bahawa dengan melakukan kajian terhadap sesuatu karya seperti novel atau cerpen sudah pasti akan dapat memberikan ilmu pengetahuan kepada pengkaji karya tersebut.

### 1.7.2 Masyarakat

Selain itu, kepentingan lain yang diperoleh daripada kajian ini ialah dapat menjelaskan lagi dengan lebih mendalam dan terperinci mengenai nilai yang dibawa oleh setiap watak dalam novel tersebut. Hal ini dikatakan sedemikian, berdasarkan kajian ini pengkaji dapat membantu golongan masyarakat untuk

mengetahui dengan secara khusus dan lebih mendalam mengenai nilai yang terdapat dalam novel tersebut. Berdasarkan perkara ini benarlah bahawa dapat menjelaskan nilai dengan lebih mendalam dan terperinci adalah merupakan salah satu kepentingan kajian ini.

### **1.7.3 Institusi**

Di samping itu, kepentingan melalui pelaksanaan kajian ini juga dapat menyumbang kepada institusi bahan dan sumber rujukan. Hal ini sedemikian, kerana pengkaji telah menganalisis novel tersebut berdasarkan aspek representasi, watak serta nilai yang terdapat di dalam karya secara terperinci. Oleh itu, perkara ini dapat membantu pengkaji akan datang dalam melaksanakan tesis dan jurnal mengenai novel tersebut.

### **1.7.4 Negara**

Seterusnya, kepentingan pelaksanaan kajian ini kepada negara ialah dapat membantu dalam melahirkan golongan masyarakat yang berakhhlak mulia dan memiliki perwatakan yang baik. Hal ini demikian kerana berdasarkan kepada kajian ini terdapat nilai serta perwatakan yang positif yang dapat dijadikan contoh dan diterapkan dalam kehidupan golongan lapisan masyarakat supaya dapat hidup dalam sebuah negara dalam keadaan aman dan harmoni.

## 1.8 Definisi Operasional

### 1.7.1 Representasi

Representasi adalah merupakan perkataan yang sebenarnya berasal daripada bahasa Inggeris iaitu Representation. Dalam Kamus Inggeris iaitu Oxford Dictionary Of English Third Edition (2010:1508) mentakrifkan bahawa perkataan representasi sebagai “the description or portrayal of someone or something in a particular way” (deskripsi atau gambaran tentang seseorang atau sesuatu dengan cara tertentu). Pengertian ini juga hampir sama seperti yang dijelaskan oleh Chambers Concise Dictionary (2004:1021) yang memberikan makna representation sebagai “the act or process of representing or the state of fact of being represented”. Proses yang mengambarkan atau sesuatu yang digambarkan. Kamus dewan bahasa Inggeris-Melayu (1992:1330) pula memberikan takrifan bahawa representasi adalah merupakan perlambangan atau sebagai gambaran.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2015:1322) pula memberikan senarai bahawa perkataan tersebut adalah pinjaman daripada bahasa Inggeris yang ditakrifkan sebagai melambangkan, menggambarkan atau menyatakan sesuatu yang lain. Berdasarkan kepada kamus-kamus yang telah dinyatakan dapat dijelaskan atau dirumuskan bahawa “representasi” adalah merupakan gambaran terhadap sesuatu. Berdasarkan kepada perkara tersebut dan mengambil kira permasalahan kajian, perkataan “representasi” dalam kajian ini ditakrifkan sebagai deskripsi atau gambaran terhadap watak-watak yang terdapat pada watak-watak di dalam novel *Silir Daksina*.

Representasi merupakan suatu perlambangan yang meliputi aspek yang luas kerana representasi terdiri daripada pelbagai prinsip yang terdapat yang digunakan oleh pengkaji dalam kajian mereka mengikut kesesuaian adalah merupakan cerminan atau gambaran masyarakat daripada pelbagai sudut seperti budaya dan perwatakan seseorang dalam kalangan masyarakat. Hal ini dikatakan sedemikian, kerana terdapat banyak budaya yang diamalkan dan diwariskan oleh generasi terdahulu kepada golongan masyarakat masa kini sebagai warisan. Representasi atau perlambangan yang ingin ditunjukkan dalam kajian ini ialah apabila warisan atau sesuatu budaya yang diamalkan oleh golongan masyarakat tersebut mampu memberikan kesan terhadap perwatakan seseorang individu. Representasi juga penting sebagai cerminan terhadap sebuah masyarakat dan menjadi simbol identiti mereka berdasarkan kepada sesuatu budaya tersebut.

### **1.7.2 Novel**

Novel adalah sebuah prosa yang direka dalam durasi yang panjang dan di dalamnya terkandung bahagian mengenai kehidupan menurut Siti Hajar Abdul Aziz (2011). Novel sebenarnya adalah berasal daripada bahasa Itali iaitu Novella yang bermaksud perkara satu benda kecil yang baharu. Novel mengisahkan kejadian yang dipusatkan kepada serpihan hidup manusia pada sesuatu tempat dan masa tertentu. Novel merupakan satu bentuk pentafsiran rencam hidup manusia yang terbina dalam bentuk sastera cereka. Cerpen merupakan rangkuman tiga faktor utama yang saling berkait, iaitu pengalaman peribadi, realiti rencam hidup dan imaginasi. Ketiga-tiga faktor ini mencetuskan idea pokok yang kemudiannya diadun dan diolah kembali untuk dijadikan

sebuah karya yang unik dengan segala unsur yang terpadu dalamnya. Idea yang tercetus daripada ketiga-tiga faktor ini berkisar bukan sahaja pada tahap kehidupan manusia dengan segala liku, keserbutan dan kerencamannya, malah boleh berlegar di sekitar kehidupan selain daripada manusia itu sendiri.

### 1.7.3 Watak

Watak ialah seorang pelaku atau sebuah aksi yang terdapat di dalam sebuah cerita. Watak-watak juga terdapat dalam setiap cerita untuk membantu mendukung idea utama, dan membantu dalam mengembangkan idea yang berkenaan sehingga mencapai kepada matlamat yang diinginkan. Bahkan, perwatakan adalah merupakan satu cara bagaimana penulis mencipta dan menyusun serta memperlakukan apa sahaja terhadap watak-watak yang dihasilkan olehnya. Perwatakan juga adalah sangat penting dalam cerita ataupun cereka yang berperanan sebagai penggerak yang menjadikan perjalanan sesebuah cerita tersebut lancar. Jika penulis tidak berjaya untuk menghidupkan watak-watak yang terdapat maka ia akan mencacatkan sesebuah cereka dan cerita tersebut. Watak juga adalah merupakan teras utama dalam sesebuah cereka. Oleh itu, aspek watak dalam setiap cereka adalah merupakan perkara yang sangat penting dalam memainkan peranannya untuk menghidupkan cerita dan peristiwa yang berlaku sepanjang kisah atau cerita yang hendak disampaikan oleh penulis atau pengarang.

### 1.9 Organisasi Bab

Untuk memudahkan perbincangan mengenai penyelidikan yang dilakukan secara keseluruhannya kajian ini telah dibahagikan kepada 5 bab. Tujuan setiap bab ini

dibahagikan oleh pengkaji adalah untuk membahagikan bahagian-bahagian penting yang terdapat di dalam kajian ini.

### **Bab 1**

Dalam bab pertama ini adalah mengenai pengenalan terhadap tajuk yang dipilih oleh pengkaji dalam kajian ini. Dalam bab ini juga terdiri daripada bahagian-bahagian yang tertentu iaitu pengenalan, latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, definisi operasional, organisasi bab serta rumusan bagi bab ini.

### **Bab 2**

Dalam bab yang kedua pula adalah pengkaji akan membincangkan mengenai sorotan kajian iaitu kajian lepas. Kajian lepas adalah merupakan penyelidikan yang telah dijalankan oleh pengkaji lepas mengenai representasi, watak dan novel yang telah dilakukan serta mengenai teori Budaya. Akhir sekali rumusan bagi keseluruhan bab kedua tersebut.

### **Bab 3**

Pada bab yang ketiga pengkaji akan menghuraikan dengan jelas mengenai kaedah metodologi kajian yang akan digunakan dalam menghasilkan kajian ini dengan jayanya. Pengkaji juga telah memilih untuk menjalankan kajian ini dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu melalui kepustakaan buku-buku yang terdapat serta sumber daripada internet, artikel dan jurnal yang terdapat. Malahan pengkaji juga akan melakukan analisis secara menyeluruh terhadap watak-watak yang terdapat di dalam novel *Silir*.

*Daksina* tersebut berdasarkan kepada teori Budaya untuk mendapatkan hasil dapatan kajian dan membuat rumusan secara keseluruhan mengenai bab tiga.

#### **Bab 4**

Pada bab keempat ini pengkaji akan menganalisis kajian berdasarkan kepada pengenalan, iaitu representasi watak dalam novel *Silir Daksina*. Pengkaji juga akan menganalisis watak-watak yang terdapat di dalam novel tersebut dengan mengaitkan teori Budaya yang telah dipilih oleh pengkaji dalam menjalankan kajian ini serta untuk melihat sejauhmana nilai yang terdapat di dalam watak-watak pada novel tersebut dapat dipersembahkan kepada golongan masyarakat yang menjadi contoh serta teladan dan diakhiri dengan kesimpulan yang menyeluruh mengenai bab empat.

#### **Bab 5**

Pada bab kelima dan terakhir ini akan dirangkumkan semua rumusan perbincangan yang telah dibuat oleh pengkaji untuk menjawab dengan jelas dan terperinci mengenai persoalan kajian yang telah dikaji. Dalam bab terakhir ini juga akan membincangkan mengenai cadangan, implikasi serta rumusan.

## 1.10 Kesimpulan

Kesimpulannya, pengkaji dapat menerangkan bahagian pengenalan secara keseluruhan mengenai penyelidikan ini. Dalam bahagian pengenalan pengkaji telah menerangkan dengan khusus dan terperinci mengenai definisi bagi representasi, watak-watak, definisi novel serta teori Budaya secara jelas dan terpeinci serta penegasan terhadap teori Budaya mengenai penyelidikan ini. Pengkaji juga mengambil pandangan daripada tokoh-tokoh untuk membantu dalam penegasan terhadap definisi bagi istilah-istilah tersebut. Selain itu, dalam bab ini juga pengkaji menerangkan mengenai latar belakang kajian yang mengandungi jalan cerita dalam novel tersebut serta sejarah perkembangan mengenai teori Budaya yang digunakan oleh pengkaji. Di samping itu, dalam bab ini juga menerangkan mengenai pernyataan masalah berdasarkan kepada penyelidikan ini. Pengkaji juga telah mengambil pernyataan masalah yang terdapat daripada sumber akhbar dan kajian lepas. Perkara ini dapat membantu pengkaji dalam memperkuuhkan pernyataan tersebut kerana sahih dan wujud. Seterusnya, dalam bab ini juga pengkaji telah menyenaraikan 3 persoalan kajian iaitu yang pertama apakah representasi watak-watak di dalam novel *Silir Daksina* ?, bagaimanakah representasi watak-watak dalam novel *Silir Daksina* berlandaskan kepada teori Budaya ? dan sejauhmanakah kepentingan nilai-nilai budaya yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* kepada golongan masyarakat ?. Pengkaji juga telah menyenaraikan 3 objektif kajian iaitu mengkaji representasi watak-watak yang terdapat di dalam novel *Silir Daksina*, menganalisis representasi watak-watak dalam novel *Silir Daksina* berdasarkan kepada teori Budaya, mendeskripsi kepentingan nilai-nilai budaya yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* kepada golongan masyarakat. Malahan, pengkaji juga meletakkan bahagian skop dan batasan kajian pada bab ini untuk membataskan terhadap skop kajian

ini. Dalam pada itu, pengkaji juga meletakkan kepentingan kajian dalam bab ini untuk melihat kepentingan kajian ini kepada individu, masyarakat, institusi dan negara. Sementara itu, pengkaji juga meletakkan definisi operasional dalam bab ini untuk menerangkan dengan jelas dan terperinci mengenai istilah-istilah yang terdapat dalam kajian ini seperti representasi, novel dan watak. Akhir sekali, pengkaji juga telah meletakkan bahagian organisasi bab untuk menerangkan secara ringkas dan padat mengenai apa yang terdapat pada setiap bab dalam penyelidikan ini.



## BAB 2

### TINJAUAN LITERATUR

#### 2.1 Pendahuluan

Kajian ini memberikan penelitian terhadap kajian-kajian lepas dalam melaksanakan tinjauan literatur yang telah dilaksanakan oleh para sarjana mengenai tajuk penyelidikan ini. Kajian ini juga adalah memfokuskan terhadap kajian-kajian lepas berkaitan dengan novel *Silir Daksina* karya Nizar Parman berdasarkan kepada teori Budaya. Tujuan tinjauan literatur ini dilakukan oleh pengkaji adalah untuk melakukan pemerhatian terhadap representasi watak-watak yang terdapat di dalam novel *Silir Daksina* dapat dianalisis dengan terperinci dan jelas dengan menggunakan teori Budaya melalui nilai yang terdapat pada watak-watak yang terdapat di dalam novel tersebut. Tinjauan literatur ini juga dijalankan terhadap kajian-kajian lepas yang telah dilakukan mengenai representasi watak-watak terhadap novel. Kajian ini juga dilakukan secara terperinci terhadap sumber-sumber yang terdapat seperti jurnal, artikel, buku, tesis dan dokumen lain untuk dijadikan bahan idea dan data sebagai panduan dan rujukan di dalam penyelidikan ini.

## 2.2 Tinjauan Literatur Watak

Kajian lepas Noriah Taslim (2008:91) menyatakan bahawa watak utama dalam sebuah cerita jenaka Melayu adalah merujuk kepada perwatakan negatif dan tidak melaksanakan sesuatu seperti manusia normal yang lain. Menurut Kamus Dewan (2007:1803), watak merupakan sifat individu yang zahir dan batin berdasarkan kepada budi pekerti dan tabiatnya, tingkah lakunya, jiwanya dan sebagainya. Manakala Ismail Ahmad (1988:64) pula menyatakan bahawa watak dan perwatakan merupakan gambaran manusia biasa yang berperibadi yang memainkan peranan untuk membantu dalam mengembangkan idea di dalam sesebuah cerita. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk melihat perwatakan yang dibawa oleh watak utama dalam cerita jenaka Melayu. Kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan merujuk sumber-sumber sekunder yang terdapat. Kajian ini juga dapat membantu untuk membuktikan bahawa cerita-cerita jenaka Melayu tersebut memfokuskan terhadap keperibadian yang mulia dan dapat disahkan melalui ciri serta perwatakan yang positif.

Kajian lepas oleh Siti Khariah Mohd Zubir dan Nur Denna Samsudin (2016) dalam jurnalnya menyatakan bahawa aspek watak dan perwatakan adalah menarik untuk dikaji kerana kurangnya pengkaji yang melakukan kajian terhadap novel tersebut kerana ia adalah teks yang baharu. Oleh itu, pengkaji dapat mengupas pelbagai isu baharu daripada novel tersebut. Watak-watak yang terdapat di dalam novel tersebut juga menunjukkan aspek-aspek yang positif yang dapat dijadikan contoh dan tauladan kepada kalangan masyarakat malahan watak yang ditunjukkan juga tidak begitu rumit dan mudah untuk difahami. Kajian ini juga dijalankan untuk membantu para pelajar dalam memahami watak dan perwatakan yang terdapat di dalam novel tersebut. Berdasarkan pemahaman tersebut mereka dapat mengambil mesej yang diketengahkan

oleh penulis. Kajian ini juga dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan merujuk kepada sumber-sumber yang terdapat. Kajian ini juga dapat memberikan sesuatu ilmu yang baharu dan boleh dijadikan sumber rujukan oleh golongan pelajar mahupun golongan guru semasa proses pembelajaran di sekolah.

Berdasarkan kepada kajian lepas Johari Talib, Maharam Mamat & Maznah Ibrahim (2017) yang bertajuk *Tun Seri Lanang : Dari Istana Batu Mawar Ke Naggaroe Aceh Darussalam*. Kajian ini adalah mengenai ketokohan watak Tun Seri Lanang dalam cerita rakyat. Kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti mengenai ketokohan Tun Seri Lanang berdasarkan kepada jalan ceritanya tersebut. Batasan kajian ini adalah meneliti karya yang bertajuk *Tun Seri Lanang* untuk mengetahui dengan jelas dan terperinci mengenai ketokohan watak tersebut. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menganalisis teks yang terdapat sebagai bukti yang jelas dan kukuh. Hasil daripada kajian tersebut juga akan memperoleh bahawa watak Tun Seri Lanang adalah seorang yang memiliki ilmu pengetahuan serta peradaban yang tinggi.

Kajian lepas oleh Nor Ain Binti Matnoh, Zairul Anuar Md. Dawam & Sim Chee Cheang (2019) yang bertajuk *Simbolisme Watak Dan Perwatakan Berdasarkan Konteks Sosio-Budaya Masyarakat Malaysia Dalam Filem Ola Bola* (2016). Kajian ini adalah mengenai watak dan perwatakan berlandaskan konteks sosio-budaya masyarakat Malaysia. Kajian ini juga turut membincangkan watak dan perwatakan dalam filem *Ola Bola* tersebut yang terdiri daripada pelbagai kaum. Kajian ini juga adalah menggunakan kaedah kualitatif iaitu dengan menganalisis kandungan naratif dengan memfokusannya kepada aspek watak dan perwatakan yang terdapat di dalam filem tersebut. Hasil daripada kajian ini dapat merumuskan bahawa watak dan perwatakan dapat dikukuhkan lagi dengan adanya bantuan latar tempat, dialog dan sebagai untuk

menunjukkan sosio-budaya masyarakat Malaysia. Unsur-unsur tersebut yang banyak membantu menarik minat para penonton daripada pelbagai kaum untuk menonton filem tersebut.

Menurut Chris Barker (2016) bahawa subjektiviti adalah merujuk kepada proses yang melibatkan tingkah laku manusia. Manakala identiti telah menjadi teras penyelidikan budaya. Ini kerana, seperti yang dinyatakan oleh Chris Barker (2016) bahawa kajian budaya adalah disiplin ilmu yang bertujuan untuk menjawab soalan tentang proses pembentukkan identiti manusia, seperti bagaimana identiti seseorang dibentuk?, bagaimana seseorang membentuk dirinya sebagai subjek, bagaimana seseorang mengenal pasti dirinya melalui (emosi) sebagai lelaki atau perempuan, hitam atau putih, muda atau tua?.

### 3.5 Proses Pengumpulan Data

Proses pengumpulan data merujuk kepada teknik atau prosedur yang digunakan untuk mengumpul maklumat dan fakta dalam kajian atau penyelidikan. Menurut Asep Sudarsyah (2013) menyatakan bahawa objektif pengumpulan data adalah untuk mendapatkan data yang tepat, boleh dipercayai dan berguna untuk menyelesaikan persoalan kajian atau mencapai matlamat kajian. Pengkaji memilih kaedah yang paling berkesan untuk mengumpul data dengan mengumpul maklumat penting. Metodologi ini boleh digunakan melalui pemerhatian secara langsung, mengadakan temu bual dengan peserta, menggunakan soal selidik atau soal selidik, analisis dokumen, pengumpulan data sekunder, eksperimen, atau kaedah pengukuran khas.

Pengumpulan data sekunder dengan data daripada pihak sebelum ini, manakala eksperimen membolehkan penyelidik mewujudkan keadaan terkawal untuk memantau kesan perubahan terhadap pembolehubah khusus. Teknik ukuran khusus, seperti peperiksaan kognitif atau fizikal, boleh digunakan untuk mengumpul maklumat tertentu. Pengkaji harus memberi perhatian kepada kesahihan dan kebolehpercayaan data. Kesahan menunjukkan sejauh mana data yang dikumpul berfungsi sebagai representasi konsep atau fenomena yang dikaji. Selain itu, kebolehpercayaan merujuk kepada ketekalan ukuran yang dibuat daripada data yang telah dikumpulkan. Dengan memilih pendekatan yang sesuai dan mengambil kira kesahan dan kebolehpercayaan data, adalah mungkin untuk mengumpul data dengan berkesan. Kemudian, data yang dikumpul akan digunakan untuk analisis dalam penyelidikan, dan membantu dalam membuat kesimpulan dan hasil yang lebih tepat dan signifikan.

### 3.5.1 Dokumentasi

Dalam penyelidikan, kaedah dokumentasi menggunakan dan menganalisis dokumen sebagai sumber data. Dalam kes ini, dokumen bermaksud bahan tertulis atau bahan lain yang boleh menyediakan maklumat yang berkaitan dengan kajian. Menurut Siti Mariam Mat Nor (2015), teknik dokumentasi membolehkan penyelidik memeriksa, mengkaji, dan menganalisis dokumen untuk memahami fenomena, peristiwa, atau proses yang dikaji. Pengkaji akan menjelaskan kaedah dokumentasi di sini, dengan beberapa contoh dan keuntungan daripada menggunakan untuk tujuan penyelidikan.

Oleh itu, kaedah dokumentasi adalah kaedah yang membantu dalam penyelidikan yang menggunakan dokumen sebagai sumber data. Ia memberikan akses kepada data sejarah, mengurangkan kos pengumpulan data, dan menggambarkan evolusi dan perubahan sepanjang masa fenomena yang telah diteliti. Selain itu, faedah penggunaan kaedah dokumentasi termasuk rekod yang penting, keupayaan untuk mengumpul data, dan penggunaan semula data yang tidak boleh diperoleh dengan cara lain. Walau bagaimanapun, adalah penting untuk mempertimbangkan keaslian dan kebolehpercayaan bahan kajian, serta rekod dan interpretasi subjektif yang lemah. Pengkaji mesti memverifikasi sumber, menilai kredibiliti dokumen, dan mengambil kira subjektiviti dalam analisis.

Kaedah dokumentasi adalah kaedah yang berguna dalam penyelidikan. Ia membolehkan penyelidik mendapatkan data yang luas dan objektif serta mendapatkan pemahaman yang mendalam tentang evolusi dan perubahan

fenomena dalam masa lalu. Kaedah dokumentasi boleh membantu dengan mengetahui kelemahan dokumen dan memastikan keaslian dan kebolehpercayaan dokumen yang penting untuk memahami dan menganalisis penyelidikan.

### **3.6 Instrumen Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menjadi sebuah alat yang digunakan dalam menganalisis representasi watak yang terkandung di dalam novel ini. Penyelidikan ini juga dilakukan berdasarkan kepada objektif-objektif yang telah ditetapkan untuk memperolehi data-data penting untuk melaksanakan penyelidikan ini. Objektif pertama kajian ini ialah mengkaji representasi watak-watak yang terdapat dalam novel *Silir Daksina*. Untuk mencapai objektif tersebut pengkaji harus membaca novel tersebut dengan memahami secara mendalam untuk mengenalpasti watak-watak yang terdapat. Objektif yang kedua, ialah menganalisis representasi watak-watak dalam novel *Silir Daksina* berdasarkan kepada teori Budaya. Penyelidik akan menggunakan teori Budaya berdasarkan kepada pendekatan atau prinsip yang digunakan oleh pelopor Chris Barker untuk melihat cerminan watak yang ditonjolkan di dalam novel tersebut. Objektif yang ketiga ialah mendeskripsi kepentingan nilai-nilai budaya dalam novel kepada golongan masyarakat untuk melihat peranan nilai budaya tersebut kepada khalayak. Segala data yang diperoleh dan didapati daripada objektif pertama dan kedua tersebut akan diteliti dengan lebih terperinci dalam memasukkan representasi watak-watak berdasarkan kepada teori Budaya. Instrumen kajian ini akan membantu dalam memberikan pemahaman dengan lebih mendalam terhadap representasi watak dan istilah

represenstasi berdasarkan kepada novel *Silir Daksina* dan teori Budaya yang terdapat pada novel tersebut.

### **3.7 Kesimpulan**

Kesimpulannya, metodologi kajian adalah menggabungkan beberapa langkah dan kaedah yang digunakan untuk menjalankan kajian dan mencapai matlamatnya. Teknik ini memberikan garis panduan kepada pengkaji mengenai kaedah pengumpulan data untuk menganalisis dan ditafsirkan. Metodologi kajian biasanya dimulakan dengan merumuskan masalah atau hipotesis kajian untuk diselesaikan. Selepas itu, metodologi penyelidikan yang sesuai, seperti kajian kualitatif, temu bual, literatur atau analisis dokumen. Data akan dikumpul oleh pengkaji melalui kaedah seperti temu bual dan analisis dokumen. Data yang telah dikumpul akan dianalisis menggunakan teknik yang sesuai seperti analisis kandungan atau cerita. Analisis termasuk pengelopokan, pengkategorian dan pentafsiran data untuk mendapatkan kesimpulan yang berkaitan dengan masalah kajian.

Secara amnya, metodologi kajian berfungsi sebagai garis panduan dan rangka kerja. untuk menjalankan penyelidikan secara berstruktur dan sistematik. Pengkaji menjamin bahawa data dikumpul dan dianalisis dengan betul, dan keputusan dipaparkan dengan jujur. Metodologi kajian menyumbang kepada kesahihan dan kebolehpercayaan kajian dan menyediakan asas yang kukuh untuk tafsiran dan kesimpulan yang dibuat berdasarkan tajuk kajian, yang ialah Representasi watak-watak dalam novel *Silir Daksina* oleh Nizar Parman dengan menggunakan teori Budaya.

Kaedah kajian adalah merupakan perkara yang penting dalam memainkan peranan untuk sebuah kajian. Hasil sebuah kajian yang berkualiti juga akan dapat dihasilkan melalui kaedah kajian yang sesuai dan tepat. Setiap hasil kajian yang berkualiti diperoleh daripada kaedah kajian yang teratur dan sistematik serta memiliki struktur yang jelas dan tersusun. Kaedah kajian ini juga dapat membantu dalam mencari data serta dapat mencipta hujah dengan fakta yang asli dan sahih. Hal ini dikatakan sedemikian, kerana sumber untuk penelitian telah dianalisis dan dikenal pasti kesahihan berdasarkan metodologi kajian tersebut. Metodologi kajian juga berperanan dalam menjelaskan fungsi dan cara menggunakan kaedah tertentu dan juga menggunakan teori Budaya untuk menganalisis teks *Silir Daksina*. Setelah mengetahui dengan mendalam berkaitan fungsi teori dalam kajian sekaligus dapat membantu dalam melancarkan proses menganalisis data untuk memperoleh hasil kajian yang berkualiti. Oleh itu, metodologi kajian adalah perkara asas yang perlu ada dalam sebuah kajian sebelum memperolehi hasil kajian yang ditimbulkan dalam persoalan kajian oleh pengkaji.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

## BAB 4

### ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

#### 4.1 Pendahuluan

Analisis adalah merupakan proses yang merujuk kepada perkara yang ditafsir dan diperincikan sesuatu maklumat tersebut untuk difahami strukturnya dan untuk mengenal pasti corak dan mengekstrak makna daripada data yang ada. Dalam aspek penyelidikan, analisis adalah merangkumi kepada beberapa langkah yang sistematik untuk mentafsir hasil kajian atau data yang diperoleh daripada kajian tersebut. Proses dalam menganalisis juga boleh dijalankan dengan menggunakan pelbagai kaedah yang terdapat seperti analisis statistik, analisis kualitatif, analisis kuantitatif atau gabungan daripada kedua-duanya, ia adalah bergantung kepada jenis data yang dikumpul dan soalan kajian yang akan ditanya oleh pengkaji tersebut. Terdapat daripada beberapa analisis kajian yang akan melibatkan pengekodan data, pengelompokan, pengelasan, perbandingan serta tafsiran. Tujuan dalam melakukan analisis tersebut adalah untuk membentangkan maklumat dan data dengan lebih jelas dan bermakna dengan mengenal pasti corak yang mungkin muncul dan membuat kesimpulan yang dapat menyokong jawapan kepada persoalan kajian.

Selain itu, dapatan kajian pula adalah merujuk kepada segala hasil atau dapatan yang telah diperoleh oleh pengkaji terhadap sesuatu kajian atau penyelidikan. Dapatan kajian juga adalah merupakan segala maklumat yang telah ditemui oleh penyelidik

semasa proses analisis data. Dalam penemuan kajian termasuk jawapan kepada persoalan kajian, serta hasil yang dapat disimpulkan untuk memberikan pandangan dan sumbangan yang baharu dalam bidang penyelidikan. Dapatan kajian yang diperoleh oleh penyelidik juga haruslah dibentangkan dengan jelas beserta bukti dan data yang jelas supaya ialah kukuh. Dalam menghasilkan sebuah laporan dalam penyelidikan, dapatan kajian yang diperoleh tersebut haruslah diletakkan dalam konteks penemuan terdahulu, teori yang telah sedia ada dan kerangka konseptual yang menyokong terhadap tafsiran yang dibuat.

Analisis dan dapatan kajian adalah dua elemen penting dan utama dalam sesebuah penyelidikan kerana ia saling berkaitan dan saling mengukuhkan. Kaedah analisis haruslah menyokong objektif yang telah dibuat dalam sesebuah penyelidikan. Dengan penyelidik haruslah memilih kaedah analisis yang sesuai dengan persoalan kajian dan jenis data yang dikumpul. Kaedah analisis yang bersesuaian akan membolehkan penyelidik mendapatkan maklumat dan data yang relevan dan mendalam. Hasil daripada analisis yang dilakukan oleh pengkaji haruslah memiliki hubung kait dengan persoalan kajian yang telah dikemukakan oleh pengkaji. Analisis yang selaras dan konsisten dapat membantu untuk mendapatkan hasil dapatan dan data yang selari dengan objektif kajian sekaligus dapat memberikan jawapan yang terperinci kepada persoalan kajian yang terdapat.

Seterusnya, dapatan kajian yang diperoleh juga haruslah ditafsir oleh pengkaji dengan merujuk kepada hasil analisis tersebut. Analisis yang berkualiti dan baik akan dapat mewujudkan hasil kajian yang dipercayai sah serta wujud. Pengkaji yang dapat memberikan kesahan adalah merupakan dapatan yang diperoleh daripada analisis memiliki keselarasan dan kesesuaian dengan objektif kajian dan bertepatan, manakala

kebolehpercayaan merupakan keputusan yang dapat dan boleh untuk diulang atau dilakukan dengan keputusan yang serupa jika kajian yang dilakukan diulang semula.

Analisis juga dapat membantu pengkaji dalam menyediakan asas untuk menghasilkan rumusan atau sebuah kesimpulan yang kukuh. Setiap kesimpulan yang dilakukan oleh pengkaji juga haruslah memiliki kriteria seperti menggabungkan dapatan kajian yang diperoleh dengan konteks teori yang digunakan oleh pengkaji serta praktikal. Oleh itu, perkara ini memerlukan pemahaman yang mendalam mengenai analisis yang telah dijalankan. Analisis dan dapatan yang diperoleh juga haruslah mempunyai implikasi yang jelas serta relevan dalam konteks praktikal atau dasar. Dengan mengaplikasikan hasil penyelidikan dalam kehidupan sebenar akan dapat membantu dalam memberikan nilai tambah yang ketara. Pada bahagian refleksi dalam kajian yang dilakukan oleh pengkaji juga haruslah melibatkan penilaian terhadap proses analisis. Pengkaji juga hendaklah mengetahui batasan analisis, pertimbangan terhadap sesuatu etika dan faktor-faktor lain yang boleh mencemarkan kesahan dan kebolehpercayaan yang ditemui oleh pengkaji.

Kajian ini telah dijalankan oleh pengkaji untuk meneliti dan membincangkan mengenai representasi watak-watak yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* untuk diteliti dengan lebih terperinci. Perkara tersebut dapat dilihat apabila pengkaji menjalankan analisis terhadap perwatakan yang dibawa oleh watak utama dan watak-watak sampingan yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* tersebut. Watak adalah merupakan sebuah elemen yang penting dalam membantu kelancaran sesebuah cerita. Selain itu, kajian ini juga memfokuskan perbincangan terhadap representasi watak-watak dalam novel *Silir Daksina* berdasarkan kepada teori Budaya. Berdasarkan kepada teori Budaya tersebut pengkaji dapat melihat dengan jelas dan terperinci mengenai budaya yang terdapat dalam novel tersebut mencerminkan perwatakan pada watak-

watak yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* tersebut. Akhir sekali, pengkaji juga melakukan penelitian terhadap kepentingan nilai-nilai budaya yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* kepada golongan masyarakat. Penelitian terhadap nilai adalah sangat penting terutama sekali kepada golongan masyarakat kerana perkara tersebut akan memberikan kesan positif kepada golongan masyarakat.

#### **4.2 Mengkaji Representasi Watak-Watak Yang Terdapat Di Dalam Novel *Silir Daksina*.**

Mengkaji representasi watak dalam sesebuah novel adalah merupakan satu aspek yang penting untuk menganalisis sesebuah karya sastera. Watak-watak yang terdapat di dalam sesebuah novel tersebut memainkan peranan yang penting untuk membentuk plot, menyampaikan mesej kepada para pembaca dan menghidupkan jalan cerita sesebuah karya tersebut. Representasi watak dalam sesebuah novel tersebut dapat dilihat daripada sudut yang tertentu seperti pembangunan atau perkembangan watak itu sendiri. Dengan melihat watak-watak yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* berkembang sepanjang cerita dan melihat kepada aspek personaliti dan sikap dalam diri watak-watak tersebut serta faktor yang mempengaruhi perkembangan watak-watak tersebut sama ada dari faktor luaran ataupun dalaman. Selain itu, berdasarkan kepada representasi kita juga dapat melihat ciri-ciri fizikal terhadap watak-watak yang terdapat dalam novel dan perkaitan diantara ciri-ciri tersebut dengan perwatakan mereka. Representasi juga dapat dilihat daripada emosi watak yang terdapat dalam novel tersebut mempengaruhi terhadap sebarang keputusan dan tindakan mereka. Malahan kita juga dapat melihat motivasi yang dipegang oleh watak yang terdapat dalam novel

*Silir Daksina* yang memberikan inspirasi kepada mereka dan mempengaruhi perjalanan cerita watak tersebut dalam novel ini. Rentetan daripada itu, kita juga dapat melihat daripada aspek hubungan diantara watak. Dalam hubungan tersebut dapat dilihat sama ada terdapat konflik atau kerjasama antara watak. Sementara itu, dalam konteks ini kita juga dapat melihat peranan utama watak-watak yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* tersebut dan tindakan serta keputusan yang diambil oleh mereka akan mempengaruhi terhadap keseluruhan sesebuah cerita tersebut. Malahan, berdasarkan perkara tersebut juga pembaca akan dapat memahami dengan lebih jelas dan terperinci mengenai perwatakan watak-watak yang terdapat dalam novel *Silir Daksina*. Akhir sekali, menerusi aspek ini juga penulis dapat menonjolkan cerminan nilai sosial dan budaya masyarakat yang terdapat untuk dijadikan pengajaran dan teladan serta melihat watak-watak di dalam novel *Silir Daksina* tersebut berhubung dengan latar belakang budaya tersebut. Oleh itu, meneliti representasi watak dalam novel memerlukan perhatian yang teliti terhadap teks dan kebolehan membaca antara baris untuk memahami lapisan yang mungkin tersembunyi. Analisis watak membantu pembaca atau penonton memahami dengan lebih mendalam terhadap sesebuah karya sastera dan maksud yang cuba disampaikan oleh pengarang.

#### 4.2.1 Watak-Watak Protagonis

Watak protagonis dapat didefinisikan menurut Namri Sidek (2021) bahawa Istilah Yunani (Greek) ‘protagonis’ berasal dari perkataan asalnya ‘protos’ yang digabungkan dengan ‘agoniste’ yang bermaksud ‘pelakon’. Perkataan ‘protos’ bermaksud ‘pertama’ atau ‘pelakon yang utama’ manakala

‘protagonis’ bermaksud ‘pelakon yang pertama’ atau ‘pelakon yang utama’. Istilah ‘pelakon’ dikaitkan dengan masyarakat Yunani kuno yang gemar melakukan persembahan teater. Pelakon yang memainkan watak utama dalam persembahan teater dikenali sebagai ‘protagonis’. Pelakon tidak menggunakan istilah ‘protagonis’ sehingga abad ke-17 apabila ia menjadi popular untuk merujuk kepada watak utama dalam cerita yang mempunyai sifat positif atau baik. Manakala menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bahawa protagonis dapat didefinisikan sebagai satu watak dalam perjalanan cerita, drama dan sebagainya yang dikelaskan sebagai watak utama dan menjadi penyokong yang terkemuka terhadap sesuatu perjuangan, pergerakan dan sebagainya. Oleh itu, dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* terdapat watak-watak protagonis yang ditunjukkan iaitu watak Haiqal Hakimi sebagai watak utama serta memiliki perwatakan yang baik diikuti dengan watak Ong See Hwa, watak Abdullah bin Kayan dan watak Tauke Ong.

#### 4.2.1.1 Watak Haiqal Hakimi

Haiqal merupakan watak utama di dalam novel *Silir Daksina*. Watak Haiqal adalah memainkan peranan yang penting dalam memastikan kelancaran sesebuah penceritaan dan supaya jalan cerita tersebut akan kelihatan lebih menarik kepada para pembaca. Haiqal adalah merupakan anak kepada Abdullah bin Kayan dan umi iaitu Rafiqah. Haiqal telah terpisah dengan ayah kandungnya sejak beliau masih kecil lagi. Haiqal kini tinggal bersama dengan ayah tirinya iaitu walid dan umi serta adik

tirinya. Haiqal merupakan seorang yang aktif dan memiliki bakat yang besar dalam bidang pembelajaran terutama sekali dalam bidang sastera. Hal ini kerana, sejak bangku sekolah lagi beliau telah banyak mengikuti pelbagai pertandingan mengenai bidang sastera dan mendapat tempat apabila menyertainya. Selama menunggu keputusan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) Haiqal telah pergi ke Kampung Seri Purnama, Batu Pahat, Johor untuk merungkai kisah hidup ayah kandungnya iaitu Abdullah bin Kayan setelah mendapat sebuah manuskrip yang telah dihasilkan oleh ayahnya tersebut yang telah diamanahkan kepada Ong See Hwa untuk menghantarkan manuskrip tersebut kepada Haiqal. Walaupun sedemikian, hasrat Haiqal tersebut tidaklah semudah yang disangkakan kerana uminya tidak memberikan keizinan kepada Haiqal untuk ke sana malahan umi tidak akan memberikan wang perbelanjaan kepadanya jika Haiqal berdegil dengan hasratnya tersebut. Setelah tiba di Kampung Seri Purnama Haiqal telah berkenalan dengan orang kampung di sana termasuk Tauke Ong yang banyak membantunya selama Haiqal berada di kampung tersebut. Semasa berada di kampung tersebut Haiqal telah merungkai sejarah kehidupan arwah ayahnya serta apa yang diperjuangkannya. Oleh itu, Haiqal juga telah berusaha untuk menghidupkan semula kebudayaan serta bidang kesusasteraan yang telah lama mati sejak arwah ayahnya meninggal dunia. Pelbagai usaha yang telah dilakukan oleh Haiqal untuk mencapai perkara terebut dan sudah tentu daripada bantuan golongan masyarakat di kampung tersebut dengan mereka melaksanakan majlis tarian zapin dan pelbagai lagi aktiviti berkaitan sastera di balai raya

kampung tersebut yang melibatkan penduduk kampung di sana. Majlis tersebut berlangsung dengan jayanya walaupun terdapat beberapa masalah teknikal dan kesulitan yang dihadapi akan tetapi mereka dapat menyelesaiannya dengan teratur untuk memastikan kelancaran program tersebut dengan jayanya malahan walid, umi dan adik tirinya juga turut datang ke majlis tersebut untuk melihat Haiqal menari tarian zapin.

Watak Haiqal merupakan seorang remaja yang berbakat dalam bidang seni sastera. Bakat merupakan suatu keupayaan yang dimiliki oleh seseorang yang genius dan memiliki kelebihan dalam sesuatu bidang secara semula jadi. Menurut Munandar dalam Ulfah (2019) bakat umumnya dapat didefinisikan sebagai kemampuan bawaan, potensi yang dimiliki oleh seseorang tersebut yang masih boleh untuk diasah dan dikembangkan dengan latihan supaya dapat direalisasikan. Perkara ini berbeza dengan bakat berkaitan ‘kemampuan’ kerana ia dikaitkan dengan kuasa untuk melakukan sesuatu tindakan hasil daripada sifat yang semula jadi serta daripada proses latihan. Kebolehan merujuk kepada sesuatu tindakan yang boleh untuk dilakukan dan dijalankan oleh seseorang tersebut pada masa sekarang, manakala bakat memerlukan proses latihan dan didikan yang berterusan dan konsisten agar sesuatu tindakan itu dapat dijalankan pada masa yang akan datang. Bakat serta kebolehan yang dimiliki oleh seseorang itu dapat menentukan pencapaian seseorang dalam sesuatu bidang yang diceburinya. Maka, pencapaian yang diperoleh oleh seseorang itu adalah manifestasi terhadap bakat dan keupayaan. Pencapaian yang cemerlang dalam

sesuatu bidang akan dapat mencerminkan sesuatu bakat yang unggul dimiliki oleh seseorang dalam bidang tersebut. Kajian ini juga membincangkan mengenai seorang remaja yang berbakat dalam bidang sastera watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*"Pelajar yang sering memenangi pertandingan deklamasi puisi peringkat sekolah, johan menulis sajak dan cerpen peringkat negeri. Aku bangga dengan engkau, Qal," puji Ratna.*

(*Silir Daksina*, 2015:103)

Berdasarkan kepada petikan teks yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas kita dapat melihat bahawa watak Haiqal merupakan seorang yang memiliki bakat sama seperti arwah ayahnya iaitu Abdullah Bin Kayan dalam bidang seni sastera. Hal ini dikatakan sedemikian, kerana Haiqal merupakan seorang pelajar yang aktif dalam menyertai pelbagai pertandingan dalam bidang sastera dan dalam setiap pertandingan yang disertai oleh Haiqal pasti akan meraih kemenangan dan mendapat tempat johan bukan sahaja di peringkat sekolah malahan di peringkat negeri. Berkat daripada bakat yang diperolehi oleh Haiqal tersebut dalam bidang sastera dia selalu mendapat pujian daripada rakan karibnya semasa di sekolah iaitu Ratna. Dalam konteks ini, Haiqal sememangnya seorang yang memiliki bakat yang terpendam dalam bidang pembelajaran terutama sekali dalam bidang sastera kerana Haiqal memiliki kemahiran dalam mendeklemasikan puisi dan menulis sajak.

Selain itu, Haiqal juga berperwatakan sebagai seorang anak yang penyayang. Penyayang dapat didefinisikan sebagai orang yang memiliki kasih terhadap orang lain, pengasih, pencinta dan bersifat belas kasihan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Menurut Muhammad Al-Ghazali (1987) bahawa penyayang adalah merupakan elemen daripada nilai kasih sayang iaitu kewujudan suatu perasaan menyintai sesama manusia dan perasaan tersebut dapat mewujudkan sebuah ikatan dalam sebuah perhubungan yang akrab. Penyayang juga dapat disimpulkan mengenai perasaan yang mendalam, tiada sempadan atau batas waktu dan daripada mana-mana paksaan untuk menyayangi seseorang individu. Perkara ini juga akan membawa kepada perlakuan yang positif terhadap seseorang dalam ikatan dan perhubungan sesama manusia. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*Haiqal mengusap-usap lembut batu nisan itu. Warnanya masih putih walaupun sudah agak pudar dan diselaputi lumut yang kehijau-hijauan. Perlahan-lahan dia mengeluarkan surah Yasin dari poket bajunya. Setelah membaca surah al-Fatihah dan berselawat ke atas nabi, dia membaca surah Yasin itu dengan suara yang cukuplah sekadar kupingnya sahaja yang mendengar. Bacaannya, terhenti-henti beberapa kali. Dia memohon kekuatan daripada Allah agar bisa meneruskan bacaan sehingga selesai.*

(*Silir Daksina*, 2015:170)

Berdasarkan kepada petikan teks yang terdapat di dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas bahawa watak Haiqal merupakan seorang anak yang sangat menyayangi arwah ayahnya. Hal ini dikatakan sedemikian, kerana walaupun Haiqal telah lama terpisah dengan arwah

ayahnya tersebut iaitu Abdullah bin Kayan akan tetapi Haiqal tidak pernah untuk melupakan ayahnya tersebut malahan Haiqal juga telah pergi untuk melawat pusara arwah ayahnya yang terletak di kampung Seri Purnama, Batu Pahat, Johor untuk membacakan surah Yassin untuk memberikan penghormatan kepadanya. Perbuatan Haiqal mengusap lembut batu nisan pusara ayahnya juga turut dapat mengambarkan bahawa dia sangat menyayangi arwah ayahnya tersebut. Jelaslah, dapat dilihat bahawa walaupun Haiqal telah terpisah jauh dengan arwah ayahnya sejak kecil lagi dan tidak mengenali hati budinya akan tetapi rasa kasih dan sayang yang ditunjukkan oleh Haiqal terhadap arwah ayahnya tersebut adalah sangat mendalam. Oleh itu, penyayang merupakan sikap semula jadi yang ada dalam hati nurani setiap insan untuk menyayangi seseorang individu dan sesuatu benda yang istimewa dan penting baginya.

Di samping itu, Perwatakan seorang yang baik hati dapat didefinisikan sebagai perbuatan atau perlakuan yang baik atau murni yang patut ada dalam diri setiap manusia. Berdasarkan kepada pendapat Norita Ariffin (2006) bahawa baik hati adalah merupakan sikap belas kasihan yang ditunjukkan oleh seseorang daripada jiwa seseorang dan dapat memberikan kebaikan serta manfaat kepada diri sendiri atau orang lain malahan persekitarannya. Manakala menurut Tajul Arifin Nordin & Nor'aini (1992) berpendapat bahawa baik hati adalah sebagai sebuah sikap sentiasa yang suka mengambil berat terhadap perasaan dan kebajikan orang lain secara tulus dan ikhlas. Menurut Hashim Hj. Musa (2008) baik hati ialah merupakan sikap bertimbang rasa terhadap sesuatu

perasaan dan kedudukan orang lain, sikap ini dapat menunjukkan rasa simpati terhadap kesusahan atau penderitaan yang dialami oleh orang lain dan bermurah hati untuk membantu atau memberikan sokongan moral terhadap mereka. Perwatakan ini juga akan sentiasa memberikan kemaafan kesalahan orang lain dan tidak menyimpan sebarang dendam. Seterusnya, berdasarkan kepada definisi yang terdapat dapat disimpulkan sebagai satu sikap atau perasaan yang wujud bersandarkan kepada sikap ingin memberi dalam memenuhi perasaan, keperluan dan kebajikan diri, orang lain dan persekitaran agar dapat menyalurkan faedah, kebaikan dan manfaat dengan penuh keikhlasan. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*"Ratna, engkau janganlah menangis macam ini. Aku faham perasaan engkau. Apa yang penting, kau juga telah berusaha seperti rakan-rakan kita yang lain. Percayalah, gagal dalam peperiksaan bukan bermakna engkau akan gagal dalam kehidupan,"* pujuj Haiqal. Lembut suara Haiqal menusuk lubuk hatinya. Selepas itu, Haiqal terus berhujah tentang insan-insan tersohor yang pernah mengalami kegagalan sebelum berjaya dan di hormati dunia, misalnya Abraham Lincoln dan Thomas Alva Edison.

(*Silir Daksina*, 2015:11-12)

Berdasarkan kepada petikan teks dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas dapat dilihat bahawa Haiqal merupakan seorang yang baik hati. Hal ini dikatakan sedemikian, kerana semasa rakan karibnya iaitu Ratna kecewa sehingga menitikkan air matanya kerana gagal dan tidak berjaya mendapatkan keputusan yang memuaskan dalam peperiksaan Haiqal datang untuk menenangkannya dan memberikan

kata-kata semangat serta memberikan sokongan sosial kepada Ratna. Haiqal juga turut menjelaskan kepada Ratna bahawa keputusan peperiksaan tersebut bukanlah segalanya dan yang menentukan masa depan seseorang untuk terus gagal dalam kehidupan. Haiqal juga telah menenangkan Ratna atau memujuknya dengan menggunakan nada yang lembut dan sesuai dengan situasi kerana Haiqal memahami perasaan yang dirasai oleh Ratna pada ketika itu. Setelah keadaan beransur pulih Haiqal turut memberikan contoh tokoh-tokoh yang telah memperoleh kejayaan dalam hidup mereka dan tidak terlepas daripada merasakan kegagalan sehingga hatinya kembali pulih seperti sedia kala. Oleh itu, Sikap yang ditunjukkan oleh Haiqal dalam menangani kesedihan yang dialami oleh Ratna setelah mendapat keputusan yang tidak memuaskan tersebut adalah sikap terpuji yang sepatutnya ada dalam diri setiap manusia supaya tidak berbangga diri.

Seterusnya, Haiqal juga merupakan seorang yang bijak dalam pelajaran. Bijak merupakan perwatakan yang menggambarkan seseorang yang pandai dalam pelbagai bidang yang diceburi. Bijak juga merujuk kepada seseorang yang pandai dalam percakapannya ataupun lebih sinonim kepada petah lidah. Malahan bijak dalam konteks lain juga dapat didefinisikan sebagai betul dalam melakukan sesuatu keputusan seperti bersikap jimat cermat semasa berlakunya inflasi ekonomi merupakan langkah yang bijak dan bestari. Bijak juga merujuk kepada sesuatu kepakaran dalam sesuatu bidang yang membantu mereka untuk mendapatkan pangkat kerana kemahiran mereka menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Menurut Ahmad Johari Sihes (2010) pembelajaran

adalah proses dalam membentuk struktur kognitif dan keaktifan minda. Pembelajaran kognitif adalah seperti pemikiran bijak, penyelesaian masalah, penemuan dan penerimaan. Ilmu yang diperoleh juga tidak semestinya hasil daripada latihan tetapi lebih kepada proses interaksi antara minda serta pengalaman yang sedia ada dan baharu. Atau pada dasarnya, jika seseorang tidak dapat menentukan hubungan antara perkara dan makna yang dipelajari, pembelajaran itu tidak akan berlaku walaupun diberi latihan secara berterusan. Bijak dalam pelajaran menunjukkan seseorang yang memiliki kelebihan dalam sesuatu perkara seperti bidang pembelajaran. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*Biarlah seketika ini aku akan meninggalkan bumi  
Semenanjung untuk menimba ilmu di sebuah universiti  
yang terletak di Bumi Kenyalang. Aku aman dan  
tenteram di sini.*

(*Silir Daksina*, 2015:273)

Berdasarkan kepada petikan teks novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas bahawa Haiqal adalah merupakan seorang yang bijak dalam pelajaran. Hal ini dikatakan sedemikian, kerana dalam teks tersebut dapat dilihat bahawa setelah Haiqal sudah tentu mendapat keputusan yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Tinggi Malaysia (STPM). Kecemerlangan Haiqal dalam keputusan tersebut telah menyebabkan Haiqal layak untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Universiti yang terletak di negeri Sarawak dalam bidang yang diminati

olehnya. Jelaslah, menunjukkan bahawa Haiqal sememangnya seseorang yang bijak dalam pelajaran dan masih meminati untuk meneruskan pembelajaran pada peringkat yang lebih tinggi.

Akhir sekali, Haiqal juga merupakan seorang yang taat pada perintah agama. Taat merupakan perwatakan yang mencerminkan seseorang yang melaksanakan segala perintah tuhan dan tidak mengingkarinya. Dalam konteks agama juga dapat dilihat bahawa taat juga merujuk kepada seseorang yang kuat beribadah dan melakukan segala suruhan agama Islam. Taat juga dapat dimaksudkan sebagai seseorang yang patuh kepada orang lain atau sesuatu benda dengan tidak membantah serta menurut seperti undang-undang ataupun peraturan yang telah ditetapkan. Taat juga merujuk kepada ketaatan seseorang tersebut kepada raja dan kesungguhan hati terhadap agamanya menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Menurut Azhariah Abdul Kadir (2010) bahawa sikap taat kepada perintah tuhan ini berdasarkan kepada konteks Islam adalah mengenai sikap kepatuhan seseorang individu dan kesungguhan hati mereka terhadap agama malahan taat adalah sentiasa menurut perintah. Berdasarkan kepada kajian ini dapat dilihat bahawa perwatakan taat kepada perintah tuhan kepada individu yang berakhlik mulia harus patuh dan taat kepada ajaran agama Islam dan sentiasa menjadikan ajaran Islam sebagai panduan dalam hidup mereka. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*Ah, biarlah dulu! Nanti kalau sudah sampai di tempat yang kutuju, barulah aku memaklumkannya. Begitulah fikiran dalam benaknya. Sayup-sayup kedengaran azan subuh berkumandang. Ada baiknya jika dia menunaikan solat subuh sebelum meneruskan lagi perjalanan.*

(*Silir Daksina*, 2015:137)

Berdasarkan kepada petikan teks yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas menjelaskan bahawa Haiqal adalah seorang yang taat kepada perintah agama. Hal ini demikian kerana setelah sampai ke perhentian bas tersebut Haiqal tidak menghiraukan perkara lain selain daripada mencari tempat untuknya menunaikan solat subuh sebelum bas bergerak ke destinasi yang akan ditujuinya. Walaupun banyak perkara yang terdapat di fikirannya yang merunsingkannya akan tetapi Haiqal tidak melupakan tanggungjawabnya sebagai seorang muslim dan taat dalam melaksanakan ibadah wajib yang telah disyariatkan dan ditetapkan oleh agama Islam. Walaupun Ratna merupakan karib Haiqal dan meminta dia untuk memaklumkan keadaannya pada waktu tersebut akan tetapi Haiqal tidak memaklumkan keadaannya dahulu kepada Ratna malahan dia mendahulukan perintah tuhan dahulu kerana Haiqal mengetahui bahawa perkara utama dan penting untuk didahulukan adalah perintah tuhan daripada segala hal. Sikap yang diamalkan oleh Haiqal tersebut adalah berakhhlak mulia kerana bertepatan dengan syariat Islam sebagai seorang muslim yang akan menjadikan seorang muslim yang sejati.

#### 4.2.1.2 Watak Ong See Hwa

Ong See Hwa adalah merupakan watak sampingan yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* yang merupakan anak perempuan kepada Tauke Ong. Ong See Hwa adalah merupakan anak bongsu daripada 3 orang adik beradiknya. Ong see Hwa memiliki seorang abang dan seorang kakak. Ong See Hwa merupakan seorang yang meminati bidang sastera walaupun beliau berbangsa cina. Dalam manuskrip yang dihasilkan oleh Abdullah bin Kayan Ong See Hwa menjadi watak Ai Ling. Ong See Hwa seorang yang sangat mencintai bidang sastera sejak dari bangku sekolah rendah lagi kerana dia suka membaca buku. Ong See Hwa juga merupakan murid kesayangan cikgu Abdullah bin Kayan dan individu yang paling dekat dengannya kerana beliau menganggapnya seperti anaknya sendiri kerana beliau sering mengingati anaknya iaitu Haiqal. Ong See Hwa juga telah melibatkan diri dalam pentandingan mendeklemasikan sajak ketika sekolah rendah di bawah bimbingan cikgu Abdullah dengan mendapat tempat johan dalam acara tersebut. Malahan Ong See Hwa juga merupakan seorang penari zapin di kampung Seri Purnama. Ong See Hwa juga telah banyak menimba ilmu dalam bidang sastera daripada ayah Haiqal tersebut.

Ong see hwa juga telah menjaga kelestarian karya-karya yang dihasilkan oleh ayah Haiqal setelah pemergiannya. Walaupun, Ong See Hwa seorang yang berbangsa cina akan tetapi kefasihannya dalam berbahasa melayu adalah sangat baik. Beliau juga merupakan seorang

yang sangat amanah kerana telah memberikan manuskrip yang dihasilkan oleh Abdullah bin Kayan kepada anaknya iaitu Haiqal Hakimi yang berada di Terengganu.

Ong See Hwa merupakan seorang yang pandai mendeklemasikan sajak. Menurut Baltes (2005) pandai atau dapat didefinisikan sebagai kepakaran yang dimiliki oleh seseorang untuk menyelesaikan masalah yang terdapat mengenai tingkah laku seseorang tersebut dan erti kehidupan. Manakala menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bahawa pandai adalah kesempurnaan daripada akal untuk berfikir mengenai sesuatu perkara, memahami sesuatu perkara dan lain-lain seperti kebijaksaan, kecerdikan dan kepintaran. Mendeklemasikan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat ialah membacakan atau menyampaikan puisi tradisional seperti pantun, sajak dan lain-lain untuk didengarkan oleh orang lain. Oleh itu, pandai mendeklemasikan sajak dapat dirumuskan bahawa seseorang individu yang memiliki kemahiran yang baik dengan melakukan persiapan dan latihan yang cukup dalam menyampaikan atau membacakan sajak kepada orang ramai. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*Ai Ling juga giat berlatih untuk memantapkan persembahannya. Dua orang pelajar perempuan yang telah bersekolah menengah di kampung itu juga akan turut mendeklemasikan puisi pada malam itu. Adakalanya mereka akan berlatih bersama-sama di balai raya. Ai Ling akan bersajak, manakala dua orang lagi rakannya akan bersyair. Setiap kali mereka berlatih, aku akan turun padang.*

(*Silir Daksina*, 2015:85)

Berdasarkan kepada petikan teks yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa Ong See Hwa merupakan seorang yang pandai dalam mendeklemasikan sajak. Hal ini demikian kerana semasa program kebudayaan di kampung Seri Purnama yang diadakan di balai raya terdapat pelbagai jenis kebudayaan yang dipersembahkan kepada orang kampung dan tetamu jemputan iaitu Yang Bahagia (YB) kawasan tersebut seperti tarian zapin, deklemasi sajak, syair dan sebagainya. Selepas memenangi pertandingan di sekolah dalam acara mendeklemasikan sajak Ong See Hwa diminta untuk turut serta untuk memeriahkan suasana majlis pada malam tersebut. Oleh itu, Ong See Hwa tidak melepaskan peluang tersebut dengan turut mengambil bahagian dalam persembahan tersebut dalam mendeklemasikan sajak yang telah dilatih sendiri oleh arwah ayah Haiqal iaitu Abdullah bin Kayan. Melalui latihan yang dilakukan oleh Ong See Hwa tersebut ia dapat menambahbaikkan lagi caranya untuk mendeklemasikan sajak tersebut. Setelah selesai mendeklemasikan sajak Ong See Hwa mendapat tepukan gemuruh daripada orang kampung dan tetamu jemputan. Perkara ini jelas menunjukkan bahawa Ong See Hwa pandai dalam mendeklemasikan sajak dengan menggunakan nada serta intonasi yang benar dan sesuai.

Selain itu, Ong See Hwa juga merupakan seorang yang fasih berbahasa Melayu. Menurut Nor Aina Dani (2007) bahawa fasih dapat didefinisikan sebagai sebuah kemahiran yang baik dalam bertutur iaitu dengan menyebut serta membunyikan bunyi-bunyi bahasa dengan melakukan melontarkan kata-kata daripada pertuturan menggunakan

intonasi, nada yang sesuai serta menggunakan helaan yang tepat. Fasih bukan sahaja merujuk kepada seseorang yang bercakap dengan cara yang kemas, teratur dan licin akan tetapi ia juga melibatkan kata yang tepat dan jelas oleh seseorang. Bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi yang digunakan oleh rakyat Malaysia untuk berinteraksi antara satu sama lain. Oleh itu, fasih dalam berbahasa Melayu adalah sangat penting kerana bahasa Melayu adalah bahasa rasmi negara dan perlu untuk dikuasai dan dipelajari oleh setiap bangsa dalam negara sekaligus dapat memartabatkan penggunaan bahasa Melayu. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*Haiqal senyum. Fasih See Hwa berbahasa Melayu. Tidak kedengaran pelat cinanya. "Johor pun apa kurangnya, kan? Negeri yang telah melahirkan ramai pejuang bangsa macam Dato 'Onn... negeri yang kaya dengan kebudayaannya.*

(*Silir Daksina*, 2015:159)

Berdasarkan kepada petikan teks yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa Ong See Hwa merupakan seorang yang fasih dalam berbahasa Melayu. Hal ini demikian kerana semasa Haiqal dan Ong See Hwa ditinggalkan oleh Tauke Ong di warung untuk menyelesaikan urusannya. Haiqal dan Ong See Hwa telah berbual sambil menikmati makanan yang telah dipesan oleh mereka. Dalam perbualan tersebut Haiqal menyedari bahawa walaupun Ong See Hwa berbangsa Cina akan tetapi kefasihannya dalam berbahasa Melayu adalah sangat baik dan teratur malahan tidak ada kedengaran pelat cinanya. Perkara ini sedemikian, mungkin disebabkan

oleh pengaruh daripada persekitarannya oleh orang kampung yang kebanyakannya orang Melayu dan kerana Ong See Hwa mencintai bidang sastera. Selain itu, Ong See Hwa juga jelas adalah seorang yang fasih berbahasa Melayu berdasarkan kepada contoh teks lain yang terdapat di bawah;

*Haiqal tersenyum apabila mendengar kata-kata See Hwa itu. Anak bongsu Tauke Ong dan Puan Khei ini bukan sahaja cantik tetapi berbudi bahasa. Perkara yang paling mengagumkan Haiqal ialah kefasihannya bertutur dalam bahasa Melayu.*

(*Silir Daksina*, 2015:227)

Berdasarkan kepada petikan teks lain yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas membuktikan bahawa sememangnya Ong See Hwa adalah seorang yang fasih dalam berbahasa Melayu. Hal ini, kerana setelah mendengar kata-kata yang diucapkan oleh Ong See Hwa Haiqal berasa sangat kagum dengannya. Walaupun Ong See Hwa bukan berbangsa Melayu tetapi dia sangat fasih dalam bertutur menggunakan bahasa Melayu. Fasih dalam berbahasa Melayu adalah penting untuk mencerminkan bahawa kita adalah merupakan warganegara Malaysia. Perkara tersebut bersesuaian menurut Redzuan Muhamram (2022) dalam keratan akhbar My Metro menyatakan bahawa terdapat seorang gadis berbangsa Cina yang fasih dalam berbahasa Melayu dan dialek Kelantan. Hal ini kerana, semasa berada di sekolah gadis tersebut bergaul dengan murid-murid berbangsa Melayu dan sering bertanya jika terdapat perkataan yang tidak fahami menyebabkan gadis tersebut kini dianggap berbangsa Melayu kerana kefasihannya dalam berbahasa Melayu. Oleh itu, bahasa Melayu haruslah dikuasai oleh

semua golongan masyarakat dalam negara tidak mengira bangsa dan agama supaya dapat berkembang dan dimartabatkan sehingga ke peringkat antarabangsa sekaligus dapat dipelihara untuk generasi yang akan datang.

Di samping itu, Ong See Hwa juga adalah seorang yang suka membaca. Menurut Maria Johana dan Ari Widayanti (2007) membaca adalah kemahiran yang dimiliki oleh seseorang dalam proses menerima. Berdasarkan aspek ini, proses kognitif yang terlibat secara langsung adalah kemahiran dalam mendengar. Dalam kemahiran tersebut seseorang akan dapat melakukan analisis terhadap mesej yang terdapat daripada menerima mesej. Tujuannya adalah untuk menggalakkan seseorang tersebut membaca dalam keadaan selesa sekaligus memahami isi kandungan bacaan tersebut. seseorang tersebut tidak perlu untuk memahami perkataan atau ayat demi ayat akan tetapi mereka dapat mentafsirkan keseluruhan ini bacaan dengan meluahkan fikiran mereka tentang bacaan tersebut. Membaca juga adalah merupakan proses untuk pembaca dalam mendapatkan mesej dan pengajaran daripada pengarang berdasarkan karya yang dihasilkan. Oleh itu, kajian ini membincangkan mengenai Ong See Hwa yang suka membaca. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*“Saya nak beli novel. Jom ke kedai itu,” ajak See Hwa sambil menunjuk ke arah sebuah kedai buku. Haiqal tidak pula membantah. Mereka berjalan beriringan. Kedai buku itu terletak di antara kedai solek dengan kedai pakaian. Kedai itu sederhana besarnya, namun buku-buku yang dijual tersusun kemas mengikut kategorinya. Kebanyakkannya buku yang dijual ialah buku rujukan dan buku latihan untuk peperiksaan. Bahagian novel pula terletak di suatu sudut di dalam kedai itu dan, bersebelahan sudut majalah.*

(*Silir Daksina*, 2015:163)

Berdasarkan petikan teks dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa Ong See Hwa adalah merupakan seorang yang suka membaca. Hal ini dikatakan sedemikian, kerana setelah lama menunggu Tauke Ong untuk menjemput mereka dan tidak datang lagi Ong See Hwa mengajak Haiqal untuk pergi ke kedai buku untuk membeli novel di kedai itu. Lokasi kedai buku tersebut tidaklah jauh daripada tempat mereka menikmati santapan tengahari. Setelah sampai di kedai buku tersebut Ong See Hwa dan Haiqal melihat bahawa kedai tersebut bukunya tersusun mengikut kategorinya. Terdapat banyak kategori buku yang dijual di kedai tersebut terutama sekali buku rujukan dan buku latihan. Buku novel pula diletakkan bersebelahan dengan sudut majalah. Melalui perkara tersebut dapat dilihat bahawa Ong See Hwa adalah merupakan seorang yang suka membaca kerana ketika berada di pekan dia tidak pergi ke kedai solek dan kedai pakaian berada di antara kedai buku tersebut malahan Ong See Hwa memilih untuk ke kedai buku. Seperti mana yang diketahui bahawa golongan wanita kebanyakannya lebih memilih untuk mengunjungi kedai solek dan pakaian untuk menjaga keterampilan mereka. Perkara ini jelas

membuktikan bahawa Ong See Hwa adalah seorang yang suka membaca buku.

#### 4.2.1.3 Watak Abdullah Bin Kayan

Abdullah bin Kayan adalah watak sampingan dan merupakan ayah kepada watak utama iaitu Haiqal. Abdullah bin Kayan juga merupakan seorang guru sekolah rendah di kampung Seri Purnama. Beliau dan anaknya iaitu Haiqal telah terpisah lama sejak Haiqal masih kecil lagi disebabkan penceraian dengan ibu Haiqal iaitu Rafiqah kerana berlaku salah faham diantara pasangan tersebut. Beliau sangat menyayangi Haiqal kerana apabila teringat akan Haiqal beliau akan mengeluarkan air matanya kerana terlalu rindu akan anaknya tersebut. Beliau juga telah menghasilkan sebuah manuskrip kepada Haiqal untuk menceritakan kisah kehidupannya sepanjang berada di kampung tersebut sehingga Haiqal berasa tertarik dan ingin menyelami kisah tersebut dengan Haiqal pergi ke tempat tersebut. Pada manuskrip yang dihasilkan oleh beliau untuk bacaan Haiqal beliau telah menjadi watak sebagai cikgu Nizam atau pun dikenali sebagai Amirulnizam dalam manuskrip tersebut. Beliau juga merupakan seorang penggiat dan tokoh dalam bidang sastera yang hebat dan dikenali oleh penduduk kampung sehingga mendapat pengiktirafan. Beliau merupakan individu yang bertanggungjawab terhadap kelestarian kebudayaan di kampung Seri Purnama di Batu Pahat, Johor. Beliau merupakan tokoh dan banyak

menyumbangkan bakti kepada kebudayaan di kampung tersebut seperti menghidupkan semula tarian zapin yang merupakan warisan turun-temurun golongan masyarakat di sana. Beliau juga telah meletakkan pelbagai bahan ilmiah serta karya-karya yang dihasilkan olehnya di balai raya sebagai bahan bacaan dan untuk tujuan pendidikan kepada penduduk kampung Seri Purnama. Beliau juga telah berjuang dalam bidang sastera di kampung Seri Purnama tersebut sehingga hujung hayatnya.

Selain itu, Abdullah Bin Kayan juga adalah seorang individu yang mencintai bidang sastera. Menurut Fromm (2018) bahawa cinta adalah merupakan sebuah tindakan yang bersifat aktif dan bukan daya pasif yang ada pada diri setiap manusia. Maka watak cinta yang aktif dapat digambarkan cinta itu yang pertama sekali adalah seseorang tersebut mencintai orang lain, dan individu tersebut disayangi orang lain. Semua perkara tersebut adalah berkaitan dengan cinta. Golongan masyarakat masa kini hanya mengetahui makna cinta hanya antara lelaki dan perempuan sedangkan makna cinta itu sebenarnya adalah lebih luas. Cinta merangkumi hubungan yang dijalankan oleh makhluk hidup, seperti kasih sayang antara anak dengan ibu, kasih sayang sesama manusia, antara lelaki dan perempuan, cinta kepada hamba kepada tuhannya dan sebagainya. Banyak perhubungan berdasarkan cinta, yang bukan sahaja antara pasangan kekasih. Pelbagai bentuk cinta mempunyai ciri yang berbeza, tetapi semuanya kembali kepada apa yang dinamakan cinta. Manakala bidang sastera pula ialah merupakan sebuah konteks pendidikan karya asli dan asalnya ditulis dalam bahasa Melayu yang

memiliki unsur-unsur keindahan dan kehalusan, sastera juga terdapat dalam pelbagai bentuk seperti novel, cerpen, sajak, drama, puisi tradisional dan sebagainya untuk mengimbangi perkembangan intelek, emosi, rohani yang sekaliguskan menggambarkan nilai kemanusiaan dan citra dalam kalangan masyarakat menurut Adib (2012). Mencintai bidang sastera adalah satu sikap yang menghargai dan meminati sesuatu perkara selain manusia iaitu ilmu seperti bidang sastera dalam konteks yang lebih mendalam sehingga sanggup berkorban masa dan tenaga untuk memperjuangkannya. Sehubungan itu watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*Beberapa buah buku disimpan rapi di dalam sebuah almari kaca yang berkunci. Haiqal hanya merenungnya lama. Dia seakan-akan tidak percaya. Buku-buku yang terkurung di dalam almari itu dikarang oleh ayahnya. Dia benar-benar ingin menyentuh buku-buku itu. Betapa hebatnya arwah ayahnya itu.*

(*Silir Daksina*, 2015:216)

Berdasarkan kepada petikan teks dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas bahawa Abdullah bin Kayan adalah merupakan seorang yang sangat mencintai bidang sastera. Hal ini demikian kerana karya-karya yang telah dihasilkan olehnya telah disimpan dengan rapi dalam almari yang berkunci sehingga anaknya sendiri iaitu Haiqal terpegun dan seakan tidak percaya dengan kehebatan dan kesenian yang ada pada arwah ayahnya tersebut yang menghasilkan penulisan yang telah dibukukan. Haiqal juga berasa kagum dengan pencapaian arwah ayahnya tersebut dan teringin untuk menyentuh karya yang telah dihasilkan

olehnya. Beliau sememangnya seorang yang memiliki bakat dalam penulisan dan penghasilan karya. Malahan, Abdullah bin Kayan juga jelas merupakan seorang yang sangat mencintai bidang sastera berdasarkan kepada contoh petikan teks lain yang terdapat di bawah;

*"Aksara itu ialah singkatan kepada Akademi Sastera Rakyat. Ayah kamu bercita-cita menjadikan kampung ini sebagai pusat pengembangan sastera di daerah ini. Dia terlau mencintai bidang itu. Baginya, perkara itu suatu tanggungjawab sosial yang mesti dilaksanakan untuk mendekatkan masyarakat kepada sastera," jelas See Hwa.*

(Silir Daksina, 2015:220)

Berdasarkan kepada petikan teks lain dalam novel *Silir Daksina* di atas membuktikan bahawa Abdullah bin Kayan sememangnya pencinta dunia sastera kerana dapat dilihat bahawa selain sumbangannya dalam menghasilkan penulisan karya sastera beliau juga berhasrat untuk membangun sebuah Akademi Sastera Rakyat. Beliau juga bercita-cita untuk menjadikan kampung halamannya tersebut sebagai pusat dan tumpuan utama terhadap pengembangan sastera di daerah tersebut. Rasa cinta Abdullah bin Kayan terhadap bidang sastera terlalu dalam sehingga beliau beranggapan bahawa perkara tersebut merupakan tanggungjawab yang harus dipikul olehnya supaya dapat membantu untuk mendekatkan bidang sastera kepada golongan masyarakat. Oleh itu, perkara tersebut dapat memastikan bidang sastera sentiasa berkembang dan tidak pupus ditelan zaman.

Akhir sekali, Abdullah Bin Kayan juga adalah seorang yang penyayang. Penyayang ialah kewujudan terhadap suatu perasaan yang

menyintai sesama manusia dan perasaan ini dapat mewujudkan sebuah ikatan dalam perhubungan yang akrib menurut Jumali Selamat (2001). Seorang yang penyayang dapat dirumuskan sebagai rasa menyayangi dan mengasihi yang mendalam, tiada sempadan waktu dan tanpa sebarang paksaan atau unsur kepentingan diri seterusnya membawa kepada perlakuan yang baik dan positif dalam suatu ikatan dan perhubungan manusia. Sehubungan itu, kajian ini juga membincangkan mengenai sikap penyayang seorang ayah kepada anaknya. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*“Awak jangan lupa, Rafiqah. Walau sejauh mana pun awak memisahkan saya dengan Haiqal, ingatlah satu perkara. Dalam diri anak kecil itu, ada darah saya yang mengalir. Suatu hakikat yang tidak akan mampu awak menolaknya sampai bila-bila.*

(*Silir Daksina*, 2015:123)

Berdasarkan kepada petikan teks dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas benarlah bahawa Abdullah bin Kayan adalah seorang yang penyayang. Hal ini demikian kerana semasa berpisah dengan umi ayah Haiqal telah mengingatkannya bahawa walau apa pun yang terjadi Haiqal adalah darah daging dan anak kandungnya. Ayah Haiqal juga tidak kisah sejauh mana pun ibunya memisahkan Haiqal dengan dirinya akan tetapi rasa sayang dia kepada Haiqal tidak akan pernah pudar kerana Haiqal merupakan satu-satunya anak kandung beliau. Abdullah bin Kayan sememangnya seorang yang penyayang kerana dapat dibuktikan bahawa dia tidak kisah walau pun terpaksa hidup berjauhan disebabkan oleh uminya namun beliau akan tetap untuk menyayangi

Haiqal. Beliau juga mengakui bahawa darahnya juga mengalir dalam diri Haiqal yang jelas membuktikan bahawa dia menyayangi Haiqal sebagai seorang anaknya. Sikap ini seharusnya dicontohi oleh golongan masyarakat supaya berkasih sayang sesama ahli keluarga dan dalam kalangan masyarakat supaya dapat melahirkan suasana yang aman dan harmoni.

#### 4.2.1.4 Watak Tauke Ong

Tauke Ong adalah merupakan watak sampingan yang terdapat novel *Silir Daksina*. Tauke Ong di dalam manuskrip yang dihasilkan oleh Abdullah bin Kayan sebagai Tauke Lim. Beliau juga merupakan ayah kandung kepada Ong See Hwa. Beliau juga merupakan individu yang sangat rapat dengan Abdullah bin Kayan dan keluarganya kerana mereka adalah berjiran di kampung tersebut. Tauke Ong banyak berhutang budi kepada arwah ayah Abdullah bin Kayan kerana telah banyak membantunya untuk meneruskan kelangsungan hidup di kampung tersebut kerana setelah mereka berpindah di kampung tersebut Tauke Ong dan keluarga tidak memiliki apa-apa. Oleh itu, arwah ayah Abdullah bin Kayan yang banyak membantu keluarganya dengan membenarkan Tauke Ong untuk membina rumah di kawasan tanah miliknya dan menawarkan pekerjaan kepada Tauke Ong untuk menjaga kebun getahnya. Tauke Ong juga merupakan seorang yang rajin kerana tidak memilih pekerjaan dan sentiasa bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan untuk

menyara keluarganya. Walaupun Tauke Ong berbangsa Cina akan tetapi beliau sangat menyokong terhadap pelaksanaan aktiviti-aktiviti kebudayaan dengan sering terlibat terhadap aktiviti kebudayaan dan kelestarian bidang sastera di kampung Seri Purnama. Hal ini kerana, apabila terdapat majlis mengenai kebudayaan diadakan di kampung tersebut Tauke Ong dan keluarganya akan turut untuk membantu dan memberikan sumbangan kepada majlis tersebut. Malahan Tauke Ong juga merupakan seorang baik hati kerana tidak pernah melarang anaknya iaitu Ong See Hwa untuk bertemu dan datang ke rumah Abdullah bin Kayan kerana beliau memahami keadaannya malahan Tauke Ong juga memberi pinjam kepada Haiqal motorsikalnya supaya dia mudah untuk bergerak ke mana sahaja serta Tauke juga pernah mengajak Haiqal untuk makan bersama-sama di rumah Tauke Ong bersama keluarganya. Malahan Tauke Ong juga adalah seorang individu yang amanah dan jujur kerana telah memberikan wasiat Abdullah bin Kayan kepada Haiqal semasa Haiqal berada di kampung tersebut.

Selain itu, Tauke Ong juga merupakan seorang yang sangat rajin. Rajin adalah merupakan sebuah sifat mulia yang mendatangkan sesuatu yang baik kepada seseorang individu bergantung kepada niatnya sama ada untuk kemajuan diri ataupun sebaliknya. Seorang yang rajin dapat didefinisikan sebagai seorang yang profesional kerana melakukan tugasnya dengan baik dari pelbagai sudut seperti mengutamakan prosedur kerja serta teknikal dan mementingkan tanggungjawab sekaligus tidak suka membuang masa dengan melakukan perkara yang tidak mendatangkan faedah. Menurut Depdiknas (2008) bahawa seorang

yang rajin ialah seorang yang suka untuk melakukan sesuatu kerja, melakukan sesuatu kerja atau tugas dengan bersungguh-sungguh dan sentiasa berusaha untuk mencapai sesuatu yang diingini. Seperti mana yang dapat kita lihat bahawa Tauke Ong berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mengubah nasib keluarganya. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*Tauke Lim memang rajin. Pada sebelah pagi, dia dan isterinya akan menoreh getah. Pada sebelah petangnya pula, Tauke Lim akan meronda dengan motosikalnya untuk meraih hasil-hasil kampung seperti buah pinang, biji kopi, pisang, getah beku atau getah sekerap. Di bahagian tempat duduk belakang motosikal itu diletakkan satu tong besar untuk mengangkut hasil mahsul yang diraihnya. Kemudian, dia akan menjualnya di pekan. Jika tidak menoreh pula, Tauke Lim akan membersihkan kebun getah ayah. Sebab itulah kebun getah ayah sentiasa kelihatan terang. Tauke Lim menganggap kebun itu seperti kebunnya sendiri. Hasil kegigihnya itu, Tauke Lim dapat mengumpulkan wang dan membeli setengah ekar tanah kebun getah ayah untuk dijadikan tapak rumah. Kekallah sehingga kini.*

(*Silir Daksina*, 2015:28-29)

Berdasarkan kepada petikan teks yang dipetik daripada novel

*Silir Daksina* tersebut. Dapat dilihat bahawa Tauke Ong merupakan seorang yang sangat rajin. Hal ini demikian kerana Tauke Ong memanfaatkan waktunya seharian untuk melakukan pekerjaan dengan bersungguh-sungguh. Sebagai contohnya, Tauke Ong menyara keluarga dengan menoreh getah bersama isterinya pada waktu pagi manakala pada waktu petang pula setelah berehat daripada melakukan pekerjaan di kebun beliau meronda dengan motorsikalnya untuk membeli atau meraih

hasil-hasil yang tempatan daripada orang kampung seperti buah pinang, biji kopi, pisang, getah beku dan sekerap untuk dijual di pekan. Jika Tauke Ong tidak menoreh getah beliau akan memanfaatkan waktunya dengan membersihkan kebun getah milik arwah ayah Haiqal tersebut supaya tidak semak dan sentiasa kelihatan bersih dan sudah tidak asing baginya lagi. Berkat usahanya tersebut Tauke Ong dapat mengumpulkan sejumlah wang untuk membeli sebahagian kebun getah tersebut yang dijadikannya tapak rumah mereka hingga kini. Sikap kerajinan yang ditunjukkan oleh Tauke Ong tersebut seharusnya dicontohi dan sepatutnya ada pada diri setiap insan supaya dapat melahirkan golongan masyarakat yang gigih dan bersungguh-sungguh dalam melakukan sesuatu pekerjaan.

Di samping itu, Tauke Ong juga adalah merupakan seorang yang murah hati. Murah hati menurut Ismail Hamid (1988) dan Hashim Musa (2008) adalah sikap pemurah yang dimiliki oleh seseorang watak atau tidak mengamalkan sikap kedekut dan bakhil terhadap orang lain. Murah hati ialah sikap bagi seseorang yang suka berkongsi dan bersedekah kepada sesiapa sahaja di sekelilingnya malahan perbuatannya tersebut tidak mengharapkan sebarang balasan. Sikap murah hati ini juga dapat disimpulkan bahawa sebagai sikap yang dimiliki oleh kalangan manusia yang tidak berkira atau kedekut, iaitu golongan yang suka menderma dengan ikhlas dan tidak pernah untuk berharap mendapat sebarang balasan daripada perbuatan yang dilakukan itu. Sikap murah hati ini juga mencerminkan bahawa seseorang manusia memiliki tahap keimanan yang kuat di sisi Allah SWT. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung

dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*Tauke Ong bermurah hati untuk meminjamkan motosikalnya. Katanya, motosikal itu beli untuk kegunaan See Hui, kakak See Hwa. Sejak anak keduanya itu bekerja di Melaka dan telah membeli sebuah motokar, motosikal itu ditinggalkan di kampung.*

(*Silir Daksina*, 2015:168)

Berdasarkan kepada petikan teks dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas mengambarkan bahawa Tauke Ong merupakan seorang yang murah hati. Hal ini demikian semasa Haiqal berada di Kampung Seri Purnama tersebut banyak jasa yang telah diberikan Tauke Ong kepada Haiqal supaya dia berasa selesa tinggal di kampung tersebut. Tauke Ong juga telah meminjamkan motorsikal milik anaknya iaitu kakak Ong See Hwa kepada Haiqal supaya dapat memudahkan Haiqal untuk bergerak ke mana sahaja di kampung itu. Walaupun Tauke Ong berbangsa lain dengan Haiqal akan tetapi beliau tidak pernah mementingkan dirinya sahaja sebaliknya membantu dan menyediakan keperluan kepada Haiqal. Sikap murah hati yang ditunjukkan oleh Tauke Ong tersebut dapat dijadikan contoh dan teladan kepada golongan masyarakat supaya dapat melahirkan golongan masyarakat yang berhati mulia. Hal ini, jelas menunjukkan bahawa Tauke Ong adalah seorang yang murah hati bukan sahaja kepada Haiqal malahan kepada orang kampung Seri Purnama.

Seterusnya, Tauke Ong juga menampilkan perwatakan sebagai seorang yang mengenang budi. Menurut Kamus Dewan (2016)

perkataan ‘mengenang’ dapat ditakrifkan sebagai mengingat, memikir dan menghargai sesuatu perbuatan yang baik yang diterima daripada orang lain. Seterusnya, kata ‘budi’ dapat didefinisikan sebagai perangai, akal, akhlak, kebijaksanan serta tingkah laku yang baik dan bermanfaat kepada orang lain menurut Kamus Dewan (2016). Oleh itu, sikap mengenang budi ini dapat disimpulkan sebagai seseorang yang mengingati dan menghargai sesuatu pertolongan yang pernah diberikan kepadanya dengan hati yang terbuka ataupun berlapang dada. Malahan menurut Awang Had Salleh (1985) bahawa budi itu adalah serupa dengan hati budi seseorang dan adalah mustahil bagi seseorang tersebut untuk hidup tanpa adanya hati, hal yang demikianlah umpamanya dengan budi kerana tanpa adanya budi, tamadun serta budaya bangsa tidak dapat untuk ditegakkan. Seterusnya, menurut Norita Ariffin (2006) bahawa sikap mengenang budi adalah merupakan ciri nilai kesyukuran, yang mana sikap mengenang budi menerima pemberian atau budi daripada seseorang dan seharusnya individu tersebut bersyukur dan berterima kasih sekiranya mampu haruslah individu tersebut membalaunya dengan balasan yang setimpal atau lebih. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

Tauke Lim menepuk-nepuk bahuku. “Bukan itu macamlah, cikgu. Cuma saya dan isteri bimbang kami akan menyusahkan cikgu. Dulu masa susah, ayah cikgu pun sudah banyak tolong kami sekeluarga,” kata Tauke Lim. Nadanya agak perlahan. Mungkin dia teringat akan kesusahan yang terpaksa dilalui sewaktu mula berhijrah ke sini. “Dulu masa saya tak cukup wang, dia selalu kasi pinjam. Saya benar-benar terhutang budi.

(*Silir Daksina*, 2015:43)

Berdasarkan kepada petikan teks novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa Tauke Ong berperwatakan seagai seorang yang mengenang budi. Hal ini demikian kerana semasa membantu Abdullah bin Kayan yang memerlukan bantuan Tauke Ong berkata kepada beliau bahawa dia dan keluarganya tidak akan melupakan segala budi yang pernah dilakukan oleh arwah ayahnya terhadap mereka. Walaupun, Tauke Ong telah memiliki kelebihan dan berjaya pada masa tersebut akan tetapi dia tidak pernah lupa ketika mereka dalam keadaan susah dahulu mereka telah dibantu oleh keluarga Abdullah bin Kayan. Nada perlahan yang digunakan oleh Tauke Ong ketika berkata dengan Cikgu Abdullah mengenai budi keluarganya tersebut adalah menggambarkan bahawa beliau mengenang segala budi yang pernah diterima oleh mereka. Banyak jasa yang telah diberikan oleh arwah ayah cikgu Abdullah semasa mereka sekeluarga baru berpindah ke tersebut seperti memberikan peluang pekerjaan, memberikan kawasan tempat tinggal, meminjamkan wang dan sebagainya. Oleh itu, Tauke Ong sangat menghormati dan mengingati segala budi tersebut dan beranggapan bahawa sukar untuknya membala kembali budi yang diterimanya

tersebut. Sikap mengenang budi yang ditunjukkan oleh Tauke Ong sepatutnya ada dalam diri setiap orang supaya tidak sompong dan bangga diri seperti kacang lupakan kulit.

Akhir sekali, Tauke Ong juga adalah seorang yang jujur dan amanah. Menurut Aboebakar Atjeh (1988) bahawa kejujuran dapat didefinisikan sebagai seseorang yang memiliki sifat keikhlasan amanah, setia dan sering bercakap benar dalam melakukan sesuatu perkara serta tidak memiliki niat tidak baik yang mengharapkan sebarang alasan daripada orang lain. Menurut Kamus Dewan (2016) kejujuran juga tidak memiliki niat yang tersembunyi daripada mana-mana pihak malahan memiliki hati yang ikhlas dan tulus dalam melaksanakan sesuatu. Kejujuran juga dapat dirumuskan sebagai seseorang yang memiliki sifat mulia dari segi perlakuan dan pertuturan demi mewujudkan kepercayaan daripada orang di sekeliling mereka. Sikap amanah pula dapat didefinisikan sebagai manusia yang memenuhi permintaan daripada orang lain tanpa melakukan sebarang dusta kepadanya menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Menurut Kamus Dewan (2016) bahawa seorang yang jujur dan amanah juga dapat ditakrifkan memiliki hati yang suci dengan tidak melakukan sebarang pendustaan atau tidak berpura-pura dalam kelompok masyarakat serta jujur dalam melakukan sesuatu. Melalui perbincangan ini dapat dirumuskan bahawa sikap jujur dan amanah adalah satu nilai yang sepatutnya ada dalam diri setiap manusia. Melalui sikap tersebut kita dapat melahirkan golongan yang berakhhlak mulia dan berhati mulia. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung

dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*“Selama ini, pak ciklah yang diamanahkan oleh arwah ayah kamu untuk mengerjakan semua tanahnya di baruh dan di belakang rumah yang telah ditanami dengan pokok kelapa sawit. Cuma tanah yang pak cik duduki sekarang sahaja yang masih kekal dengan pokok-pokok getah. Nanti pak cik serahkan buku bank yang dibuka oleh arwah ayah Haiqal atas nama kamu,”*

(*Silir Daksina*, 2015:156)

Berdasarkan kepada contoh petikan teks dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas menjelaskan kepada pembaca tentang Tauke Ong adalah seorang yang jujur dan amanah dalam melaksanakan tanggungjawab yang telah diberikan olehnya untuk Haiqal. Hal ini demikian kerana setelah Tauke Ong mengetahui bahawa Haiqal iaitu anak kepada Abdullah bin Kayan telah sampai di Kampung Seri Purnama. Beliau telah memberikan segala wasiat yang telah diamanahkan olehnya untuk diberikan kepada Haiqal seperti buku-buku bank dan tanah warisan yang berisi pokok getah dan sawit yang selama ini telah dipelihara oleh Tauke Ong sendiri. Tauke Ong memberikan segala wasiat tersebut dengan amanah dengan tidak melakukan sebarang penipuan atau penyelewengan terhadap wasiat tersebut. Hal ini kerana jika seseorang diberikan amanah dalam melakukan segala perkara seharusnya dilaksanakan dengan baik dan jujur supaya mendapat kepercayaan oleh golongan masyarakat. Sikap yang ditunjukkan oleh Tauke Ong juga haruslah disemai dalam diri setiap manusia supaya dapat melahirkan masyarakat yang jujur dan amanah.

#### 4.2.2 Watak Antagonis

Pada era zaman moden masa kini juga, watak protagonis adalah berlawanan dengan watak antagonis iaitu watak utama yang jahat menurut Namri Sidek (2021). Walau bagaimanapun, istilah ‘antagonis’ ini sebenarnya asal-usul pembentukannya adalah berbeza. Istilah ‘antagonis’ dibentuk daripada gabungan dua perkataan yang berasal daripada Yunani iaitu ‘anti’ yang bererti ‘bersaing’ dan ‘agonizesthai’ yang dapat dimaksudkan sebagai ‘berebutkan sesuatu’. Apabila kedua-dua digabungkan maka terbentuklah perkataan ‘antagonizesthai’ yang bermaksud sebagai ‘seorang seseorang individu yang cuba dalam mendapatkan atau merebutkan sesuatu.’ Istilah ini sebenarnya telah digunakan oleh dalam sebuah pertarungan atau pertempuran dan juga pertandingan dalam sukan, yang menandakan penggunaan sebenarnya bukanlah merujuk khas atau istimewa kepada watak lawan yang berperwatakan jahat semata-mata sahaja. Penggunaan istilah ini juga telah mula berubah pada abad ke-15 selepas ‘antagonis’ mula digunakan untuk melihat kepada watak-watak yang memiliki matlamat yang berlawanan dengan watak utama. Hal ini watak-watak antagonis memiliki motif kepada sesuatu perkara yang negatif dan gemar terhadap melakukan konflik dan sifat-sifat jahat. Manakala menurut Kamus Dewan Edisi Keempat bahawa antagonis dapat didefinisikan sebagai golongan yang menentang dan berlawanan dengan golongan baik dan melakukan penentangan dengan kuat. Oleh itu, jelas dapat dilihat bahawa dalam naratif penceritaan berdasarkan kepada novel *Silir Daksina* terdapat watak-watak antagonis iaitu watak yang berkelakuan negatif seperti watak Ratna dan watak umi atau dikenali sebagai Rafiqah.

#### 4.2.2.1 Watak Ratna

Ratna adalah merupakan watak sampingan yang terdapat di dalam novel *Silir Daksina*. Ratna adalah rakan karib kepada Haiqal kerana mereka telah saling mengenali sejak bangku sekolah lagi. Setelah mendapat kупutusan yang kurang memuaskan dalam Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) Ratna telah menanam tekad untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya dan disegani dengan cita-cita untuk memiliki restorannya sendiri. Oleh itu, Haiqal juga sangat mengaguminya kerana Ratna adalah merupakan seorang yang berbakat dan meminati bidang perniagaan kerana Ratnalah yang telah menguruskan semua perkara mengenai warung milik ibunya tersebut. Ratna juga merupakan tempat untuk Haiqal berkongsi segala hal yang dihadapinya kerana Haiqal mengetahui hanya Ratna sahaja yang dapat memahami perasaan. Ratna juga seorang yang suka bergurau senda dengan selalu mengusik Haiqal semasa dia berada di warungnya yang jelas mencerminkan keakraban di antara mereka. Ratna juga telah banyak membantu Haiqal dalam menangani masalah atau konflik keluarga yang dihadapi olehnya. Oleh itu, kajian ini akan membincangkan mengenai perwatakan Ratna iaitu sahabat karib Haiqal iaitu seorang yang suka mengusik.

Watak Ratna menunjukkan perwatakan sebagai seorang yang suka mengusik. Mengusik dimaksud adalah mengganggu seseorang individu dengan niat untuk bermain-main atau menggoda akan tetapi dengan tidak bersungguh-sungguh dan seseorang tersebut dengan gurau

dan jenaknya menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Suka mengusik adalah perbuatan yang mendatangkan kebaikan dan keburukan bergantung kepada niat seseorang individu tersebut dalam mengusik orang lain. Perbuatan mengusik juga adalah cara untuk seseorang tersebut untuk memulakan interaksi dengan orang lain kerana mengusik akan menarik perhatikan orang yang diusik tersebut. Perlakuan mengusik juga selalunya dilakukan kepada orang atau individu yang dikenali oleh si pengusik dengan tujuan untuk berjenaka. Kajian ini juga membincangkan mengenai Ratna merupakan seorang yang suka mengusik. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*“Kau ni, Haiqal. Kalau hari-hari nak makan percuma, Boleh bankrap aku!” balas Ratna dengan nada bergurau. Kemudian, dia turut ketawa. Jauh di lubuk hatinya, memang itulah impiannya. Memiliki restoran sendiri di bandar Kuala Terengganu.*

(*Silir Daksina*, 2015:11)

Berdasarkan kepada petikan teks yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa Ratna adalah seorang yang suka mengusik. Hal ini dikatakan sedemikian, kerana apabila Haiqal datang ke gerai milik ibunya Ratna tersebut untuk menjamu seleranya Ratna menyapanya dengan gurauan yang mengusiknya. Perbuatan Ratna terhadap Haikal tersebut menunjukkan bahawa mereka adalah rakan karib yang sering mengusik antara satu sama lain kerana selepas Ratna mengusik Haiqal mereka tertawa bersama. Perbuatan Ratna tersebut juga adalah bertujuan untuk

memulakan interaksi antara mereka. Berdasarkan artikel daripada Mstar menurut Dr Nur Mohammad Hadi Zahalan bahawa Dalam kehidupan, suka bergurau atau mengusik adalah perkara biasa. Ia sudah menjadi warna-warni dalam hidup seseorang dengan gurauan-gurauan, sama ada bersama kawan-kawan, adik beradik atau sesiapa sahaja yang ingin membuat suasana lebih ceria. Tetapi perlu diingat bahawa Islam sebenarnya memberikan garis panduan yang lengkap untuk cara kita hidup di dunia ini. Tidak bijak untuk bergurau-senda dan mengusik orang tanpa sebab. Oleh itu, perwatakan Ratna yang suka mengusik adalah merupakan fitrah seseorang insan dengan tidak serius sepanjang masa, dan tiada unsur humor. Begitulah fitrah bagi seseorang manusia yang menyukai suasana ceria dan gembira. Ada kalanya kita bergurau senda dengan rakan-rakan dan orang di sekeliling kita. Akan tetapi perlu diingat bahawa jika bergurau atau mengusik berpada-pada jangan berlebihan kerana ia akan mendatang kesan negatif dan buruk jika berlebihan.

#### 4.2.2.2 Watak Umi (Rafiqah)

Umi atau dikenali sebagai Rafiqah adalah merupakan watak sampingan di dalam novel *Silir Daksina* tersebut. Watak sampingan dalam novel *Silir Daksina* membantu untuk menjamin kelancaran dan sebuah penceritaan yang menarik kepada para pembaca. Umi adalah merupakan ibu kepada watak utama iaitu Haiqal Hakimi. Umi juga adalah seorang

usahawan yang berjaya kerana memiliki sebuah butik dan kilang batik yang terletak di Pasar Payang malahan dia juga mahu Haiqal untuk mewarisi perniagaannya tersebut akan tetapi Haiqal tidak meminati. Umi dan ayah Haiqal berpisah kerana perselisihan faham yang berlaku diantara mereka yang menyebabkan Haiqal dan ayahnya terpaksa tinggal berjauhan. Setelah mengetahui hasrat Haiqal untuk pergi ke Johor umi tidak mengizinkan atau membenarkan hasratnya tersebut kerana baginya Abdullah bin Kayan sudah tidak wujud dalam dunianya lagi kerana dia beranggapan bahawa hidup dengan arwah ayah Haiqal tersebut tidak membahagiakan malahan sebaliknya sehingga mereka terpaksa untuk berpisah. Umi juga telah mengugut Haiqal dengan tidak akan memberikan wang perbelanjaan Haiqal berkeras untuk melanjutkan hasratnya tersebut. Walaupun sedemikian, akhirnya umi menjakkan kakinya semula di Kampung Seri Purnama untuk melihat Haiqal mempersembahkan tarian zapin sekaligus melawat pusara arwah Haiqal setelah sekian lama tidak menjakkan kaki di kampung tersebut.

Watak Umi juga menunjukkan perwatakan seorang yang ego. Ego adalah berasal daripada bahasa Yunani, ego juga adalah sifat yang diberikan kepada seseorang yang hanya mementingkan dirinya sahaja dan tidak kisah atau mempedulikan orang lain menurut Meng (2018). Ego juga adalah suatu sikap yang diluar jangka kerana ia boleh berlaku sama ada ketika sedar, separa sedar atau semasa tidak sedar. Tetapi kebanyakkannya sikap ini sering kali berlaku semasa seseorang itu dalam keadaan yang sedar. Ego selalunya dikuasai oleh prinsip realiti dalam pemikiran yang objektif. Oleh itu, prinsip keseronokan diri

digantikan dengan prinsip realiti. Ego juga berperanan untuk tetap atau mengekalkan keperibadian seseorang dan memastikan ia sesuai dengan persekitaran, di samping menyelesaikan konflik dengan keinginan yang tidak serasi antara satu sama lain. Menurut Barent (2001) bahawa ego juga mengawal perkara yang memasuki kesadaran dan perkara yang dilakukan. Oleh itu, kajian ini membincangkan mengenai Umi atau Rafiqah merupakan seorang yang ego. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*Uminya masih belum puas. “Along tahu, selama tiga tahun umi hidup bersama dengan ayah, umi dapat merasakan yang hidupnya bukanlah untuk umi. Ayah ada dunianya yang tersendiri. Dunia yang tak mampu untuk umi fahami dan tafsirkan sampai bila-bila. Umi tak mahu along jadi seperti ayah. Along faham tak? ”.*

(*Silir Daksina*, 2015:124)

Berdasarkan kepada petikan teks dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa Umi adalah seorang yang ego. Hal ini demikian kerana Umi masih lagi teringat akan perbuatan ayah Haiqal yang tidak menjalankan tanggungjawab sebagai ketua keluarga dengan baik sebaliknya mengutamakan perkara lain berbanding urusan keluarga. Perbuatan ayah Haiqal tersebut yang menyebabkan Umi sukar umi untuk mengizinkan Haiqal untuk memininati bidang sastera sama seperti ayahnya. Sikap ini juga menyebabkan Umi tetap dengan pendiriannya untuk tidak lagi mahu untuk berjumpa dengan ayah Haiqal kerana hidup bersamanya merupakan kehidupan yang gelap menurutnya. Menurut Tajul Ariffin (2022) bahawa sikap ego adalah merupakan salah

satu daripada sikap mazmumah yang sepatutnya tidak wujud tetapi ada dalam diri setiap insan. Ego adalah merujuk kepada diri sendiri dan berasa bahawa seseorang individu tersebut memiliki segalanya dan kelebihan yang hebat sehingga melupakan Allah SWT. Sebenarnya, Umi sukar untuk menyatakan bahawa sebenarnya dia masih menyayangi ayah Haiqal perkara ini dapat dilihat jika tidak ada perasaan kasih sayang Umi kepada ayah Haiqal mengapa mereka dapat disatukan dan memiliki Haiqal sebagai anak mereka. Oleh itu, perwatakan ego yang terdapat dalam diri Umi haruslah tidak diamalkan oleh golongan masyarakat supaya dapat mengelakkan diri daripada ditimpa musibah, dibenci oleh golongan masyarakat dan sifat yang dikehendaki oleh Allah SWT.

Selain itu, watak Umi atau Rafiqah adalah merupakan seorang yang pemarah. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat pemarah adalah berasal daripada kata ‘marah’ sikap ini dapat dilihat dengan jelas terdapat pada seseorang apabila perlakunya yang sering terbawa-bawa oleh emosinya mengenai perkataan dan tindakan daripada orang lain. Seseorang yang memiliki watak seseorang yang pemarah juga akan selalu memulakan perbualannya dengan menggunakan kata-kata yang kasar untuk meluahkan emosi mereka kepada individu di sekitarnya. Terdapat beberapa kes yang menunjukkan bahawa seseorang individu yang memiliki watak seorang pemarah berkemungkinan tinggi untuk bertindak secara fizikal dan akan menjadi ganas. Perkara ini berlaku kerana tindak balas kepada emosi mereka yang memuncak atau pada tahap maksimum. Sehubungan itu, watak tersebut terkandung dalam

naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*“Kenapa along ni degil sangat? Umi tak izinkan along pergi ke sana. Faham!” suara uminya masih lagi berkeras.*

(*Silir Daksina*, 2015:122)

Berdasarkan kepada petikan teks dalam novel *Silir Daksina* yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa Umi atau Rafiqah iaitu ibu kepada Haiqal adalah seorang yang pemarah. Hal ini demikian kerana apabila Haiqal meminta izin dengan cara baik dan sopan untuk pergi ke kampung halaman arwah ayahnya Umi melarang dengan keras dan memarahinya kerana hasratnya tersebut. Umi berkelakuan sedemikian kerana mungkin risau akan keadaan Haiqal kerana di sana tiada kenalannya malahan Umi tidak mahu Haiqal meneruskan jejak ayahnya tersebut dalam bidang sastera dan kebudayaan. Hal ini, kerana Umi beranggapan bahawa perkara tersebut yang menyebabkan ayahnya sanggup melepaskan tanggungjawabnya terhadap keluarga dan lebih mementingkan minatnya. Punca Umi marah kepada Haiqal adalah disebabkan oleh hasratnya tersebut yang mahu mengetahui kehidupan arwah ayahnya. Mungkin jika Haiqal meminta dan memiliki hasrat lain selain daripada melibatkan ayahnya umi sudah tentu tidak berkelakuan sedemikian. Menurut Nor Afzan Mohamad Yusof (2019) berdasarkan sabda Rasulullah SAW bahawa sesungguhnya syaitan menyusup dalam diri manusia melalui aliran darah diriwayatkan oleh Bukhari. Saat manusia marah, syaitan memasuki salur darah individu menyebabkan berlaku hilang pertimbangan akal fikiran, manakala wajah mulai merah

dengan degupan jantung berlari kencang. Tindakan itu mendorong manusia bertindak di luar kotak fikiran yang waras hingga boleh mengancam nyawa orang sekelilingnya termasuk diri sendiri. Oleh itu, perwatakan yang ditunjukkan oleh Umi dapat dijadikan pengajaran dengan tidak mengamalkan sikap pemarah kerana sikap pemarah adalah merupakan sikap yang tidak disukai dan digauli oleh golongan masyarakat kerana mereka beranggapan bahawa seseorang yang panas baran akan selalu marah terhadap sesuatu perkara. Akan tetapi sikap marah juga sepatutnya ada dalam diri setiap insan yang bertujuan untuk pendidikan dan untuk menjaga maruah diri.

#### **4.2.3 Watak Pipih**

Watak pipih menurut Dato Dr Syed Ahmad (2011) dapat didefinisikan sebagai sebuah watak yang dibangunkan secara keseluruhannya sebagaimana watak bulat. Watak ini diperkenalkan oleh penulis atau pengarang melalui sesuatu aspek peribadinya sahaja. Perkara ini dapat dilihat jika seseorang watak tersebut diberikan peranan yang tertentu seperti jahat, maka kita akan berhadapan dengan tindak-tanduknya yang negatif sahaja dalam sahaja di sepanjang ceritanya. Jelaslah, daripada perkara tersebut para pembaca tidak akan terkejut dengan segala perbuatannya kerana para pembaca sudah mengetahui peranannya sebagai watak yang hanya ditugaskan dengan satu peranan itu sahaja dan lebih kepada bersifat peribadi. Watak pipih juga sebenarnya terbahagi kepada dua bahagian iaitu di mana ia dalam sesbuah perjalanan cerita akan berpihak

kepada watak-watak protagonis dan juga terdapat watak pipih yang berpihak kepada watak-watak antagonis. Oleh itu, dalam naratif penceritaan novel *Silir Daksina* terdapat watak-watak pipih yang ditonjolkan untuk membantu watak utama dalam memastikan kelancaran sesebuah penceritaan naratif. Watak-watak pipih ini juga dapat dilihat melalui watak-watak ahli kumpulan D'Purnama, watak ketua kampung, watak pemilik warung, watak pengurus ladang sawit, watak tetamu undangan, watak keluarga Tauke Ong, watak Guru Sekolah, watak Ketua Kampung, watak JKKK dan watak Pemandu Teksi.

#### 4.2.3.1 Watak Kumpulan D'Purnama

Kumpulan dapat didefinisikan sebagai kelompok manusia atau benda hidup lain seperti binatang pada kadar jumlah yang banyak atau himpunan menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Manakala D'Purnama adalah merupakan kumpulan tarian zapin yang telah ditubuhkan oleh penduduk Kampung Seri Punama. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kumpulan D'Purnama adalah merupakan sebuah kelompok watak-watak yang terdiri daripada penduduk Kampung Seri Purnama. Perkara ini dapat dilihat melalui naratif penceritaan yang terdapat pada petikan teks yang terdapat di bawah;

*Roslan, Ramli dan Sidin yang gigih belajar dan berlatih menari zapin. Ternyata Pak Haji Salam, Wak Aruf, Wak Parmin dan juga Abang Bakir iaitu golongan veteran zapin di Kampungku yang tidak kedekut ilmu.*

(*Silir Daksina*, 2015:20)

*Pak Haji Salam yang juga merupakan ketua kumpulan zapin D'Purnama tidak membenarkan aku pulang dahulu kerana ada beberapa perkara yang hendak dibincangkan.*

(Silir Daksina, 2015:47)

*Antaranya Pak Cik Tasrif yang bermain arkodian, Haji Sulaiman yang menggesek biola dan Haji Leman yang memetik gembus bergilir-gilir dengan Haji Salim.*

(Silir Daksina, 2015:246)

Berdasarkan kepada petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa kumpulan D'Purnama adalah kumpulan tarian zapin yang terdiri daripada penduduk kampung Seri Purnama yang diketuai oleh Pak Haji Salam untuk menguruskan segala kegiatan berkaitan kumpulan D'Purnama. Kumpulan ini juga terdiri daripada beberapa orang kampung Seri Purnama iaitu Roslan, Ramli, Sidin, Wak Aruf, Wak Parmin dan juga Abang Bakir adalah penari zapin dan merupakan golongan veteran zapin di Kampung tersebut yang sering berkongsi ilmu mengenai tarian zapin. Malahan Pak Cik Tasrif merupakan pemain arkodian, Haji Sulaiman sebagai pemain biola serta Haji Leman dan Haji Salim juga pemain gembus dalam kumpulan tersebut. Oleh itu, kumpulan D'Purnama merupakan sebuah kumpulan yang memperjuangkan dan melestarikan tarian tradisional iaitu tarian zapin yang menggalakkan penduduk kampung untuk menyertai kumpulan tersebut supaya tarian zapin kekal dan tidak pupus ditelan oleh zaman moden.

#### 4.2.3.2 Watak Ketua Kampung

Perkataan ‘ketua’ dapat didefinisikan sebagai individu yang memiliki banyak pengalaman dan menggalas tanggungjawab untuk memimpin sebuah kelompok seperti pasukan dan masyarakat manakala perkataan ‘Kampung’ pula dapat didefinisikan sebagai kediaman yang berada di luar kawasan bandar masyarakatnya masih mengamalkan tradisi tradisional dalam kehidupan mereka menerusi Kamus Dewan Edisi Keempat. Oleh itu, ketua kampung dapat dirumuskan sebagai seorang individu yang dilantik oleh golongan masyarakat kerana mampu untuk memimpin mereka dan dapat menjalankan tugas dengan baik. Watak ketua kampung dapat dilihat menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*Haiqal menarik nafas lega apabila Pak Cik Bakar memaklumkan bahawa Haji Jamil, Ketua Kampung Seri Purnama telah bersetuju untuk mengadakan satu pertemuan dengan semua ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dalam masa yang terdekat.*

(Silir Daksina, 2015:226)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa watak ketua kampung jelas terdapat yang ditonjolkan melalui watak Haji Jamil. Hal ini demikian kerana Haji Jamil merupakan individu yang bertanggungjawab dalam memutuskan sesuatu keputusan perkara berkaitan dengan kampung. Hal ini kerana jika terdapat sebarang majlis atau aktiviti yang ingin dilakukan oleh penduduk Kampung Seri Purnama mereka haruslah berbincang dan

merujuknya untuk mendapat kebenaran dan pengetahuan daripada ketua kampung. Oleh itu, ketua kampung merupakan seorang individu yang memiliki peranan yang penting untuk menjadi seorang contoh dan pemimpin yang baik kepada para penduduk kampung kerana dengan ketelusan dan keberkesanannya akan dapat menjamin kepada kehidupan golongan masyarakat yang lebih aman dan harmoni.

#### 4.2.3.3 Watak Pemilik Warung

Perkataan ‘pemilik’ dapat didefinisikan sebagai individu yang empunya dan tuan punya kepada sesuatu barang, objek atau sebagainya. Manakala perkataan ‘Warung’ pula dapat dimaknakan sebagai kedai yang tidak besar dan berukuran kecil atau sederhana yang menyediakan makanan dan minuman menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa pemilik warung adalah merupakan seorang individu tidak kira lelaki atau perempuan yang mengusahakan perniagaan makan dan minum secara kecilan di sesebuah kampung yang kepunyaannya sendiri. Watak pemilik warung dapat dilihat menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*Pak Dolah yang sedang mengemas cawan dan piring kotor yang ditinggalkan oleh pelanggannya menyahut,  
“Betul cakap Tauke Lim tu, cikgu.*

(Silir Daksina, 2015:64)

*Wak Min yang sama-sama berjemaah di masjid masih belum ke warungnya. Kelihatan hanya Mak Menah sedang sibuk mengemasakan bahagian dapur warungnya. Hanya dia seorang sahaja pelanggannya ketika itu.*

(Silir Daksina, 2015:176)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa watak pemilik warung jelas terdapat yang ditonjolkan melalui watak Pak Dolah dan Wak Min. Hal ini demikian kerana watak Pak dolah jelas menunjukkan bahawa beliau merupakan pemilik warung dengan memperlihatkan perbuatannya apabila dia mengemas cawan dan pinggan kotor yang ditinggalkan oleh pelanggannya. Perkara ini juga serupa dicerminkan melalui watak Wak Min yang dibantu oleh isterinya iaitu Mak Menah menguruskan warung mereka di kampung tersebut. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa perbuatan dan tingkah laku yang ditunjukkan oleh watak Pak Dolah dan Wak Min menggambarkan bahawa mereka adalah pemilik kepada sebuah warung..

#### 4.2.3.4 Watak Pengurus Ladang Sawit

Perkataan ‘Pengurus’ dapat didefinisikan sebagai individu yang menjalankan tanggungjawab untuk melakukan sesuatu kerja yang tertentu. Manakala perkataan ‘Ladang’ pula dapat dimaknakan sebagai kawasan lebih daripada empat puluh hektar dianggap sebagai ladang. Di ladang, usaha penternakan juga boleh dijalankan selain daripada

tanaman. Selain itu, perkataan ‘Sawit’ pula dapat didefinisikan sebagai sesuatu tumbuhan yang menghasilkan minyak dan dijadikan sebagai hasil pendapatan oleh masyarakat yang tinggal di kawasan kampung menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Oleh itu dapat dirumuskan bahawa watak pengurus ladang sawit adalah merupakan individu yang bertanggungjawab menjaga sebuah kawasan yang ditanami kelapa sawit untuk diraih hasilnya sebagai sumber pendapatan kepada mereka. Watak pengurus ladang sawit dapat dilihat menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*Potong buah, potong pelepas, membaja dan membersihkan kebun kelapa sawit. Pendek kata, kamilah yang buat semuanya. Jawab Abang Salleh.*

(Silir Daksina, 2015:194)

*Kalau buahnya melawas pun, ada dalam tujuh atau lapan tan. Jawab Abang Bidin.*

(Silir Daksina, 2015:194)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa watak pengurus ladang sawit jelas terdapat yang ditonjolkan melalui watak Abang Salleh dan Abang Bidin. Hal ini demikian kerana watak Abang Bidin dan Abang Salleh memiliki pengalaman dalam menguruskan ladang sawit perkara ini dilihat apabila mereka tahu perkara yang perlu untuk dilakukan dalam mengurus ladang sawit seperti potong buah, potong pelepas, membaja dan sebagainya malahan mereka juga mengetahui jika keluasan ladang tersebut sedemikian maka ia akan menghasilkan jumlah pada berat dan kadar yang tertentu. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa watak Abang Salleh

dan Abang Bidin adalah merupakan individu yang memiliki pengalaman dalam bidang menguruskan ladang sawit kerana mereka mengetahui selok belok mengenai pengurusan tersebut.

#### 4.2.3.5 Watak Tetamu Undangan

Perkataan ‘tetamu’ dapat didefinisikan sebagai individu yang dijemput atau diundang untuk hadir ke jamuan atau majlis yang diadakan. Manakala ‘undangan’ dapat diberikan maksud sebagai ia ditetapkan dengan istilah ‘jemputan’, yang merujuk kepada komunikasi yang meminta seseorang, entiti, kumpulan, persatuan atau syarikat untuk menghadiri aktiviti atau peristiwa yang dianjurkan dan dipanggil oleh kami. Oleh itu, watak tetamu undangan dapat dirumuskan sebagai seseorang individu yang istimewa dan berkedudukan yang dijemput oleh masyarakat setempat untuk merasmikan jamuan atau majlis yang diadakan. Watak tetamu undangan dapat dilihat menerusi petikan teks yang terdapat di bawah;

*“Tahniah, Cikgu Nizam. Teruskanlah perkara yang baik ini. Sebagai wakil rakyat, saya akan sentiasa menyokong usaha-usaha murni cikgu ini,” kata Yang Berhormat Samuri yang berdiri di sebelah keretanya.*

(Silir Daksina, 2015:76)

*Pada perkiraan Haiqal, persembahan zapin itu nanti hanyalah untuk penduduk kampung itu sahaja tetapi Haji Jamil telah memaklumkan bahawa dia akan mengundang Yang Berhormat Datuk Syaiful Azizi, Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan itu sebagai tetamu kehormat.*

(Silir Daksina, 2015:240)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa watak tetamu undangan jelas terdapat yang ditonjolkan melalui watak Yang Berhormat Samuri dan watak Yang Berhormat Datuk Syaiful Azizi. Hal ini demikian kerana semasa penduduk Seri Purnama melaksanakan majlis rasmi di kampung mereka dapat dilihat bahawa terdapat tetamu undangan yang dijemput oleh mereka untuk merasmikan majlis tersebut sekaligus memperlihatkan bahawa kampung tersebut masih memperjuangkan dan mengamalkan lagi tarian tradisional kepada golongan berkedudukan yang berpangkat ‘Yang Berhormat’. Watak Yang Berhormat Samuri dan watak Yang Berhormat Datuk Syaiful Azizi adalah merupakan undangan istimewa kerana kedatangan mereka disambut dan diraihkan oleh penduduk kampung serta mereka juga memiliki tempat duduk dan menjamu selera yang khas. Oleh itu, jelas melalui perbuatan yang ditunjukkan oleh penduduk kampung memberikan layanan istimewa dan meraihkan kedatangan mereka sebagai tetamu istimewa dengan menyediakan tempat duduk dan tempat menikmati santapan khas benar menunjukkan bahawa mereka adalah merupakan tetamu undangan.

#### 4.2.3.6 Watak Guru Sekolah

Guru dapat didefinisikan sebagai adalah seorang yang diberikan tugas untuk mendidik, mengasuh dan mengajar golongan masyarakat yang bermula daripada lapisan kanak-kanak sehingga dewasa. Manakala

perkataan ‘Sekolah’ pula dapat diberikan maksud sebagai sebuah pusat untuk mengajar dan belajar serta untuk memberi orang ramai atau golongan masyarakat menerima pendidikan formal menurut Kamus Dewan Edisi Keempat. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa watak guru sekolah adalah merupakan tenaga ikhtisas dalam bidang perguruan yang bertanggungjawab untuk mendidik pelajar di institusi pendidikan. Sebagai bahagian daripada masyarakat, guru mestilah pandai bergaul dengan orang lain. Watak guru sekolah juga dapat dilihat menerusi naratif penceritaan melalui petikan teks yang terdapat di bawah;

*Bilik guru kembali tenang. Kini, hanya tinggal aku dan Cikgu Tipah. Guru Matematik itu yang usianya dalam lingkungan empat puluhan.*

(*Silir Daksina*, 2015:35)

*“Eh, Cikgu Zam! Ustazah Munirah ada cakap dengan cikgu tak?” tanya Cikgu Latifah.*

(*Silir Daksina*, 2015:38)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa watak guru sekolah jelas terdapat melalui watak Cikgu Latifah dan watak Ustazah Munirah. Hal ini demikian kerana dapat dilihat bahawa latar tempatnya adalah di dalam bilik guru. Malahan juga dapat dilihat bahawa Cikgu Latifah adalah merupakan guru matematik dan Ustazah Munirah sudah tentu merupakan guru yang mengajar pendidikan Islam atau sebagainya berkaitan agama Islam. Oleh itu, jelas bahawa terdapat watak guru sekolah yang dipamerkan dalam novel *Silir Daksina* yang menunjukkan realisme kehidupan golongan

masyarakat yang mendapatkan pendidikan di sekolah dan diajar oleh individu yang bergelar guru.

#### 4.2.3.7 Watak JKKK

Salah satu organisasi kampung ialah Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, juga dikenali sebagai JKKK, yang bertanggungjawab untuk pengurusan dan pengurusan kampung. Seorang ketua kampung memegang jawatan ketua JKKK. Ketua kampung dalam perkampungan Melayu tradisional secara automatik menjadi ketua atau penggerusi JKKK. JKKK juga berfungsi sebagai perantara antara rakyat dan kerajaan. Dari sudut pandangan kerajaan, ia berfungsi sebagai perwakilan kerajaan dalam menyampaikan maklumat yang berkaitan. Dari sudut pandangan rakyat, JKKK akan mewakili rakyat dalam melaporkan isu pembangunan untuk kerajaan menyelesaikannya. Fungsi utama JKKK, menurut portal Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW), adalah untuk merancang dan melaksanakan pelan transformasi pembangunan kampung dengan bantuan komuniti setempat menurut Aizul Fidy Kamarudin (2017). Watak JKKK juga dapat dilihat menerusi naratif penceritaan melalui petikan teks yang terdapat di bawah;

*Ahli JKKK lelaki ditugaskan untuk mengetuai bahagian memasang balai, seranta, memasang sistem pembesar suara dan persiapan tempat. Ahli JKKK wanita pula diarahkan mengetahui bahagian persiapan pentas dan jamuan.*

(Silir Daksina, 2015:240)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa watak JKKK jelas terdapat melalui watak ahli JKKK lelaki dan watak ahli JKKK perempuan. Hal ini demikian kerana watak JKKK jelas dapat dilihat terdapat di Kampung Seri Purnama apabila terdapat majlis diadakan di kampung tersebut ahli JKKK inilah yang memiliki tanggungjawab untuk memastikan majlis tersebut dapat dilakukan dengan jayanya. Seperti mana yang dapat dilihat dalam novel tersebut bahawa ahli JKKK lelaki ditugaskan untuk melakukan pemasangan balai, seranta, sistem pembesar suara dan menyediakan tempat manakala ahli JKKK perempuan pula menguruskan bahagian penyediaan makanan dan mengemas pentas. Oleh itu, dapat dilihat bahawa watak JKKK memiliki peranan dan tanggungjawab dalam setiap majlis yang dilakukan oleh penduduk kampung kerana mereka merupakan individu yang telah dilantik dan mampu untuk menjalankan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka.

#### 4.2.3.8 Watak Pemandu Teksi

Pemandu dapat didefinisikan sebagai seorang yang menunjukkan arah jalan dan memandu yang merintis jalan. Memandu pelbagai kenderaan

seperti kereta, motorsikal dan sebagainya. Manakala perkataan ‘Teksi’ pula dapat didefinisikan sebagai kenderaan iaitu kereta yang digunakan untuk mengambil dan membawa orang, taxi juga merupakan kenderaan khusus yang digunakan di kawasan bandar untuk membawa penumpang ke tempat yang ditujuinya. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa watak pemandu taxi adalah seorang individu yang menyediakan perkhidmatan menumpangkan orang dengan mengenakan kadar bayaran mengikut kadar jarak yang dituju oleh seseorang penumpang tersebut. Watak pemandu taxi juga dapat dilihat menerusi naratif penceritaan melalui petikan teks yang terdapat di bawah;

*“Awal lagi. Belum ada orang keluar nampaknya,” kata Pak Cik Salleh. Namun, dia terus memandu. “Tapi tak apala, pak cik akan hantar anak. Kita sama-sama cari.”*

(Silir Daksina, 2015:143)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa watak pemandu taxi jelas terdapat ditonjolkan melalui watak Pak Cik Salleh. Hal ini demikian kerana apabila dia menyatakan kepada Haiqal bahawa dia akan menghantarnya ke tempat yang dituju. Sikap ramah mesra dan baik hati yang ditunjukkan oleh Pak Cik Salleh juga jelas menunjukkan bahawa dia adalah seorang pemandu taxi yang baik dan tidak mementingkan keuntungan semata-mata. Oleh itu, sikap yang ditunjukkan oleh Pak Cik Salleh juga haruslah dijadikan contoh dan teladan dalam kalangan masyarakat iaitu dengan mengamalkan sikap prihatin dan baik hati kerana melalui perkara


tersebut sudah tentu akan dapat melahirkan golongan masyarakat yang berperikemanusiaan dan berkualiti.

#### **4.3 Representasi Watak-Watak Dalam Novel *Silir Daksina* Berdasarkan Kepada Teori Budaya.**

Menurut Chris Barker (2016) menerangkan bahawa representasi ialah kajian budaya banyak tertumpu pada persoalan perwakilan iaitu bagaimana dunia dibina secara sosial dan diwakili kepada dan oleh kita dengan cara yang bermakna. Sesungguhnya, untaian pusat kajian budaya boleh difahami sebagai kajian budaya sebagai amalan perwakilan yang menandakan. Ini memerlukan kita meneroka penjanaan makna tekstual. Ia juga menuntut penyiasatan tentang mod yang mana makna dihasilkan dalam pelbagai konteks. Selanjutnya, perwakilan budaya dan makna mempunyai kebendaan tertentu. Iaitu, ia tertanam dalam bunyi, inskripsi, objek, imej, buku, majalah dan program televisyen. Ia dihasilkan, digubal digunakan dan difahami dalam konteks sosial tertentu. Ideologi ialah sistem idea dan pernyataan (representasi) yang menguasai minda orang atau kumpulan sosial menurut Althusser (2001). Selain itu, Ideologi, seperti yang dicadangkan, “direalisasikan dalam institusi, dalam ritualnya dan amalannya, dalam ISA. Kita telah lihat bahawa pada asas ini, ideologi menyumbang kepada bentuk perjuangan kelas itu, penting untuk kelas pemerintah, iaitu pengeluaran semula hubungan pengeluaran”.

Menurut Chris Barker (2001), Teori Budaya (Cultural Studies) adalah munasabah untuk mengkaji laporan secara komprehensif tentang kajian budaya, termasuk ringkasan dan perbincangan tentang hujah utamanya dan tapak substantif

penyelidikan intelektual. Namun, perkara ini telah dikaji oleh beliau berdasarkan kajian budaya berkenaan skop buku yang telah dihasilkannya tersebut. Terdapat 8 prinsip yang dikemukakan oleh Chris Barker dalam kajian budaya iaitu budaya dan penandaan amalan, perlambangan (Representasi), materialisme dan bukan reduksionisme, pengucapan, kuasa, budaya popular, teks dan khalayak pembaca serta subjektiviti dan identiti.



Rajah 2 : Prinsip-Prinsip Teori Budaya Berdasarkan Chris Barker.

#### 4.3.1 Budaya Dan Penandaan Amalan

Budaya adalah perkara yang melibatkan pelbagai bidang yang tertentu. Budaya juga melibatkan kajian mengenai pemikiran manusia yang berdasarkan kepada sebuah tindakan. Budaya ialah cara hidup manusia dalam sebuah masyarakat menurut S. Milton (1968). Perkataan ‘budaya’ juga daripada budi yang merupakan aspek dalaman manusia yang berunsurkan akal dan nilai manusia. Perkataan ‘amalan’ pula dapat didefinisikan sebagai sesuatu yang dilakukan, dilaksanakan dan dikerjakan. Amalan juga merujuk kepada tabiat atau perkara yang menjadi kebiasaan yang sukar untuk diubah Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Budaya dan penandaan amalan dapat dirumuskan sebagai perbuatan yang dilakukan atau dikerjakan mengenai sesuatu budaya yang diamalkan oleh seseorang individu. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan elemen budaya dan penandaan amalan yang terdapat dalam perjalanan naratif novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks di bawah;

*Beberapa buah buku disimpan rapi di dalam sebuah almari kaca yang berkunci. Haiqal hanya merenungnya lama. Dia seakan-akan tidak percaya. Buku-buku yang terkurung di dalam almari itu dikarang oleh ayahnya. Dia benar-benar ingin menyentuh buku-buku itu. Betapa hebatnya arwah ayahnya itu.*

(*Silir Daksina*, 2015:216)

Berdasarkan perjalanan naratif novel *Silir Daksina* jelas dipaparkan bahawa budaya dan penandaan amalan direpresentasikan melalui watak Abdullah bin Kayan. Hal ini demikian kerana rasa kecintaan watak Abdullah bin Kayan terhadap bidang sastera yang terlalu mendalam atau ketaksubannya terhadap sesuatu perkara yang menyebabkan dirinya terpaksa ditinggalkan oleh

keluarganya. Budaya yang ditunjukkan oleh watak Abdullah bin Kayan adalah merupakan amalannya dalam kehidupan. Perkara ini dapat dibuktikan melalui keratan akhbar My Metro dalam talian oleh Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (2022) bahawa Sifat taasub dalam beragama juga boleh membutakan mata dan hati kepada kebenaran, enggan menerima teguran serta tidak mahu mengakui kesalahan dan memperbaiki kesilapan yang dilakukan. Sifat fanatik dan taasub adalah dilarang Allah SWT sebagaimana dinyatakan dalam surah Al-Maidah (Ayat 77).

Penandaan amalan yang ditunjukkan oleh watak Abdullah bin Kayan menerusi bidang sastera adalah merupakan suatu perkara yang baik kerana melalui sikap tersebut dapat membantu untuk memartabatkan dan melestarikan lagi bidang sastera serta kebudayaan daripada kepunahan. Akan tetapi sebaliknya jika amalan tersebut dilakukan secara berlebihan sehingga mengabaikan tanggungjawab yang lain akan menyebabkan pelbagai keburukan seperti keruntuhan rumah tangga menerusi watak Abdullah bin Kayan dan sebagainya.

Oleh itu, melalui perbincangan ini bahawa dapat dirumuskan bahawa budaya dan penandaan amalan adalah sikap atau perlakuan terhadap sesuatu perkara seperti budaya yang sering dilakukan oleh seseorang individu yang menjadi amalan dalam hidupnya kerana meminati sesuatu bidang tersebut. Akan tetapi perlu diingat bahawa jika minat dalam sesuatu perkara jangan terlalu taksub dan berlebihan sehingga sanggup meninggalkan kewajipan dan tanggungjawab diri.

#### 4.3.2 Budaya Popular

Perkataan ‘popular’ dapat didefinisikan sebagai suatu perkara yang digemari dan disukai oleh orang ramai. Menurut Mohd Anuar Ramli (2019) bahawa budaya popular adalah suatu perkara yang tidak dapat untuk dielakkan dan dicegah dalam sistem sosial dan budaya sesebuah masyarakat. Budaya popular semakin berkembang dan rancak selaras dengan revolusi industri dan kemajuan teknologi era moden kini. Perkara ini akan mendorong kepada kemasukan budaya asing dengan bebas, tiada sempadan dan ditiru oleh mereka. Di Malaysia, penularan budaya popular dari luar ini secara tidak langsung telah mengancam sistem nilai, norma sosial serta budaya asli masyarakat setempat. Berdasarkan perjalanan naratif novel *Silir Daksina* terdapat elemen budaya popular menerusi petikan teks di bawah;

“Saya tahu lah. Di kampung kita ini, semua orang kenal Lazim. Bunyi ekzos motorsikal dia tu paling bising di kampung ni,” Kata See Hwa yang separuh menjerit. “Tapi dia baik”.

(*Silir Daksina*, 2015:208)

Berdasarkan perjalanan naratif novel *Silir Daksina* jelas dipaparkan bahawa budaya popular direpresentasikan melalui watak Lazim. Hal ini dikatakan sedemikian, kerana sudah menjadi budaya golongan masyarakat terutama generasi muda masa kini untuk menggunakan bunyi ekzos yang bising dalam kenderaan mereka sama ada kereta atau pun motorsikal. Perkara ini juga demikian kerana mereka terikut-ikut dengan pengaruh luar dan perkembangan masa kini di mana budaya tersebut kelihatan menarik dan menampakkan seseorang individu tersebut terlihat hebat. Perkara ini dapat dibuktikan melalui

keratan akhbar dalam talian oleh Muhkriz Mat Husin (2021) penggunaan ekzos bising adalah merupakan budaya liar yang akan mengganggu ketenteraman hidup terutamanya di taman-taman perumahan dan flat.

Jika dibandingkan penunggang motorsikal masa kini dengan penunggang motorsikal dahulu kenderaan mereka tidaklah diubah suai secara berlebihan sehingga menghasilkan bunyi yang sangat bising. Malahan mereka masih menghormati ketenteraman di sekitar mereka. Manakala golongan masyarakat masa kini melakukan pengubahsuaian terhadap kenderaan mereka secara drastik yang dan menyalahi undang-undang. Perkara ini dapat dibuktikan melalui keratan akhbar dalam talian oleh DSP Dr Mohd Roslan Tahir (2022) bahawa sikap berhemah dan berdisiplin perlu ada walaupun memiliki minat yang mendalam terhadap sesuatu perkara. Perkara tersebut akan mendatangkan ketenangan kepada kita, tetapi terapkanlah dalam apa pun perbuatan yang dilakukan dengan penuh disiplin dan hemah.

Oleh itu, melalui perbincangan ini dapat dirumuskan bahawa budaya popular sebenarnya dapat mendatang kebaikan dan keburukan terhadap seseorang individu. Jika seseorang itu memiliki jati diri yang baik sudah tentu dia tidak akan terlalu taksub dan memikirkan sama ada budaya tersebut sesuai dengan golongan masyarakat di negara ini. Manakala jika seseorang terlalu taksub dengan budaya luar perkara ini bukan sahaja dapat merosakkan nilai dan akhlak mereka malahan akan mendatangkan kesan buruk sekaligus akan mencemarkan budaya tradisional itu sendiri.

### 4.3.3 Subjektiviti Dan Identiti

Perkataan ‘Subjektiviti’ dapat didefinisikan sebagai sifat, sikap dan sebagainya Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Manakala perkataan ‘identiti’ pula didefinisikan menurut Sujatmiko Eko (2014) bahawa individu adalah bermakna seorang, orang yang terpisah daripada orang lain. Organisme yang hidup sendiri, tidak menyusahkan orang lain, bersifat bebas tidak terikat dengan hubungan atau orang lain. Individu juga dapat dikelaskan sebagai unit yang paling kecil dalam pembentuk masyarakat. Individu juga adalah bahagian paling kecil dalam kalangan masyarakat dan merupakan bahagian yang tidak dapat dibahagikan kepada bentuk yang lebih kecil. Subjektiviti dan identiti dapat dirumuskan sebagai sikap atau sifat yang diamalkan oleh seseorang individu dalam melakukan sesuatu perkara. Sikap dan sifat yang dilakukan oleh seseorang juga adalah cerminan bagi identiti seseorang individu. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan elemen subjektiviti dan identiti yang terdapat dalam perjalanan naratif novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks di bawah;

*“See Hwa tu lembut hatinya. Kamu jangan sangsikan kebolehannya dalam tarian ini. Kalau kamu nak tahu, See Hwa itu pengurus kelab tarian tradisional di kolejnya. Pergilah, ajaklah dia.”*

(*Silir Daksina*, 2015:267)

Berdasarkan perjalanan naratif novel *Silir Daksina* jelas ditunjukkan bahawa elemen subjektiviti dan identiti direpresentasikan melalui watak See Hwa. Hal ini demikian kerana watak See Hwa dapat menempatkan dirinya dalam sistem sosial dengan sering hadir dan melibatkan dirinya dalam aktiviti kebudayaan yang dilakukan. Sikap yang ditunjukkan oleh See Hwa

mencerminkan identitinya yang menyukai dan meminati seni kebudayaan yang terdapat di Kampung. Melalui sikap tersebut juga dapat mendorongnya untuk mengikuti aktiviti kebudayaan dengan ikut serta menjadi penari zapin. Perkara ini dapat dibuktikan berdasarkan keratan akhbar atas talian oleh Willie Liaw (2016) bahawa golongan generasi muda haruslah melibatkan diri dalam program kemasyarakatan yang dianjurkan. Melalui penyertaan tersebut golongan muda akan dapat menjauhkan diri mereka daripada perkara-perkara yang negatif secara langsung akan dapat memupuk semangat kerjasama dan menabur bakti kepada masyarakat serta dapat menghidupkan budaya.

Selain itu, sikap yang ditunjukkan oleh watak See Hwa juga dalam bergaul dalam kalangan masyarakat dan meminati serta melibatkan diri dalam bidang kebudayaan adalah daripada dirinya sendiri dan tiada paksaan daripada mana-mana pihak. Hal ini, menunjukkan bahawa watak See Hwa adalah seorang yang mencintai bidang kebudayaan yang terdapat di Kampung Seri Purnama. Perkara ini jelas dapat dibuktikan melalui keratan akhbar atas talian oleh Yuslizah Yakimir Abdul Talib (2017) bahawa pengurusan imej peribadi adalah penting oleh semua pihak kerana ia melambangkan identiti diri. Kebanyakan orang akan membuat penilaian berdasarkan pandangan pertama. Imej peribadi yang baik akan mendapat tanggapan positif yang boleh memberikan banyak kelebihan kepada kita.

Oleh itu, melalui perbincangan ini dapat dirumuskan bahawa subjektiviti dan identiti adalah merupakan elemen penting yang menggambarkan dan mencerminkan identiti seseorang melalui sikap dan sifatnya. Jika seseorang tersebut mengamalkan sikap baik dan positif sudah tentu identitinya dapat digambarkan sebagai seorang yang baik dan sebaliknya bagi individu yang

mengamalkan sikap negatif adalah merupakan seorang yang jahat dan tidak baik.

#### 4.3.4 Teks Dan Khalayak Pembaca

Perkataan ‘teks’ dapat dimakna sebagai kata-kata asli yang dihasilkan oleh seorang pengarang atau penulis hasilnya akan dapat dicetak dan dibukukan. Teks merujuk kepada huruf-huruf yang tersusun bagi membentuk satu makna yang boleh difahami satu makna yang boleh difahami atau membawa pengertian yang tertentu Kamus Dewan Edisi Keempat (2005). Manakala khalayak pembaca pula dapat dedifinisikan sebagai golongan yang memiliki cita rasa yang sama. Terdiri daripada umur, ras, tahap pendidikan, ataupun kedudukan sosioekonomi yang berbeza. Walau bagaimanapun, khalayak pembaca memiliki sifat subjektif di mana mereka memiliki pendapat dan pemikiran yang berbeza atau tersendiri terhadap sesuatu karya menurut Mus Chairil Samani (1997). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa melalui teks pembaca dapat mentafsir dan melihat makna yang dibawakan oleh teks novel *Silir Daksina* membawa kebudayaan realiti masyarakat. Sehubungan dengan itu, kajian ini akan membincangkan elemen teks dan khalayak pembaca yang terdapat dalam perjalanan naratif novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks di bawah;

*Tauke Lim akan meronda dengan motorsikalnya untuk meraih hasil-hasil kampung seperti buah pinang, biji kopi, pisang, getah beku atau getah sekerap.*

(*Silir Daksina*, 2015:28)

Berdasarkan perjalanan naratif novel *Silir Daksina* jelas ditunjukkan bahawa elemen teks dan khalayak direpresentasikan melalui watak Tauke Ong dan ayah Abdullan bin Kayan. Hal ini demikian kerana melalui watak tersebut dapat dilihat terdapat unsur kebudayaan golongan masyarakat dari sudut ekonomi. Salah satu cara untuk menghasilkan ekonomi adalah dengan membuat jual beli yang dijelaskan melalui teks menerusi watak Tauke Ong dalam novel tersebut menunjukkan jual beli adalah merupakan salah satu penjanaan ekonomi yang utama dan banyak dilakukan oleh golongan masyarakat kini. Perkara dapat dibuktikan melalui artikel oleh Ustaz Abd Aziz bin Harjin (2018) bahawa sejarah jual beli adalah sama dengan wujudnya masyarakat manusia di alam ini, oleh kerana kelahiran jual beli adalah berpunca dari keinginan manusia untuk mengendali sesuatu benda yang tidak ada padanya secara pertukaran dengan benda yang ada padanya. Sejak dahulu lagi manusia mengamalkan jual beli dengan pelbagai cara atau sistem yang sesuai diamalkan mengikut zaman.

Selain itu, terdapat juga teks yang memberikan pemahaman kepada khalayak pembaca mengenai golongan masyarakat Melayu yang memiliki kebun getah yang merupakan tradisi sejak turun-temurun. Contohnya, berdasarkan kepada naratif novel *Silir Daksina* menerusi petikan teks di bawah;

*“Cina tu datang tadi nak ambil upah menoreh getah di kebun getah kita tu. Daripada terbiar semak, elok juga diupahkan,” kata ayah kepada emak.*

(*Silir Daksina*, 2015:26)

Berdasarkan perjalanan naratif novel *Silir Daksina* jelas ditunjukkan bahawa elemen teks dan khalayak direpresentasikan melalui watak ayah

Abdullan bin Kayan. Hal ini demikian kerana melalui teks yang disampai dalam novel tersebut jelas menggambarkan kepada khalayak pembaca mengenai aktiviti ekonomi yang dilakukan oleh masyarakat dahulu adalah dengan berkebun dan sebagainya. Hal ini, dapat dibuktikan melalui artikel oleh Hishamuddin Rais (2009) bahawa sejarah masyarakat Melayu pada ketika dahulu adalah sepenuhnya taat setia terhadap pemerintah iaitu Raja dan Sultan. Ketika itu, masyarakat Melayu lebih ramai terlibat dalam tanaman padi, getah dan kelapa berbanding berkebun sayur.

Oleh itu, teks dan khalayak pembaca adalah suatu perkara yang berkait rapat di mana melalui teks yang disampaikan oleh penulis atau pengarang akan membantu khalayak pembaca untuk lebih mengetahui dan memahami sesuatu perkara yang cuba disampaikan dengan lebih mendalam. Malahan, penggunaan teks yang sesuai oleh pengarang dan penulis juga akan dapat menarik minat khalayak pembaca.

#### **4.4 Kepentingan Nilai-Nilai Budaya Yang Terdapat Dalam Novel *Silir Daksina* Kepada Golongan Masyarakat.**

Penerangan mengenai kepentingan nilai budaya yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* tersebut dapat membantu dalam memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana karya sastera dapat mempengaruhi dan membentuk pandangan serta tingkah laku seseorang manusia. Nilai budaya dapat membantu dalam mengekalkan identiti budaya berdasarkan kepada gambaran nilai budaya yang terdapat dapat memastikan pengekalan dan pemeliharaan terhadap identiti sebuah budaya sekaligus dapat memberikan pandangan tentang sejarah, tradisi dan norma yang membentuk watak mereka. Selain itu, memberikan pengenalan nilai positif kepada pembaca. Hal ini, berdasarkan kepada novel *Silir Daksina* tersebut pembaca akan dapat mengenali dan memahami nilai-nilai positif yang ditegakkan dalam budaya tertentu. Perkara ini sudah tentu akan mendorong golongan pembaca untuk mengamalkan dan menerapkan nilai-nilai ini dalam kehidupan seharian mereka, yang dapat memperkayakan pengalaman hidup mereka.

Di samping itu, menerusi nilai budaya juga golongan pembaca dapat pencerahan mengenai sosial. Melalui pembacaan novel *Silir Daksina* pembaca akan dapat menggambarkan realiti sosial masyarakat tertentu. Dengan mengetengahkan nilai budaya, novel dapat menjadi cerminan yang menunjukkan masalah sosial dan mengalakkkan refleksi kritis dan perubahan dalam masyarakat. Seterusnya, melalui pembentukan etika dan moral juga dapat dilihat berdasarkan watak dan plot penceritaan dalam novel, pembaca juga akan dapat mempelajari etika dan akhlak yang dihormati dalam sesuatu budaya. Ini dapat membantu membentuk asas moral dan etika yang

kukuh dalam kalangan masyarakat. Akhir sekali, dapat mengukuhkan jati diri. Hal ini, melalui novel *Silir Daksina* orang ramai dapat merasai pengukuhan identiti mereka dengan melihat representasi nilai budaya mereka. Ini boleh meningkatkan rasa bangga dan keyakinan diri di kalangan orang ramai. Oleh itu, nilai budaya dalam novel bukan sahaja memperkaya pengalaman membaca, tetapi juga memainkan peranan penting dalam membentuk pandangan dunia, tingkah laku dan hubungan sosial dalam masyarakat.

#### **4.4.1 Pembentukan Keperibadian Seimbang**

Keperibadian menurut Abdul Rahman A Samad (2019) dapat didefinisikan sebagai suatu perkara dalam diri seseorang manusia atau individu yang merangkumi aspek seperti sifat, sikap dan sebagainya yang terdapat dalam diri seseorang melalui perkara tersebut ia dapat membezakannya dengan individu yang lain. Manakala menurut Dewan Bahasa Edisi Keempat keperibadian adalah merupakan perihal mengenai sifat serta watak dan ciri-ciri yang terdapat pada dirinya sahaja atau sebuah bangsa dan sebagainya. Selain itu, seimbang menerusi Kamus Dewan Edisi Keempat daoar didefinisikan sebagai adil, dibahagikan sama rata dan tidak pula berat sebelah. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa keperibadian seimbang adalah merupakan kemahiran seseorang untuk mengawal diri sendiri, membina hubungan yang positif dengan orang di sekeliling mereka, dan mengekalkan lingkungan yang selamat serta keseimbangan dalam dunia ni dan ketuhanan. Berdasarkan kepada perjalanan cerita dalam novel *Silir Daksina* terdapat aspek pembentukan keperibadian

seimbang iaitu melalui watak Haiqal dan Tauke Ong. Contohnya, menerusi teks petikan yang terdapat di bawah;

*Ah, biarkan dulu! Nanti kalau sudah sampai di tempat yang kutuju, barulah aku memaklumkannya. Begitulah fikiran dalam benaknya. Sayup-sayup kedengaran azan subuh berkumandang. Ada baiknya jika dia menunaikan dahulu solat subuh sebelum meneruskan lagi perjalanan.*

(Silir Daksina, 2015:137)

Berdasarkan petikan teks di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat pembentukan keperibadian seimbang pada watak utama iaitu Haiqal Hakimi melalui sikap menjaga waktu solat. Hal ini demikian kerana walaupun Haiqal menempuh perjalanan yang jauh untuk pergi ke kampung halaman arwah ayahnya akan tetapi dia tidak pernah lupa akan kewajipannya dalam menunaikan solat. Haiqal tetap melaksanakan suruhan-Nya walaupun dalam keadaan apa pun kerana perkara tersebut hukumnya adalah wajib. Perkara ini dapat dibuktikan melalui keratan akhbar atas talian iaitu Berita Sinar Harian oleh Dr Johari Yap (2021) bahawa semua orang ingin berjaya dalam hidup mereka, sama ada di dunia ini atau di akhirat yang kekal abadi. Walau bagaimanapun, ada yang berasa seperti mereka akan hidup selama satu abad lagi. Selain itu, ada yang meninggalkan dunia untuk fokus pada akhirat sahaja. Jangan lupa akhirat apabila anda teruja dengan dunia dan janganlah sampai meninggalkan dunia untuk mengejar akhirat semata-mata. Sebagai contoh, ilmu fardu ain dan fardu kifayah serta ilmu naqli dan aqli saling melengkapi.

Perbuatan yang telah ditunjukkan oleh Haiqal menerusi pembentukan keperibadian seimbang tersebut menunjukkan bahawa sebagai golongan masyarakat yang beragama Islam dituntut untuk mengamalkan cara hidup yang

seimbang di antara dunia dan rohani. Hal ini, kerana dunia dan akhirat adalah saling berkait malah ia juga dituntut dalam agama Islam untuk menjaga kedua-dua supaya dapat menjamin kehidupan yang lebih baik sama ada di dunia dan di akhirat kelak. Berdasarkan kepada teks novel *Silir Daksina* tersebut terkandung isi di dalam bukan hanya mengenai realiti kehidupan malahan sebagai medium dakwah kepada golongan masyarakat. Hal ini dapat disokong oleh Kamariah Kamarudin (2019) bahawa Sangat penting dalam menyebarkan agama Islam untuk membuat karya yang bersifat dakwah. Karya yang berkualiti tinggi dan berkesan mempunyai keupayaan untuk secara tidak langsung menyebarkan ajaran Islam. Kerana wujudnya sastera Islam pada awal 1970-an di Malaysia, terdapat elemen dakwah yang mendorong penulis Melayu untuk menulis lebih banyak karya keagamaan. Malahan juga turut terdapat dalil menerusi surah al-Qashash (ayat 77).

*“Dan carilah pada apa yang telah dianugerahkan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah kamu melupakan bahagianmu dari (kenikmatan) dunia dan berbuat baiklah (kepada orang lain) sebagaimana Allah telah berbuat baik, kepadamu, dan janganlah kamu berbuat kerosakan di (muka) bumi. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang berbuat kerosakan.”*

(Surah Al-Qashash, 77)

Berdasarkan kepada firman Allah SWT bahawa dunia dan akhirat haruslah di seimbangkan oleh umat manusia walaupun akhirat adalah merupakan tempat kekal selamanya akan tetapi manusia juga berhak memperoleh kebahagiaan ketika di dunia yang bersifat sementara maka umat manusia hendaklah menjaga perbuatan mereka dengan tidak merosakkan dan mencemarkannya kerana Allah SWT akan murka terhadap hambanya yang berkelakuan sedemikian. Moral yang ditunjukkan oleh watak Haiqal melalui

nilai budaya tersebut akan dapat mempengaruhi golongan masyarakat terutama sekali pembaca dari bangku sekolah lagi kerana novel ini adalah merupakan komsas yang terdapat dalam silibus pembelajaran di peringkat sekolah menengah.

Watak Haiqal juga jelas menunjukkan pembentukan keperibadian seimbang dalam aspek duniawi melalui sikap menepati masa. Hal ini demikian kerana setelah mendengar laungan azan subuh Haiqal segera untuk menunaikan solat subuh dan tidak melengahkannya. Perkara ini dapat dibuktikan melalui keratan akhbar Malaysia Gazette (2021) yang menyatakan bahawa budaya menepati dan menghargai masa sebenarnya adalah satu amalan yang sangat terpuji malah ia sangat dituntut dalam agama Islam. Misalnya, dalam Surah al-Asr, Allah SWT berfirman:

*Demi masa. Sesungguhnya manusia itu benar-benar berada dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal soleh dan saling menasihati supaya mentaati kebenaran dan saling menasihati supaya menetapi kesabaran.”*

(Surah al-Asr 103:1-3)

Terjemahan Surah al-Asr, ayat 103:1-3 seperti yang dipaparkan di atas, ayat ini menyerahkan bahawa golongan manusia itu sebenarnya dalam kerugian sebaliknya golongan yang beriman dan melakukan segala suruhan dan perintah-Nya. Masa adalah merupakan perkara penting dan berharga yang sepatutnya dihargai oleh setiap umat manusia. Walaupun ayat ini menekankan aspek rohani melalui masa akan tetapi ia juga dapat mendorong kepada golongan masyarakat untuk sentiasa menetapi masa dan menggunakan masa yang ada untuk melakukan perkara-perkara yang mendatangkan manfaat kepada diri dan orang lain. Jadi, menepati masa bukan hanya tentang menghargai akan tetapi ia adalah

merupakan sikap terpuji serta disiplin diri dan cara untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT yang sepatutnya terdapat dalam diri golongan masyarakat seperti yang digambarkan oleh watak Haiqal. Pembentukan keperibadian seimbang melalui sikap menepati masa ini juga adalah merupakan satu aspek penting dalam kehidupan yang berteraskan nilai agama dan mendapatkan keredhaan daripada Allah SWT dalam aspek kehidupan mereka. Selain itu, terdapat juga pembentukan keperibadian seimbang yang lain terkandung menerusi naratif perceritaan dalam novel *Silir Daksina* pada teks yang terdapat di bawah;

*“Bukan tak mahu beli kereta baru tetapi apabila saya fikir-fikir, buang duit sahaja. Anak-anak pun masih sekolah. Mahu pakai banyak wang. Saya pun bukan pergi jalan jauh-jauh. Kereta untuk cari makan,” ujar Tauke Ong. Perutnya yang gendut itu kelihatan bergegar-gegar apabila dia menggarugaru belakang tubuh badannya.*

(*Silir Daksina*, 2015:40)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa terkandung pembentukan keperibadian seimbang ditunjukkan menerusi watak Tauke Ong melalui sikap tidak mengabaikan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga walaupun sibuk dalam bidang perniagaan. Tanggungjawab dapat didefinisikan sebagai kewajiban yang dipikul oleh seseorang dan wajib untuk ditanggung menerusi Kamus Dewan Edisi Keempat. Menurut Rochma (2016) bahawa tanggungjawab adalah kesadaran manusia terhadap tingkah laku atau perbuatan mereka, sama ada disengajakan atau tidak disengajakan. Manakala keluarga menurut Salvacion dan Celis (1998) adalah keluarga terdiri daripada dua atau lebih individu yang terikat oleh ikatan darah, perkahwinan atau pengangkatan, yang tinggal dalam satu rumah tangga, berinteraksi satu sama

lain dan melaksanakan peranan masing-masing, dan mencipta dan mengekalkan budaya. Selain itu, bidang perniagaan juga dapat didefinisikan sebagai pertukaran barang dengan barang, wang dengan barang, perkhidmatan dengan wang, dan sebagainya. Malahan urusan perniagaan ini juga melibatkan hubungan antara manusia dengan Allah, juga dikenali sebagai hablumminallah. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa sikap tidak meninggalkan tanggungjawab sebagai ketua keluarga walaupun sibuk dalam bidang perniagaan adalah merupakan kejayaan seseorang individu dalam mengurus masa dan membahagikan masanya dengan teratur secara langsung menyadari tanggungjawab untuk keluarga dan mencari nafkah.

Berdasarkan petikan teks di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat aspek dalam pembentukan keperibadian seimbang yang ditunjukkan oleh watak Tauke Ong melalui sikap tidak meninggalkan tanggungjawab sebagai ketua keluarga walaupun sibuk dalam bidang perniagaan. Hal ini demikian kerana walaupun Tauke Ong merupakan seorang usahawan berjaya dan dikenali oleh orang kampung mengenai kemahiran dan kejayaannya dalam bidang perniagaan akan tetapi dia tidak pernah lupa akan tanggungjawabnya sebagai ketua keluarga untuk memberikan nafkah serta kemudahan dan keperluan kepada keluarganya. Perkara ini dapat dibuktikan melalui artikel oleh Dr Mohd Asri Zainul Abidin (2017) bahawa ketua keluarga harus mengelakkan terlalu sibuk sehingga mereka tidak mempunyai masa untuk meluangkan masa bersama keluarga mereka. Keluarga yang melakukan amal secara kerap boleh menjadi lebih harmoni. Di Malaysia, sentiasa dilihat masyarakat dalam keadaan ‘sibuk’ sehingga mereka lupa tanggungjawab mereka untuk menjaga isteri dan anak-anak mereka. Beberapa negara di Eropah dan Australia mengutamakan keluarga, yang sangat

berbeza dengan masyarakat Islam di negara ini yang banyak membazirkan masa di luar.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa dalam novel *Silir Daksina* terkandung nilai budaya yang menjamin kepada pembentukan keperibadian seimbang kepada golongan masyarakat. Hal ini demikian kerana berdasarkan kepada pembacaan novel *Silir Daksina* melalui watak Tauke Ong golongan masyarakat dapat membentuk keperibadian seimbang dalam diri mereka. Seperti mana yang dapat dilihat melalui watak Tauke Ong bahawa beliau berperanan sebagai seorang ketua keluarga dan seorang usahawan yang berjaya di kampung tersebut. Walaupun Tauke Ong seorang usahawan yang berjaya akan tetapi beliau tidak pernah melupakan tanggungjawab serta menyediakan keperluan utama keluarganya. Oleh itu, berdasarkan gambaran watak Tauke Ong tersebut golongan masyarakat akan dapat membentuk keperibadian seimbang dalam diri mereka supaya dapat melaksanakan tanggungjawab serta komitmen lain yang terdapat secara adil sekaligus dapat melahirkan golongan masyarakat yang memiliki peribadi yang bermutu dan berkualiti tinggi.

#### **4.4.2 Sebagai Wahana Teladan Yang Positif**

Wahana dapat didefinisikan sebagai sebuah saluran yang menjadi perantaraan yang memungkinkan sesuatu perkara untuk dilakukan, disampaikan atau dicapai Kamus Dewan Edisi Keempat. Manakala teladan dapat didefinisikan sebagai sesuatu perbuatan yang baik atau positif serta nilai-nilai yang sepatutnya diikuti dan dilakukan di mana perlakuan atau perbuatan yang baik seharusnya

diamalkan kerana ia akan mendatang faedah dan manfaat kepada individu dan golongan masyarakat manakala segala perbuatan jahat atau negarif hendaklah dijadikan sempadan atau tidak dijauhkan dalam kehidupan seharian Kamus Dewan Edisi Keempat. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa perbuatan baik atau positif seperti nilai-nilai yang ditonjolkan dalam mana-mana penceritaan dapat menjadi alat yang penting untuk mendorong golongan masyarakat menjadikan sebagai ikutan dan teladan. Berdasarkan kepada perjalanan cerita dalam novel *Silir Daksina* terdapat wahana teladan yang positif iaitu melalui representasi perbuatan penduduk Kampung Seri Purnama dan watak Tauke Ong. Contohnya, pada petikan teks yang terdapat di bawah;

*Penduduk kampung yang datang pada malam itu beransur-ansur pulang. Beberapa orang anak muda kampungku pula sedang sibuk menyusun kerusi-kerusi yang digunakan tadi untuk disimpan di dalam stor balai raya. Beberapa orang ahli jawatankuasa pergerakan wanita juga kelihatan sibuk mengemas pentas dan pasu-pasu bunga. Sampah-sampah yang terdapat di persekitaran balai raya juga turut dikutip dan dimasukkan ke dalam plastik hitam.*

(*Silir Daksina*, 2015:73)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa terkandung wahana yang positif ditunjukkan oleh penduduk Kampung Seri Purnama melalui sikap saling bekerjasama dalam melaksanakan sesuatu perkara. Hal ini demikian kerana dapat dilihat bahawa komuniti di kampung tersebut menunjukkan hubungan atau ukhuwah yang sangat kuat antara satu sama lain. Setiap lapisan masyarakat di kampung tersebut terlibat dan saling bantu-membantu dalam menjayakan sesuatu majlis sehingga selesai yang disudahi dengan kejayaan yang membanggakan. Hal ini dapat disokong melalui keratan akhbar Sinar Harian oleh Johari Yap (2021) bahawa budaya gotong-

royong adalah salah satu budaya Malaysia, terutamanya masyarakat Melayu yang semakin tua. Aktiviti gotong-royong, melalui semangat bantu-membantu dan bekerjasama sebenarnya mampu mewujudkan persefahaman antara kaum dalam masyarakat Malaysia yang pelbagai kaumnya. Bak kata pepatah Melayu, berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Kerja berat boleh menjadi mudah jika kita bekerjasama.

Perbuatan yang ditunjukkan oleh penduduk Kampung Seri Purnama menerusi novel *Silir Daksina* ini dapat dijadikan perantaraan kepada pemupukan aspek saling bekerjasama dalam kalangan masyarakat dalam melaksanakan sesuatu perkara. Novel ini juga dapat memaparkan manfaat yang akan diperoleh apabila golongan masyarakat mengamalkan sikap bersatu padu dalam komuniti mereka. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa melalui gambaran sikap saling bekerjasama yang ditunjukkan oleh penduduk Kampung Seri Purnama yang terdapat menerusi naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* ini sudah tentu akan dijadikan contoh dan diamalkan dalam kehidupan seharian kerana amalan tersebut dapat menjamin kesejahteraan hidup dalam kalangan masyarakat. Selain itu, terdapat juga aspek lain sebagai wahana teladan yang positif yang lain terkandung menerusi naratif penceritaan dalam novel *Silir Daksina* pada teks yang terdapat di bawah;

*“Selama ini, pak ciklah yang diamanahkan oleh arwah ayah kamu untuk mengerjakan semua tanahnya di baruh dan di belakang rumah yang telah ditanami dengan pokok kelapa sawit. Cuma tanah yang pak cik duduki sekarang sahaja yang masih kekal dengan pokok-pokok getah. Nanti pak cik serahkan buku bank yang dibuka oleh arwah ayah Haiqal atas nama kamu,”*

(*Silir Daksina*, 2015:156)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa terkandung wahana yang positif ditunjukkan oleh watak Tauke Ong melalui sikap jujur dan amanah terhadap amanat yang diberikan. Menurut Aboebakar Atjeh (1988) bahawa kejujuran dapat didefinisikan sebagai seseorang yang memiliki sifat keikhlasan amanah, setia dan sering bercakap benar dalam melakukan sesuatu perkara serta tidak memiliki niat tidak baik yang mengharapkan sebarang alasan daripada orang lain. Menurut Kamus Dewan (2016) kejujuran juga tidak memiliki niat yang tersembunyi daripada mana-mana pihak malahan memiliki hati yang ikhlas dan tulus dalam melaksanakan sesuatu. Kejujuran juga dapat dirumuskan sebagai seseorang yang memiliki sifat mulia dari segi perlakuan dan pertuturan demi mewujudkan kepercayaan daripada orang di sekeliling mereka. Sikap amanah pula dapat didefinisikan sebagai manusia yang memenuhi permintaan daripada orang lain tanpa melakukan sebarang dusta kepadanya menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Menurut Kamus Dewan (2016) bahawa seorang yang jujur dan amanah juga dapat ditakrifkan memiliki hati yang suci dengan tidak melakukan sebarang pendustaan atau tidak berpura-pura dalam kelompok masyarakat serta jujur dalam melakukan sesuatu. Melalui perbincangan ini dapat dirumuskan bahawa sikap jujur dan amanah adalah satu nilai yang sepatutnya ada dalam diri setiap manusia. Melalui sikap tersebut kita dapat melahirkan golongan yang berakhhlak mulia dan berhati mulia.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa watak Tauke Ong memaparkan sikap jujur dan amanah terhadap amanat yang diberikan dapat dijadikan sebagai wahana teladan yang positif. Hal ini demikian kerana walaupun Tauke Ong dan Abdullah bin Kayan tidak memiliki pertalian saudara akan tetapi dia tetap

memegang amanat yang telah diamanahkan oleh Abdullah bin Kayan untuk menjaga dan memberikan segala harta yang dimiliki olehnya kepada Haiqal. Semua harta hak milik arwah ayah Haiqal diberikan kepadanya tanpa ada sedikit pun yang diambil oleh Tauke Ong walaupun kadar jumlah peninggalan yang ditinggalkan oleh Abdullah bin Kayan bernilai tinggi. Perkara ini dapat dibuktikan melalui keratan akhbar Sinar Harian oleh Dr Shamsiah Mohamad (2019) bahawa menjadi individu yang amanah dan bertanggungjawab adalah tugas yang mencabar. lebih-lebih lagi apabila ia berkaitan dengan wang. Dalam dunia akhir zaman ini, iman semakin berkurangan akibat cinta duniawi yang mengatasi cinta kepada Allah SWT dan Rasulnya. Manusia memandang ringan tanggungjawab dan tugas yang diberikan kepada mereka.

Di samping itu, berdasarkan isi kandungan yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* mengenai sikap amanah dan jujur yang ditunjukkan oleh watak Tauke Ong dapat dijadikan contoh dan teladan yang positif kepada golongan masyarakat. Nilai budaya tersebut merupakan perlakuan mulia yang sepatutnya diamalkan serta disemai dalam diri setiap insan dengan menggalas amanah yang diberikan dengan baik. Hal ini kerana walaupun amanah tersebut telah sekian lama diberikan kepadanya dan mengambil masa yang lama untuk menunggu Haiqal dewasa dan datang ke kampung tersebut akan tetapi Tauke Ong dapat memberikan harta pusaka milik Abdullah bin Kayan kepada Haiqal dengan jujur dan amanah. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa nilai budaya melalui sikap jujur dan amanah yang ditunjukkan oleh watak Tauke Ong dapat dijadikan pedoman kepada golongan masyarakat untuk membentuk keperibadian yang mulia sekaligus dapat melahirkan golongan masyarakat yang berintegriti dan berkualiti. Di samping itu, terdapat aspek yang seterusnya dapat dijadikan

sebagai wahana teladan yang positif terkandung menerusi naratif perceritaan dalam novel *Silir Daksina* pada teks yang terdapat di bawah;

*Hasil kegigihannya, Tauke Lim dapat mengumpulkan wang dan membeli setengah ekar tanah kebun getah ayah untuk dijadikan tapak rumah. Kekallah sehingga hari ini. Dahulu, rumah itu hanyalah rumah batu separuh papan. Kini, Tauke Lim telah mengubah suai rumah itu menjadi rumah batu sepenuhnya. Saiznya juga lebih besar.*

(*Silir Daksina*, 2015:29)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas bahawa terkandung nilai budaya yang dapat dijadikan sebagai wahana yang positif kepada golongan masyarakat melalui sikap kerajinan dan gigih berusaha yang ditonjolkan pada watak Tauke Ong. Kerajinan adalah seseorang manusia yang bersifat suka untuk berusaha secara berterusan, dengan tekun dan melakukan sesuatu bersungguh-sungguh untuk mencapai segala matlamat, sasaran serta cita-cita demi memperolehi hasil yang diinginkan dalam kehidupan menurut Jumali Selamat (2001). Manakala menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Keempat bahawa nilai kerajinan adalah perbuatan dengan usaha yang bersungguh-sungguh serta melakukannya dengan teliti hingga memperoleh sasaran dan matmalat yang diinginkan. Manakala kegigihan adalah merupakan sikap atau perilaku yang rajin, gigih, bersungguh-sungguh, tekun, dan giat dalam melakukan sesuatu perkara demi memperoleh hasil yang baik menurut Azura Abdullah (2000). Malahan kegigihan juga adalah merupakan asas untuk menghasilkan prestasi dan sesuatu kerja yang bermutu tinggi menurut Jumali Selamat (2001). Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa kerajinan dan kegigihan adalah merupakan aspek penting yang dapat menjamin kepada pembentukan asas dalam mencapai sesuatu matlamat jangka panjang dan pembangunan peribadi.

Selain itu, watak Tauke Ong memaparkan sikap jujur dan amanah terhadap amanat yang diberikan dapat dijadikan sebagai wahana teladan yang positif. Hal ini demikian kerana kegigihan atau ketekunan yang ditunjukkan dalam petikan teks tersebut menunjukkan bahawa segala usaha Tauke Ong dalam melakukan sesuatu pekerjaan telah membawa hasil yang lumayan. Hal ini dapat dilihat apabila kegigihannya tersebut memberikan manfaat kepadanya kerana berjaya untuk mengumpulkan sejumlah wang hasil daripada kegigihan dan ketekunannya bekerja untuk membeli sebidang tanah untuk dijadikan kawasan tempat tinggal keluarganya. Sehubungan dengan itu, hasil kegigihan atau ketekunannya semasa bekerja dapat ditunjukkan oleh Tauke Ong juga dapat dilihat apabila beliau dapat mengubah suai keadaan rumahnya menjadi lebih selesa dan meluaskan lagi saiz rumahnya malahan hasil kegigihannya tersebut juga beliau dapat menghasilkan keseluruhan rumahnya daripada batu. Hal ini dapat dibuktikan lagi melalui keratan akhbar My Metro oleh Dr Nor Hazrul Mohd Salleh (2023) bahawa kejayaan atau pencapaian tidak boleh dicapai secara tiba-tiba. Untuk mencapai matlamat, usaha yang berterusan dan bertahap diperlukan. Apabila ia menjadi lumrah kehidupan, manusia pasti akan mendapat hasil yang diingini apabila mereka mematuhi peraturan dan lunas. Oleh itu, sesiapa sahaja yang percaya bahawa usahanya akan berjaya tidak akan jemu untuk meneruskan semua usaha dan ikhtiar dalam setiap perjalanan kehidupan. Kejayaan juga tidak boleh dicapai tanpa usaha yang berterusan dan bertahap.

Perkara ini jelas memaparkan bahawa dalam novel *Silir Daksina* terkandung nilai budaya melalui sikap kerajinan dan kegigihan yang dapat dijadikan sebagai wahana yang positif kepada masyarakat. Hal ini demikian kerana melalui gambaran nilai budaya yang diperlihatkan tersebut dapat

dijadikan contoh dan ikutan dalam kehidupan golongan masyarakat sehari-hari kerana dengan mengamalkan sikap rajin dan gigih dalam melaksanakan sesuatu perkara akan memperoleh kejayaan yang diinginkan. Oleh itu, wajarlah jika sikap jujur dan amanah disematkan dalam diri golongan masyarakat keran ia dapat memberikan satu motivasi dan menjadi pendorong kepada mereka untuk menjadi insan yang dipercayai dan memiliki akhlak yang mulia.

#### **4.4.3 Melahirkan Golongan Masyarakat Yang Lebih Prihatin Dan Berperikemanusiaan**

Golongan masyarakat berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat dapat didefinisikan sebagai kelompok atau kumpulan manusia yang tinggal atau hidup di suatu tempat melalui peraturan yang tertentu serta hidup dengan cara yang tersendiri. Manakala prihatin pula dapat didefinisikan sebagai kepekaan terhadap keadaan persekitaran dan memiliki perasaan belas kasihan dan simpati terhadap penderitaan yang dialami oleh individu lain yang membawa kepada sikap ingin memberikan bantuan dan pertolongan kepada golongan yang memerlukan menerusi Kamus Dewan (2007). Menurut Mohd Fahmi Ismail (2012) bahawa prihatin juga adalah sikap seseorang individu yang sangat mengambil peduli terhadap perkara yang berlaku di sekelilingnya seperti ibu bapa, golongan masyarakat, agama dan negara. Selain itu, berperikemanusiaan pula menerusi Kamus Dewan Edisi Keempat yang membawa makna mengenai sifat-sifat yang sedia ada dalam diri setiap manusia seperti saling tolong-menolong, mengasihani nasib orang lain, bertimbang rasa dan sebagainya. Oleh

itu, dapat dirumuskan bahawa melahirkan golongan masyarakat yang lebih prihatin dan berperikemanusiaan dapat menjadikan sebuah kelompok individu yang tinggal dalam suatu petempatan yang saling mengambil peduli mengenai permasalahan yang dihadapi dan mengamalkan sikap saling membantu untuk menyelesaiannya dalam aspek kehidupan berdasarkan kepada sifat semula jadi yang terdapat dalam diri seseorang individu iaitu saling bertimbang rasa, bantu-membantu dan sebagainya.

Kesusasteraan juga adalah merupakan aspek pendidikan yang berfungsi dalam meningkatkan kebolehan berbahasa dan bersastera serta menggalakkan apresiasi terhadap karya sastera dan penulisnya. Matlamatnya adalah berdasarkan Falsafah Pendidikan Negara, yang bertujuan untuk membolehkan golongan masyarakat menjiwai nilai-nilai murni yang berkaitan dengan kerohanian, kemanusiaan, kemasyarakatan, kebudayaan dan kewarganegaraan, menanam rasa bangga dan cinta terhadap tanah air mereka dalam wawasan budaya kebangsaan yang diharapkan, dan meningkatkan cara mereka bertindak sebagai rakyat Malaysia. Pembelajaran kesusasteraan bertujuan untuk memperkenalkan pelajar elemen sastera seperti kebudayaan, agama, moral, keindahan, kemanusiaan, bahasa dan sebagainya berkaitan dengan kehidupan harian dalam kalangan masyarakat.

Berdasarkan kepada perjalanan cerita dalam novel *Silir Daksina* terkandung elemen penting untuk melahirkan golongan masyarakat yang lebih prihatin dan berperikemanusiaan sebagai teladan kepada golongan masyarakat yang dipaparkan melalui watak Abdullah bin Kayan, watak Haiqal dan watak Ratna. Contohnya, menerusi teks petikan yang terdapat di bawah;

*“Cikgu, boleh tumpangkan Ai Ching dan Ai Ling? Kereta saya tidak mahu hiduplah. Baterinya lemah,” ujar Tauke Ong. “Boleh saja tauke. Lagipun kereta saya kosong,” jawabku sambil melemparkan senyuman ikhlas kepada mereka.*

(Silir Daksina, 2015:30)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas dapat dilihat melalui watak Abdullah bin Kayan bahawa dapat melahirkan golongan masyarakat yang prihatin dan berperikemanusiaan melalui sikap tolong-menolong. Tolong-menolong dapat didefinisikan sebagai suatu tindakan untuk memberi bantuan kepada orang lain demi kepentingan dan kebajikan bersama menurut Mohd Firdaus Che Yaacob (2015). Oleh hal yang demikian, sikap tolong-menolong atau bantu-membantu ini dapat dirumuskan sebagai sebuah sikap yang dimiliki oleh setiap manusia dalam usaha untuk menghulurkan bantuan kepada orang-orang di sekeliling mereka dan usaha murni ini akan memberikan manfaat kepada semua.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa watak Abdullah bin Kayan memaparkan nilai budaya melalui sikap tolong-menolong yang dapat melahirkan golongan masyarakat yang prihatin dan berperikemanusiaan. Hal ini demikian kerana Abdullah bin Kayan dan Tauke Ong adalah tidak memiliki ikatan persaudaraan, berlainan bangsa, agama dan hanya tinggal berjiran akan tetapi apabila Tauke Ong meminta bantuan daripadanya untuk menghantar anak-anaknya ke sekolah Abdullah bin Kayan membantunya dengan hati yang terbuka sambil melemparkan senyuman yang menandakan dia ikhlas untuk membantunya. Hal ini dapat disokong melalui keratan akhbar Sinar Harian oleh Muhd Nasruddin Dasuki (2019) bahawa mungkin pada masa lalu kita sukar untuk memberi bantuan, tetapi pada masa ini kita cuba melakukannya. Mulakan

dengan perkara yang paling mudah, seperti senyuman untuk menenangkan orang yang sedih. Kita boleh cuba melakukan perkara baik yang lain selepas itu. Walau apa pun, bantu dengan tulus. Mudah-mudahan bantuan Allah SWT akan membantu kita.

Berdasarkan cerminan yang ditunjukkan watak Abdullah bin Kayan melalui sikap tolong-menolong. Hal ini sudah tentu akan dapat memjamin dalam melahirkan golongan masyarakat yang prihatin dan berperikemanusiaan. Novel ini mengandungi nilai budaya yang dapat mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat melalui sikap tolong menolong. Hal ini demikian kerana apabila terdapat individu yang saling membantu di antara satu sama lain, ia akan dapat mengeratkan ikatan antara individu dan kelompok masyarakat. Perpaduan yang kukuh dan erat dapat menjamin kepada pembentukan sebuah masyarakat yang lebih bersatu padu dan berdaya tahan. Hujah ini dapat dibuktikan melalui keratan akhbar My Metro oleh Dr Mohd Shukri Hanapi (2023) bahawa untuk memantapkan hubungan kejiranan dalam masyarakat, kita perlu melihat faedah hidup bersama. Di antaranya ialah saling bantu-membantu dalam situasi kecemasan atau musibah. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, jiran adalah orang yang tinggal paling dekat dengan rumah kita. Jiran tahu segala-galanya tentang kita, ahli keluarga kita, harta benda kita dan sebagainya. Oleh itu, jiran adalah orang yang paling dekat untuk meminta bantuan apabila ditimpa musibah seperti kebakaran, kecurian, kematian, dan sebagainya. Adalah penting untuk memupuk prinsip tolong-menolong melalui pendidikan, komunikasi dan amalan kehidupan sehari-hari. Masyarakat yang lebih prihatin dan berperikemanusiaan boleh dibina melalui program sukarelawan, projek sosial dan aktiviti yang menggalakkan penglibatan

komuniti. Di samping itu, terdapat aspek yang seterusnya dapat melahirkan golongan masyarakat yang lebih prihatin dan berperikemanusiaan terkandung menerusi naratif perceritaan dalam novel *Silir Daksina* pada teks yang terdapat di bawah;

*“Ratna, engkau janganlah menangis macam ini. Aku faham perasaan engkau. Apa yang penting, kau juga telah berusaha seperti rakan-rakan kita yang lain. Percayalah, gagal dalam peperiksaan bukan bermakna engkau akan gagal dalam kehidupan,”* pujuk Haiqal. Lembut suara Haiqal menusuk lubuk hatinya. Selepas itu, Haiqal terus berhujah tentang insan-insan tersohor yang pernah mengalami kegagalan sebelum berjaya dan di hormati dunia, misalnya Abraham Lincoln dan Thomas Alva Edison.

(*Silir Daksina*, 2015:11-12)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat nilai budaya yang dapat melahirkan golongan masyarakat yang prihatin dan berperikemanusiaan yang ditonjolkan oleh watak Haiqal melalui sikap prihatin dengan nasib rakan karibnya. Prihatin dapat didefinisikan menurut Mohd Firdaus Che Yaakob (2023) bahawa ia merupakan sikap seseorang individu yang peka terhadap keadaan di sekelilingnya dan sentiasa berasa simpati terhadap terhadapa kesusahan dan penderitaan yang dialami oleh orang lain melalui perkara tersebut maka lahirlah perasaan ingin membantu dan memberikan sokongan kepada golongan yang memerlukan. Prihatin juga menurut Mohd Fahmi Ismail (2012) ialah mengenai sikap ambil berat kepada golongan yang ada di sekelilingnya seperti ibu bapa, masyarakat, agama dan negara. Manakala karib pula dapat didefinisikan sebagai hubungan dekat seperti kekeluargaan dan rapat atau erat dalam sebuah persahabatan. Rakan karib juga adalah merupakan kawan rapat, sahabat baik yang erat perhubungannya menerusi Kamus Dewan Edisi Keempat. Oleh itu, dapat

dirumuskan bahawa sikap prihatin terhadap rakan karib adalah merupakan tanggungjawab seseorang individu terhadap rakannya untuk membantu dan memberikan pertolongan jika terdapat masalah yang dihadapi oleh rakannya. Bantuan tersebut dapat diberikan secara fizikal dan mental melalui sokongan dan sebagainya.

Berdasarkan teks yang terdapat di atas jelas menggambarkan bahawa watak Haiqal adalah merupakan seorang yang prihatin terhadap nasib rakan karibnya Ratna. Hal ini demikian kerana semasa Ratna berasa sedih apabila mendapati keputusannya dalam pelajaran kurang cemerlang. Perkara tersebut disedari oleh Haiqal sebagai rakan karibnya Haiqal berasa simpati dan segera memujuknya serta memberikan kata-kata semangat supaya Ratna tidak berputus-asa dan sentiasa berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk berjaya. Hal ini dapat dibuktikan melalui keratan akhbar My Metro oleh Datuk Mohd Ajib Ismail (2023) bahawa kebahagiaan timbul apabila kita saling mengambil berat atau prihatin tentang keperluan orang lain. Setiap Muslim mempunyai tanggungjawab untuk mengambil berat dan saling membantu, seperti memberi makan mereka yang kelaparan atau kesusahan, menziarahi mereka yang sakit dan bertanya khabar, serta mendoakan dan membantu memenuhi keperluan mereka. Oleh itu, adalah penting bagi umat Islam untuk menjadi individu yang memiliki belas kasihan terhadap orang lain.

Perkara ini jelas menunjukkan bahawa dalam naratif penceritaan novel *Silir Daksina* terdapat aspek yang dapat melahirkan golongan masyarakat yang lebih prihatin dan berperikemanusiaan melalui sikap prihatin yang ditunjukkan Haiqal kepada Ratna. Hal ini demikian kerana melalui perbuatan yang ditunjukkan oleh Haiqal golongan masyarakat akan lebih cakna akan

kepentingan sikap prihatin dan kemanusiaan terhadap orang lain. Sikap tersebut dapat merangsang atau mendorong golongan masyarakat untuk memupuk nilai budaya tersebut dalam diri mereka kerana ia dapat mendatangkan pelbagai manfaat dan faedah yang membawa kepada kehidupan yang lebih baik dalam kalangan masyarakat di masa akan datang. Malahan, terdapat aspek lain yang dapat melahirkan golongan masyarakat yang lebih prihatin dan berperikemanusiaan terkandung menerusi naratif perceritaan dalam novel *Silir Daksina* pada teks yang terdapat di bawah;

*“Tak mengapalah, Ratna. Dengan siapa lagi aku nak bercerita kalau bukan dengan engkau? Kalau aku tak luahkan perkara yang terbuku ni, boleh jadi sasau aku dibuatnya,” ujar Haiqal yang disambut oleh ketawa kecil Ratna.*

(*Silir Daksina*, 2015:104)

Berdasarkan petikan teks yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat aspek yang dapat melahirkan golongan masyarakat yang prihatin dan berperikemanusiaan yang ditonjolkan oleh watak Ratna melalui sikap yang sudi mendengar dan memahami masalah yang dihadapi oleh Haiqal. Perkataan ‘mendengar’ dapat didefinisikan sebagai perlakuan menangkap bunyi atau suara dengan menggunakan telinga ataupun memberikan perhatian kepada kata-kata yang dituturkan oleh orang lain. Manakala perkataan ‘memahami’ dapat didefinisikan sebagai mengetahui dan mengerti dengan betul terhadap sesuatu. Memahami juga adalah berkaitan dengan menyelami perasaan seseorang berdasarkan Kamus Dewan Edisi Keempat. Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa sikap yang sudi mendengar dan memahami masalah yang dihadapi adalah merupakan sikap mulia dan terpuji yang patut ada dalam diri

setiap insan kerana setiap orang haruslah memiliki sikap untuk ambil peduli dan mengambil berat terhadap persekitaran dan sekelilingnya.

Berdasarkan teks petikan yang terdapat di atas jelas menunjukkan bahawa terdapat aspek yang membantu dalam proses melahirkan golongan masyarakat yang lebih prihatin dan berperikemanusiaan yang disajikan oleh watak Ratna melalui sikap yang sudi mendengar dan memahami masalah yang dihadapi oleh Haiqal. Hal ini demikian kerana jika Haiqal ingin berkongsi masalah yang dihadapi olehnya maka ia akan berkongsi cerita dan masalah tersebut dengan Ratna sahaja. Haiqal sedar bahawa hanya Ratna seorang sahaja yang sedia mendengar dan memahami masalah yang dihadapi olehnya malah Haiqal juga tidak mampu untuk menyimpan kegelisahan yang dihadapinya sendiri dan harus diceritakan untuk mengurangkan tekanan. Hal ini dapat dikukuhkan lagi melalui keratan akhbar Mstar oleh Dr Nur Mohammad Hadi Zahalan (2020) bahawa sahabat mempunyai keupayaan untuk meredakan kesedihan, menghilangkan kebimbangan dan membuatkan kita bersedia untuk berjuang untuk kebaikan kita. Sahabat boleh melindungi rahsia dan keaiban kita. Mereka akan menjaga kita sepanjang masa. Kawan atau sahabat membentuk personaliti seseorang, jadi persahabatan adalah hubungan yang sangat mulia. Kawan-kawan tertentu sanggup bersusah payah dan berkongsi kesedihan, akan tetapi terdapat juga kawan-kawan yang sanggup melihat kita gembira dan hanya ingin berkongsi kegembiraan sahaja.

Perkara ini jelas menunjukkan melalui proses pembacaan novel *Silir Daksina* akan dapat melahirkan golongan masyarakat yang lebih prihatin dan berperikemanusiaan. Hal ini kerana dalam naratif penceritaan tersebut terkandung nilai budaya yang ditunjukkan menerusi watak-watak dalam novel

*Silir Daksina* yang dapat dijadikan contoh dan teladan kepada masyarakat mengenai kepentingan dalam menyemai sikap prihatin dan kemanusiaan dalam diri mereka. Golongan masyarakat juga haruslah mengamalkan perlakuan yang suka mengambil berat dan ambil peduli terhadap masalah yang terdapat disekelilingnya untuk menjamin kehidupan yang lebih pada masa akan datang. Hal ini dapat dibuktikan melalui keratan akhbar My Metro oleh Mohd Ajib Ismail (2020) bahawa ajaran Islam memberi arahan kepada setiap ahli masyarakat untuk membudayakan sikap belas kasihan, perhatian dan peduli terhadap orang lain dalam kehidupan sosial mereka. Tambahan pula, setiap warganegara mesti bersikap ramah dan berinteraksi dengan semua orang. Ini termasuk menghormati kelompok minoriti dan rentan dalam masyarakat, seperti orang kurang upaya dan lain-lain. Pada akhirnya menjamin kepada sebuah negara yang mempunyai masyarakat saling menghormati berdasarkan prinsip kemanusiaan dan menghormati perbezaan dan kepelbagaian agama dan kepercayaan.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

#### 4.5 Kesimpulan

Berdasarkan kepada naratif penceritaan yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* karya Nizar Parman jelas memaparkan sepenuhnya mengenai unsur realisme yang berlaku dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Unsur-unsur realisme ini dapat dilihat menerusi representasi watak yang terdapat serta nilai yang dibawa oleh setiap watak di mana perkara tersebut adalah dekat dengan hati khalayak pembaca. Penulisan dan penceritaan yang dihasilkan dalam novel tersebut juga mudah untuk difahami dan dihayati oleh semua lapisan masyarakat terutama dalam kalangan pelajar. Perwatakan yang dibawa oleh setiap watak yang terdapat di dalam novel juga dapat dijadikan contoh dan teladan kepada kalangan pembaca untuk diamalkan supaya dapat melahirkan sebuah komuniti yang berakhhlak mulia dan berwawasan. Selain itu, nilai yang diterapkan juga dalam setiap watak akan mempengaruhi para pembaca untuk menjadikan nilai tersebut sebagai panduan dan amalan dalam hidup mereka. Malahan, Novel *Silir Daksina* juga mengandungi aspek-aspek kebudayaan yang bersesuaian dengan kajian budaya untuk melihat dengan lebih mendalam dan teliti berdasarkan kepada elemen-elemen yang terdapat dan dapat dikaitkan dengan naratif penceritaan dalam novel. Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa karya yang dihasilkan oleh Nizar Parman dalam novel komsas *Silir Daksina* adalah relevan untuk dikaji dan diteliti pada masa ini dan terus menjadi rujukan dan bahan pelajaran sehingga kini.

## BAB 5

### RUMUSAN

#### 5.1 Pendahuluan

Pada bahagian bab 5 ini, pengkaji akan melakukan rumusan atau kesimpulan dengan menyeluruh mengenai analisis dan perbincangan kajian yang telah dilakukan sebelum ini. Pada bab ini juga, pengkaji akan mengetengahkan implikasi dan cadangan yang berkualiti dan relevan untuk membantu para pengkaji yang lain untuk meneruskan dan meneliti dengan lebih jelas mengenai kelompongan yang terdapat dalam kajian ini di masa yang akan datang. Pada bab ini juga pengkaji telah menyusun dengan kemas dan mengikut kronologi kepada tiga peringkat utama iaitu menyediakan rangka kerja untuk proses penilaian. Pada tahap pertama, terdapat pemeringkatan ringkasan kajian, di mana pengkaji merumuskan secara menyeluruh maklumat yang diperolehi daripada kajian lepas. Pada peringkat ini pengkaji dapat menilai pemahaman yang mendalam mengenai penemuan dan kaedah metodologi yang telah digunakan dalam kajian lepas. Seterusnya, bab ini diteruskan dengan peringkat kedua, iaitu pengkaji mengemukakan cadangan untuk meningkatkan kualiti dan kerelevan kajian. Pada peringkat ini, penyelidik akan memberikan pandangan mengenai metodologi, serta pemilihan sampel atau mana-mana aspek kajian yang memerlukan penambahbaikan. Cadangan yang diberikan oleh pengkaji diharap akan dapat memberikan sumbangan positif kepada pembangunan ilmu pengetahuan dan memperkayakan lagi metodologi penyelidikan dalam sesuatu bidang.

yang dikaji. Kemudian, untuk kemuncak kepada perjalanan analisis ini ialah pada peringkat ketiga, di mana pengkaji akan membuat kesimpulan dengan merumuskan dapatan daripada keseluruhan kajian. Kesimpulan yang dibuat oleh pengkaji bukan sahaja bukanlah sekadar pengulangan dapatan tetapi juga memberikan tafsiran yang mendalam dan signifikan terhadap hasil kajian. Pengkaji juga akan membentangkan keputusan kajian secara menyeluruh, membentuk gambaran tentang maknanya yang akan menyumbang kepada penyelidikan dalam bidang yang dikaji. Bahagian kelima ini bukan sahaja berfungsi sebagai asas untuk penilaian awal, tetapi ia juga membolehkan pembaca berfikir secara mendalam tentang setiap aspek kajian yang telah dijalankan. Diharapkan bab ini akan memberi manfaat dan mengukuhkan asas ilmiah bidang penyelidikan yang dikaji kerana ia mempunyai kandungan yang kaya dan disusun dengan baik.

Representasi watak dalam sesebuah novel adalah merupakan satu aspek yang penting dalam menganalisis sesebuah karya sastera. Watak-watak yang terdapat di dalam sesebuah novel tersebut memainkan peranan yang penting untuk membentuk plot, menyampaikan mesej kepada para pembaca dan menghidupkan jalan cerita sesebuah karya tersebut. Representasi watak dalam sesebuah novel tersebut dapat dilihat daripada sudut yang tertentu seperti pembangunan atau perkembangan watak itu sendiri. Dengan melihat watak-watak yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* berkembang sepanjang cerita dan melihat kepada aspek personaliti dan sikap dalam diri watak-watak tersebut serta faktor yang mempengaruhi perkembangan watak-watak tersebut sama ada dari faktor luaran ataupun dalaman. Selain itu, berdasarkan kepada representasi kita juga dapat melihat ciri-ciri fizikal terhadap watak-watak yang terdapat dalam novel dan perkaitan diantara ciri-ciri tersebut dengan perwatakan mereka. Representasi juga dapat dilihat daripada emosi watak yang terdapat dalam novel tersebut mempengaruhi

terhadap sebarang keputusan dan tindakan mereka. Malahan kita juga dapat melihat motivasi yang dipegang oleh watak yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* yang memberikan inspirasi kepada mereka dan mempengaruhi perjalanan cerita watak tersebut dalam novel ini.

Rentetan daripada itu, kita juga dapat melihat daripada aspek hubungan diantara watak. Dalam hubungan tersebut dapat dilihat sama ada terdapat konflik atau kerjasama antara watak. Sementara itu, dalam konteks ini kita juga dapat melihat peranan utama watak-watak yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* tersebut dan tindakan serta keputusan yang diambil oleh mereka akan mempengaruhi terhadap keseluruhan sesebuah cerita tersebut. Malahan, berdasarkan perkara tersebut juga pembaca akan dapat memahami dengan lebih jelas dan terperinci mengenai perwatakan watak-watak yang terdapat dalam novel *Silir Daksina*. Akhir sekali, menerusi aspek ini juga penulis dapat menonjolkan cerminan nilai sosial dan budaya masyarakat yang terdapat untuk dijadikan pengajaran dan teladan serta melihat watak-watak di dalam novel *Silir Daksina* tersebut berhubung dengan latar belakang budaya tersebut. Oleh itu, meneliti representasi watak dalam novel memerlukan perhatian yang teliti terhadap teks dan kebolehan membaca antara baris untuk memahami lapisan yang mungkin tersembunyi. Analisis watak membantu pembaca atau penonton memahami dengan lebih mendalam terhadap sesebuah karya sastera dan maksud yang cuba disampaikan oleh pengarang.

## 5.2 Hasil Perbincangan

Tirai dibuka dengan luas dengan pengenalan yang kaya dan menyeluruh. Pada bab pertama menunjukkan permulaan penyelidikan mendalam tentang bidang penyelidikan

ini. Bab ini bermula dengan pendahuluan kajian, membangunkan gambaran yang menyediakan konteks dan rangka kerja kerja penemuan. Untuk menjelaskan latar belakang kajian, pengkaji menyatakan pemahaman yang mendalam tentang keperluan penyelidikan ini dan relevannya dalam konteks yang lebih mendalam, memberikan penjelasan tentang sebab kajian ini dipilih dan kepentingannya untuk dilanjutkan. Fokus perbincangan adalah untuk menyatakan isu kajian yang memberikan asas kepada kajian secara keseluruhan. Pernyataan masalah ini menunjukkan ketidakpastian atau tidak mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang bidang tertentu yang menjadi subjek kajian. Penyelidik dengan teliti mentakrifkan isu kajian untuk membimbing objektif dan skop penyiasatan, yang membantu dalam pembentukan rangka kerja kajian yang lebih khusus. Bab satu juga menunjukkan usia konsep kajian ini dengan menetapkan matlamat kajian dengan jelas dan mendalam. Keputusan kajian memberikan garis panduan mengenai matlamat dan objektif penyiasatan ini, menggariskan objektif dan keputusan yang dijangkakan. Pengkaji memastikan matlamat kajian adalah selaras dengan pernyataan masalah dan khusus menjadikannya asas untuk kajian.

Bab ini juga adalah sangat penting kerana pada bahagian ini pengkaji akan menyentuh kajian secara mendalam, dan memberikan justifikasi yang kukuh untuk melihat kaitan dan kepentingan kajian untuk ilmu pengetahuan atau masyarakat. Pengkaji juga akan memberikan penerangan terhadap kaedah penyiasatan ini yang akan menyumbang kepada kesusasteraan yang telah sedia ada, mengisi jurang dalam pengetahuan dan memberikan perspektif baharu tentang isu yang dibangkitkan. Pengenalan pada bab ini juga melibatkan definisi konseptual istilah mengenai kajian ini. Definisi ini juga akan menjadi asas terhadap pemahaman kepada para pembaca dan dapat memberikan kesedaran tentang kejelasan konsep dan istilah dalam kajian. Dengan melakukan penyusunan terhadap definisi ini, pengkaji akan dapat memberikan

pandangan yang konsisten dan tepat mengenai aspek-aspek yang berkaitan kajian. Malah, pengkaji menyatakan batasan kajian untuk memberikan sempadan dan skop terhadap kajian ini. Batasan kajian ini juga akan dapat memberikan pembaca kefahaman yang jelas tentang perbezaan dan batasan kajian ini, untuk memastikan pembaca memahami konteks kajian ini dengan sewajarnya. Bab pertama ini diakhiri dengan kesimpulan yang menggariskan secara ringkas dan mendalam asas kajian. Kesimpulan ini bukan sahaja menggariskan aspek penting yang telah dibincangkan, tetapi ia juga memberikan ramalan ringkas tentang cara kajian akan berjalan dan ke mana ia akan sampai.

Pengkaji yang berhati-hati dan teliti mengesahkan bahawa tulisan yang dibuat menyampaikan pelbagai maklumat yang mendalam dan lengkap. Untuk mencapai objektif ini, tinjauan literatur yang menyeluruh telah dijalankan terdapat pelbagai perspektif yang berkaitan tentang isu ini. Fokus kajian sebelumnya adalah elemen yang penting untuk membina asas pengetahuan yang kukuh dan menyeluruh. Oleh itu khususnya, pengkaji telah menyiasat kehidupan sosial, melihat aspek yang memberi kesan dan membentuk dinamik masyarakat. Kajian ini melihat perubahan dan kesukaran dalam struktur sosial, hubungan antara individu dan interaksi dalam komuniti. Penulisan ini menumpukan pada kehidupan sosial golongan masyarakat yang terdapat pada novel yang dikaji untuk meningkatkan pemahaman tentang konteks sosial yang mempengaruhi subjek penyelidikan sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Selain itu, pengkaji juga memberikan fokus utama terhadap kajian mengenai representasi watak yang terdapat pada novel *Silir Daksina* iaitu satu bentuk naratif lisan yang merangkumi aspek watak, budaya serta nilai yang terkandung di dalamnya. Kajian ini juga memperincikan representasi watak-watak yang terdapat, nilai dan budaya yang terdapat. Pendedahan dalam kajian yang dilakukan dapat menjadi medium yang kaya

mencerminkan realiti kehidupan golongan masyarakat. Oleh itu, pemahaman yang mendalam terhadap kajian ini akan dapat menambah nilai dan meneroka pelbagai nilai, perwatakan dan budaya masyarakat yang dapat ditonjolkan melalui novel *Silir Daksina*.

Pengkaji juga turut menekankan kajian ini dengan menggunakan teori Budaya oleh Chris Barker. Penekanan terhadap teori ini dapat membantu pembaca untuk melihat dengan lebih jelas dan teliti mengenai kepelbagaian budaya yang terdapat pada novel *Silir Daksina*. Teori Budaya juga digunakan oleh pengkaji sebagai alat untuk menganalisis dan melihat dengan teliti aspek-aspek kesusasteraan yang terdapat melalui representasi watak-watak yang terdapat dalam novel *Silir Daksina*. Berdasarkan kepada perkaitan, representasi watak dan teori Budaya, penulisan ini dapat memberikan pandangan yang bermanfaat dan menyeluruh serta dapat memperkayakan pemahaman tentang topik yang dibincangkan.

Berdasarkan kepada objektif satu pengkaji dapat mengkaji representasi watak-watak yang terdapat dengan mengelaskan watak-watak yang terkandung dalam novel *Silir Daksina* kepada 3 bahagian iaitu watak protagonis, watak antagonis dan watak pipih di mana ketiga-tiga bahagian besar watak ini memiliki fungsi dan peranan masing-masing. Watak-watak tersebut penting untuk membentuk plot, menyampaikan mesej kepada para pembaca sekaligus menghidupkan jalan cerita sesebuah karya tersebut.

Objektif kedua juga tertumpu kepada representasi watak-watak dalam novel *Silir Daksina* berdasarkan teori Budaya. Pada bahagian ini pengkaji membincangkan mengenai nilai budaya yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* berpandukan kepada pinsip-prinsip yang terdapat dalam teori Budaya untuk dikupas dan dibincangkan dengan lebih lanjut. Berdasarkan pengamatan dan analisis yang dilakukan oleh pengkaji

terdapat nilai budaya yang terkandung dalam novel *Silir Daksina* yang bersifat realisme dalam kehidupan masyarakat masa kini.

Objektif tiga melihat kepentingan nilai-nilai budaya yang terdapat dalam novel *Silir Daksina* kepada golongan masyarakat. Pada bahagian ini pengkaji membincangkan mengenai kepentingan nilai budaya yang ditonjolkan oleh watak-watak yang terdapat dalam novel *Silir Daksina*. Nilai budaya adalah merupakan perkara yang seharusnya diamalkan dan terdapat dalam diri golongan masyarakat. Oleh itu, nilai budaya adalah penting kepada golongan masyarakat untuk dijadikan contoh dan wahana yang lebih baik atau positif sekaligus dapat melahirkan golongan masyarakat yang lebih prihatin dan berperikemanusiaan.

Akhir sekali, pada bab 5 dapat dirumuskan kajian ini mengenai penemuan utama, implikasi dan sumbangan kajian ini terhadap bidang kesusasteraan dan kajian kebudayaan kepada golongan masyarakat. Kesimpulan ini juga mencadangkan kajian lanjutan atau bidang yang boleh diterokai dengan lebih lanjut berdasarkan penemuan dan cabaran yang dihadapi semasa kajian dijalankan. Bab 5 juga bukan sahaja memaparkan analisis mengenai representasi watak-watak dalam novel *Silir Daksina* tetapi ia juga merumuskan sumbangan penting kajian ini kepada bidang kesusasteraan dan pengajian kebudayaan.

### 5.3 Implikasi Kajian

Tanggapan, minat dan makna yang timbul daripada keputusan kajian dipanggil implikasi kajian. Dalam konteks ini, pengkaji akan membincangkan kesan kajian. Pemahaman, amalan dan kemajuan dalam bidang tertentu. Secara lebih mendalam,

kesan kajian boleh dilihat melalui pelbagai elemen yang saling berkaitan. Dari sudut akademik, penyelidikan yang dijalankan mempunyai kesan untuk meningkatkan literatur dan maklumat dalam bidang pengajian yang berkaitan. Kajian boleh menyumbang kepada teori melalui analisis dan pentafsiran teks tertentu, teori atau kerangka pemikiran yang sedang digunakan.

Hasil daripada kajian yang dijalankan dari perspektif budaya dan sosial boleh memberikan gambaran yang lebih baik tentang masyarakat, budaya dan prinsip yang dipegang oleh masyarakat yang dikaji. Implikasi ini boleh membantu dalam memahami sejarah, dinamik masyarakat, tradisinya, serta halangan dan peluang. Dengan cara ini, kajian boleh membantu dalam pembangunan pendidikan, perancangan sosial, dan inisiatif komuniti yang menekankan pemahaman dan keperluan sebenar masyarakat. Dari perspektif praktikal dan aplikasi, kajian ini boleh memberi kesan kepada pelbagai bidang seperti politik, pengurusan sumber dan pendidikan. Secara keseluruhannya, kesan kajian adalah pelbagai dan luas. Ia bukan sahaja memberi kesan kepada bidang akademik dan sains, tetapi juga kepada aspek budaya, sosial, kehidupan sebenar dan emosi. Oleh itu, adalah penting untuk memahami dan menghayati kesan penyelidikan secara menyeluruh untuk memastikan nilai dan manfaat utama daripada penyelidikan.

### 5.3.1 Implikasi Kajian Kepada Individu

Implikasi kajian *Representasi Watak-Watak Yang Terdapat Dalam Novel Silir Daksina Karya Nizar Parman Berdasarkan Teori Budaya* terhadap individu merupakan aspek penting untuk difahami kerana setiap kajian mempunyai potensi mempengaruhi persepsi, pengetahuan dan pemahaman seseorang terhadap sesuatu topik atau budaya yang dikaji.

### 5.3.1.1 Membentuk Identiti Individu

Representasi watak dapat membentuk identiti individu. Hal ini kerana perlambangan watak dalam media, termasuk filem, televisyen, dan buku, boleh memberi kesan besar kepada cara individu membina identiti mereka. Ciri-ciri yang dipersembahkan secara positif atau negatif boleh mempengaruhi pandangan diri seseorang dan perasaan diterima atau dihargai oleh masyarakat.

### 5.3.1.2 Memahami Budaya Dengan Lebih Mendalam Dan Jelas

Selain itu, melalui kajian ini juga golongan individu akan dapat memahami mengenai budaya dengan lebih mendalam dan jelas. Hal ini kerana perlambangan watak juga ditonjolkan sebenarnya memainkan peranan penting dalam membentuk pemahaman individu tentang budaya mereka sendiri dan budaya lain yang terdapat. Ciri-ciri yang mencerminkan nilai budaya dapat membantu individu memahami dan menghargai kepelbagaiannya budaya. Oleh itu, mereka akan lebih cakna akan kepentingan budaya tersebut dalam kehidupan dan akan melestarikan budaya tersebut dengan mengamalkannya dalam diri mereka.

### 5.3.1.3 Berpotensi Memberi Impak Yang Mendalam Terhadap Pemahaman

Seterusnya, implikasi kajian ini terhadap individu adalah luas dan berpotensi memberi impak yang mendalam terhadap pemahaman, kesedaran dan penghayatan mereka terhadap kehidupan sosial masyarakat Melayu dan kekayaan warisan budaya Malaysia secara keseluruhannya. Dengan memberikan analisis dan tafsiran yang mendalam melalui teori Kajian Budaya, kajian ini bukan sahaja memberi gambaran akademik tetapi juga emosi dan budaya kepada individu yang terlibat.

### 5.3.2 Implikasi Kajian Kepada Masyarakat

Implikasi kajian *Representasi Watak-Watak Yang Terdapat Dalam Novel Silir Daksina Karya Nizar Parman Berdasarkan Teori Budaya* terhadap masyarakat menonjolkan bagaimana kajian ini dapat memberikan sumbangan dan pengaruh yang signifikan tentang pemahaman, penghayatan dan pembangunan kehidupan masyarakat Malaysia secara keseluruhannya.

### 5.3.2.1 Pengekalan Identiti Golongan Masyarakat Melayu

Dari sudut pandang pengukuhan identiti dan kesedaran budaya, kajian ini memainkan peranan penting dalam mengesahkan dan mengekalkan identiti golongan masyarakat Melayu. Dengan meneliti dan menganalisis novel yang merupakan cerminan kehidupan, nilai dan budaya, kajian ini dapat mengukuhkan kesedaran masyarakat terhadap budaya mereka sendiri. Ini penting bagi memastikan budaya dan identiti masyarakat Melayu sentiasa terpelihara di tengah-tengah cabaran globalisasi dan pemodenan masa kini. Berdasarkan kajian ini golongan masyarakat akan mempengaruhi budaya dan identiti kolektif. Hal ini kerana representasi yang ditunjukkan pada watak memainkan peranan penting dalam membentuk budaya masyarakat dan identiti kolektif. Media merupakan elemen yang menjadi perantaraan dan membantu untuk menyampaikan nilai, norma dan identiti budaya kepada masyarakat, dan ini boleh membentuk cara orang melihat diri mereka dan budaya mereka sendiri.

### 5.3.2.2 Keperluan Dan Perlambangan Inklusif

Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan kesan kepada masyarakat melalui keperluan dan perlambangan inklusif. Hal ini demikian kerana keperluan untuk perlambangan yang lebih inklusif dan adil dalam media akan dapat menunjukkan kepelbagai etnik, jantina,

agama dan orientasi seksual dalam watak. Media dapat membantu untuk memperkayakan persepsi orang ramai dan mengurangkan stereotaip. Oleh itu, golongan masyarakat akan lebih mengetahui dan mempelajari unsur dan aspek kepebagaian etnik lain yang terdapat dalam negara dan sebagainya sebagai sumber ilmu.

### 5.3.2.3 Memberikan Nilai Positif Dan Mendalam

Seterusnya, implikasi kajian ini kepada masyarakat memberi nilai yang positif dan mendalam. Ia bukan sahaja memperkayakan kefahaman tentang kehidupan sosial masyarakat Melayu tetapi juga memberi panduan, inspirasi dan hala tuju kepada masyarakat, pihak berkepentingan dan pihak berkuasa dalam memastikan kelestarian, pembangunan dan kebajikan masyarakat Melayu di Malaysia secara keseluruhannya.

### 5.3.3 Implikasi Kajian Kepada Negara

Implikasi kajian *Representasi Watak-Watak Yang Terdapat Dalam Novel Silir Daksina Karya Nizar Parman Berdasarkan Teori Budaya* terhadap negara bagaimana kajian kesusasteraan ini mempengaruhi dan memperkaya landskap kebudayaan, sosial, ekonomi dan politik negara secara keseluruhan. Berdasarkan aspek kebudayaan dan identiti negara, kajian ini memberikan sumbangan penting kepada kekayaan warisan budaya Malaysia.

### 5.3.3.1 Pelestarian Budaya Kebangsaan

Mengkaji dan menganalisis novel yang mencerminkan kehidupan sosial masyarakat Melayu, negara dapat melestarikan naratif budaya kebangsaan. Perkara ini memberikan bukti konkret tentang pluralisme budaya dan etnik di Malaysia, menonjolkan pentingnya memahami, menghargai dan memelihara warisan budaya masyarakat Melayu.

### 5.3.3.2 Membina Identiti Dan Perpaduan Kebangsaan

Berdasarkan kajian ini kesannya kepada negara ialah dapat membina identiti dan perpaduan kebangsaan. Hal ini kerana cara watak dan elemen sesebuah negara digambarkan dalam media boleh memainkan peranan penting dalam membentuk identiti nasional dan perpaduan negara. Perlambangan positif boleh meningkatkan semangat kenegaraan dan perpaduan sosial, manakala perlambangan negatif boleh menyumbang kepada ketidakseimbangan dan ketegangan sosial.

### 5.3.3.3 Pengaruh Terhadap Pendidikan Dan Nilai Kebangsaan

Selain itu, kajian ini juga dapat memberikan kesan kepada negara melalui pengaruh terhadap pendidikan dan nilai kebangsaan. Hal ini kerana representasi watak dalam konteks pendidikan dapat memberi gambaran tentang nilai-nilai kebangsaan yang diajarkan kepada generasi muda. Media merupakan wahana yang boleh menjadi saluran untuk menyampaikan nilai-nilai ini dan membantu membentuk identiti nasional.

### 5.4 Cadangan

Setiap bahagian atau komponen tertentu sentiasa boleh diperbaiki dan dipertingkatkan. Ini juga berlaku untuk kajian yang telah dijalankan. Pengkaji membuat kesimpulan bahawa terdapat kekurangan atau elemen yang kurang cemerlang dalam tulisan ini. Oleh itu, pengkaji bercadang untuk memberikan beberapa cadangan kepada mereka yang berminat sama ada penyelidik akan datang atau orang lain yang mungkin dalam usaha untuk meningkatkan kualiti dan kerelevan kajian ini yang memilih untuk mempelajari subjek yang sama. Bukan itu sahaja cadangan ini akan meningkatkan kualiti kajian, tetapi ia juga menunjukkan betapa pentingnya kajian ini dalam konteks yang lebih luas.

#### **5.4.1 Mendedahkan Novel Sebagai Medium Pendidikan Dan Penyampaian Nilai-Nilai Budaya**

Novel adalah merupakan naratif penceritaan yang memainkan peranan penting sebagai medium pendidikan dan penyampaian nilai budaya dalam kalangan masyarakat. Melalui pembacaan novel golongan masyarakat akan dapat membina kemahiran dan kefahaman membaca kerana membaca novel melibatkan pemprosesan maklumat yang kompleks dan membangunkan kemahiran membaca yang baik. Pembaca perlu memahami plot, watak dan tema, yang membantu meningkatkan penguasaan dan pemahaman membaca mereka.

Selain itu, melalui novel juga golongan masyarakat akan dapat belajar dan mendalamai bidang mengenai sejarah dan budaya. Hal ini kerana seperti yang diketahui bahawa penulisan novel dalam sesebuah naratif penceritaan sering kali menggambarkan budaya tempat dan masa di mana cerita itu berlaku. Melalui penerangan tempat, kehidupan seharian dan latar belakang sejarah, pembaca boleh memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang budaya dan sejarah tertentu sekaligus menjadikan budaya tersebut sebagai amalan dalam kehidupan seharian supaya ia tidak pupus di telan peredaran zaman masa kini.

Malahan penyampaian melalui novel juga dapat membina kuasa empati. Hal ini kerana watak-watak yang terdapat dalam novel tersebut akan membawa pembaca untuk menelusuri pengalaman kehidupan mereka yang berbeza-beza. Perkara ini sudah tentu akan menyebabkan golongan masyarakat lebih cakna dan dapat membuka mata para pembaca mengenai realiti kehidupan orang lain, membina empati, dan membantu mereka memahami perspektif yang berbeza. Novel juga adalah merupakan medium yang terbaik untuk menyampaikan nilai moral dan etika kerana ramai dikalangan golongan masyarakat masa kini yang

suka dan gemar membaca novel. Oleh itu, terdapat sebilangan besar novel yang mengandungi unsur nilai moral dan etika yang dapat dijadikan panduan kepada para pembaca. Sebagai contohnya, keberanian, kejujuran ,keadilan, dan kebijakan lain yang dapat diterapkan dalam diri mereka.

Secara keseluruhannya, novel memegang kedudukan penting dalam memperkasakan pendidikan dan menyampaikan nilai-nilai budaya kepada golongan masyarakat. Dengan memahami dan menghargai warisan ini, novel bukan sahaja karya penulisan kreatif malahan ia dapat membantu generasi muda memahami akar budaya mereka, tetapi juga memastikan nilai dan tradisi ini terus hidup dan berkembang maju dalam era moden yang berubah-ubah.

#### **5.4.2 Menerapkan Dan Memperbanyakkan Kajian Mengenai Aspek Representasi Watak-Watak**

Mengaplikasi dan meningkatkan penyelidikan mengenai aspek perlambangan watak adalah langkah penting untuk memahami kesannya terhadap individu, masyarakat dan budaya. Melalui penerapan kajian mengenai aspek representasi watak-watak akan dapat kemudahan kajian antara disiplin. Hal ini kerana dengan menggalakkan pendekatan antara disiplin terhadap kajian perlambangan watak boleh membawa kepada pemahaman yang lebih holistik. Melibatkan pakar dalam psikologi, sosiologi, media, kesusastraan dan disiplin lain boleh membantu melukis gambaran yang lebih lengkap dan bernuansa perlambangan watak tersebut.

Selain itu, penerapan kajian seperti ini juga sudah pasti akan mendapat sokongan kerjasama daripada pihak akademik dan industri. Hal ini kerana

kerjasama antara ahli akademik dan pengamal industri seperti pembuat filem, penulis dan pengarah artistik boleh memberikan perspektif yang berharga dan menghasilkan kajian yang lebih relevan dengan perkembangan semasa dalam media dan seni. Malahan ia juga akan dapat menggalakkan kepada penyelidikan yang menggunakan pendekatan kuantitatif dan kualitatif. Hal ini kerana gabungan pendekatan kuantitatif dan kualitatif boleh memberikan pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana perlambangan watak dapat mempengaruhi masyarakat. Data kuantitatif boleh memberikan gambaran umum, manakala data kualitatif boleh memperincikan konteks dan makna di sebalik perlambangan.

Secara keseluruhannya, menerapkan dan memperbanyakkan kajian mengenai aspek representasi watak-watak dalam konteks moden memerlukan pendekatan yang komprehensif, inovatif dan antara disiplin. Dengan mengambil kira cabaran dan peluang yang ditawarkan oleh era moden, kajian ini bukan sahaja akan memperkayakan pemahaman kita tentang perlambangan dalam novel dan masyarakat Melayu, tetapi juga memberi sumbangan yang berharga kepada bidang kesusastraan, budaya dan penyelidikan sosial secara keseluruhan.

## 5.5 Kesimpulan

Representasi watak-watak dalam novel *Silir Daksina* berdasarkan teori Budaya melibatkan pemahaman tentang bagaimana novel sebagai medium budaya yang mewakili dan membentuk pemahaman kita tentang kehidupan masyarakat. Perlambangan watak dalam novel membentuk identiti budaya dengan mencerminkan dan mewakili nilai, norma dan budaya masyarakat di mana cerita itu dicipta. Teori budaya menekankan bagaimana ciri-ciri ini adalah hasil pembinaan sosial yang berkait rapat dengan konteks budaya. Selain itu, teori Budaya menekankan bahawa perlambangan watak tidak boleh difahami secara berasingan daripada konteks budaya dan sejarah di mana novel itu ditulis. Novel mencerminkan realiti budaya yang mencipta mereka, watak mereka menjadi simbol kompleks dinamik sosial dan nilai dalam masyarakat tertentu. Di samping itu, bidang sastera merangkumi novel dianggap sebagai cerminan masyarakat. Perlambangan watak dalam novel mencerminkan aspirasi, ketakutan dan konflik yang wujud dalam masyarakat pada masa tertentu. Teori Budaya membantu kita memahami bagaimana novel memainkan peranan sebagai artifak budaya yang mencerminkan dan membentuk masyarakat mereka. Oleh itu, novel merupakan medium budaya yang memainkan peranan penting dalam mewakili dan membentuk nilai budaya, identiti dan realiti sosial. Dengan memahami representasi watak-watak ini melalui lensa teori Budaya, kita boleh mendapat gambaran yang lebih mendalam tentang kerumitan dan kepentingan sastera dalam membentuk pemahaman kita tentang dunia.

## RUJUKAN

- Abdullah, M. I. N. (2013). Budaya dalam puisi-puisi muhammad haji salleh: kajian teori Sastera Budaya. PhD thesis, Universiti Sains Malaysia.
- Adji, M., & Rahayu, L. M. (2019). Representasi gaya hidup dan tradisi minum kopi dalam karya sastra. patanjala: *Journal of Historical and Cultural Research*, 11(3), 381-398.
- Aladdin, A. (2012). Analisis penggunaan strategi komunikasi dalam komunikasi lisan bahasa arab. *GEMA Online Journal of Language Studies*, 12(2), 323-544.
- Ana, S. A. (2023). Bijak dalam bermedia sosial (analisis semiotik roland barthes akun instagram@ lambe\_turah) (*Disertasi kedoktoran, UIN Prof. KH Saifuddin Zuhri*).
- Bin Muhamad Ali, M., Abu, M. F. B., & Sawari, S. S. M. (2021). Konsep usahawan al-falah menurut pandangan ahli sarjana: kajian literatur. In *UnIPSAS Conference and Proceedings 1(1)*, 202-213.
- Chris Barker & Emma A. Jane. (2016). *Cultural studies theory and practice (5th edition)*. SAGE Publications td Ltd 1 Oliver's Yard 55 City Road London EC1Y 1SP.
- Dyanasta, R. (2015). Keefektifan klarifikasi nilai untuk meningkatkan kesadaran nilai tanggungjawab akademik pada siswa. *Jurnal Psikopedagogia*, 4(2), 132-146.
- Fairuz Nordin (2018, Januari 9). Perkukuh iman, jiwa anak jadi berani. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my>
- Faridah Kamaruddin, (2020, Disember 16). Kejar akhirat dunia kau dapat. Harakah Daily. <https://harakahdaily.net>
- Hanafiah, M. N. A. H. M., & Yaacob, M. F. B. C. (2020). Nilai-nilai Islam dan pembentukan akhlak dalam cerita rakyat Melayu. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics (IJLEAL)*. 10(2), 48-56.
- Handayani, T., Parimartha, I. G., Sukesi, K., & Ardika, I. W. (2008). Pemberdayaan Dan Kesejahteraan Keluarga (PKK) Di Kota Malang: dalam Perspektif Kajian Budaya. *E-Journal of Cultural Studies*, 2(1), 1-14.
- Handoyo, P. (2016). Representasi Perempuan dalam Media. *Di Unduh*. <https://lppm.trunojoyo.ac.id/budayamadura/wpcontent/uploads/2016/10/2-20.-ARTIKEL.pdf>. (Diakses pada 2 April 2022).
- Hua, A. K. (2016). Pengenalan rangkakerja metodologi dalam kajian penyelidikan: satu kajian literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 1(2), 17-24.
- Idzni Azzura, A. (2023). Perancangan buku panduan mencintai diri sendiri sebagai media edukasi bagi remaja putri ( Disertasi kedoktoran, Institut Seni Indonesia Yogyakarta).
- Iskandar, D. (2022). Metodologi penelitian kualitatif: petunjuk praktis untuk penelitian lapangan, analisis teks media, dan kajian budaya. Maghza Pustaka.

- Ismail, M. S., Bakar, R. A., & Effendy, N. R. N. M. (2018). Cerita jenaka Melayu suatu manifestasi watak dan perwatakan positif. *Jurnal Melayu Sedunia*, 1(1), 296-329.
- Isnaini, H. (2020). Representasi ideologi jawa pada puisi-puisi karya sapardi djoko damono. Pena: *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra*, 10(1), 24-47.
- Iswahyuningtyas, C. E. (2009). Proporsi dan representasi perempuan dalam mainstream film *perempuan*. Komunikologi: *Jurnal Ilmiah Ilmu Komunikasi*, 6(2), 157.
- Johana, M., & Widayanti, A. (2007). Komik sebagai media pengajaran bahasa yang komunikatif bagi siswa smp. *Lembaran Ilmu Kependidikan*, 36(1), 1-7.
- Johari Talib, Maharam Mamat & Maznah Ibrahim. 2017. Tun Seri Lanang: dari Istana Batu Sawar ke Naggaroe Acheh Darussalam. *Jurnal Melayu*, 16(1), 32-47.
- Johari Yap, (2021, Mac 1). Seimbang kejar dunia dan akhirat. Sinar Harian. <https://www.sinarharian.com.my>
- Kamariah K. (2019). Aspek dakwah dalam novel *Suriati* berdasarkan pendekatan dakwah teori Pengkaedahan Melayu. *Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Modern dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia*. 32(1), 116-128.
- Kumaravalu, R., Sarina, C. A., Nabihah, M. S., Latifah, O., Mohd Zaidi, B., & Shafinaz, A. M. (2014). Kajian kebijaksanaan kepimpinan Pengetua dan Guru Besar Sekolah cemerlang di Malaysia berdasarkan persepsi pemimpin pertengahan. 1-57.
- Lazarus, E. M. C. L., & Zainal, S. (2022). Analisis watak dan perwatakan dalam skrip selendang delima teater bangsawan. *Apresiasi Seni Edisi ke-3*, 12.
- Liza Fuzna R, L. (2020). Konflik batin tokoh kyuuta pada film *Bakemono No Ko* karya Mamoru Hosoda (Kajian Psikologi Sastera) (Disertasi kedoktoran, Diponegoro University).
- Mahanun Abdul Aziz (2015, Julai 20). Azhar berani mencuba idea ‘gila’. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my>
- Manuhutu, M. (2022). Perdamaian adalah kebutuhan dan menjaga perdamaian adalah tanggungjawab semua orang. *Jurnal Locus Penelitian dan Pengabdian*, 1(5), 320-326.
- Marliana, A., Sintiawati, I., & Sahmini, M. (2018). Kajian Intertekstual Novel *Dilan* Karya Pidi Baiq dengan Novel Milea Karya Pidi Baiq. Parole: *Jurnal Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 1(2), 267-282.
- Mary Yap Kain Ching (2014, Oktober 30). Memupuk keberanian sebagai prinsip kehidupan. Berita Harian Online. <https://www.bharian.com.my>
- Matnoh, N. A. B., Dawam, Z. A. M., & Cheang, S. C. (2019). Simbolisme watak dan perwatakan berdasarkan konteks sosio-budaya masyarakat malaysia dalam filem Ola Bola (2016). *e-BANGI*, 16, 1-13.
- Mohd Ajib Ismail (2020, Mac 5). Cara hidup sempurna. My Metro Online. <https://www.hmetro.com.my>

- Mohd Asri Zainul Abidin, (2017, Mac 3). Sibuk bukan alasan tiada masa dengan keluarga. Mstar. <https://www.mstar.com.my>
- Mohd Roslan Tahir (2022, April 28). Ada apa dengan BBNU?. My Metro Online. <https://www.hmetro.com.my>
- Mohd Shahrizal Nasir (2023, Jun 7). Tuntutan dahulukan saudara. Berita Harian Online. <https://www.hmetro.com.my>
- Mohd Shahrizal Nazir (2021, Jun 21). Pilih jalan musyawarah. Berita Online Metro. <https://www.hmetro.com.my>
- Mohd Shukri Hanapi (2023, Jun 16). Kita saling memerlukan. My Metro. <https://www.hmetro.com.my>
- Muhd Nasruddin Dasuki (2019, April 11). Ganjaran apabila kita memudahkan urusan orang lain. *Sinar Harian Online*. <https://www.sinarharian.com.my>
- Mukhriz Mat Husin (2021, Mac 17). ‘Ekzos bising budaya liar ganggu ketenteraman penduduk’. *Sinar Harian Online*. <https://www.sinarharian.com.my>
- Mulyani, S. (2019). Kajian budaya dalam novel *kusut* karya ismet fanany. Diksatrasia: *Jurnal Ilmiah Pendidikan Bahasa dan Sastra Indonesia*, 3(1), 29-40.
- Nor Afzan Mohamad Yusof (2019, Ogos 20). Sifat marah beri laluan iblis kuasai manusia. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my>
- Nor Hazrul Mohd Salleh (2022, Jun 10). Terbuka terima pandangan. My Metro. <https://www.hmetro.com.my>
- Nor Hazrul Mohd. Salleh, (2023, Disember 8). Meyakini hasil usaha kita. My Metro. <https://www.hmetro.com.my>
- Noramidah Binti Mohd Raziz (2018, Februari 2). Adab mahmudah. *Seindah Mutiara*. <https://adabmahmudah.wordpress.com/>.
- Nur Amirah Mohammad Pauzi (2023, Jun 21). Peranan penting bapa dalam membina keluarga utuh. *Ikram Online*. <https://ikram.org.my>
- Nur Mohammad Hadi Zahalan (2020, Mac 6). Kawan yang baik akan tutup aib sahabatnya. 5 sifat perlu ada untuk mencari sahabat. Mstar. <https://www.mstar.com.my>
- Nur Mohammad Hadi Zahalan (2021, Mei 24). Nabi SAW juga pernah bergurau namun ada batasnya. Elak lakukan 5 perkara ini. Mstar. <https://www.mstar.com.my>.
- Purnomo, M. H. (2010). Menguak budaya dalam karya sastra: antara kajian sastra dan budaya. endogami: *Jurnal Ilmiah Kajian Antropologi*, 1(1), 75-82.
- Rahmawati, A., Febriyanti, M., & Nurrachmi, S. (2012). Cultural studies: analisis kuasa atas kebudayaan. *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 2(2), 14.
- Ristiana, K. R., & Adeani, I. S. (2017). Konflik batin tokoh utama dalam novel *Surga Yang Tak Dirindukan* 2 karya Asma Nadia (Kajian Psikologi Sastera). *Literasi: Jurnal Bahasa dan Sastra Indonesia serta Pembelajarannya*, 1(2), 49-56.

- Ros H. A. & Siti M. S. G. (2005). Keusahawanan : peranan dan sumbangan. *Jurnal Akademik UiTM Johor*. (5) 35-45.
- Samaon, S. S., & Subet, M. F. (2020). Perwatakan dalam novel komsas “*Di Sebalik Dinara*”: Analisis teori relevan. *Asian People Journal (APJ)*, 3(1), 84-100.
- Saravanan, V. T. (2021). Kritikan watak dan perwatakan dalam filem *Jagat* (2015) (Disertasi kedoktoran, Universiti Malaysia Kelantan (UMK)).
- Septi, T. V. (2019). Perwatakan tokoh utama novel-novel karya Andrea Hirata (Disertasi kedoktoran, Universitas Islam Riau).
- Shamsiah Mohamad (2019, November 28). Tunaikan tanggungjawab sebaiknya. Sinar Harian Online. <https://www.sinarharian.com.my>
- Sholichah, I. M. A., Putri, D. M., & Setiaji, A. F. (2023). Representasi budaya banyuwangi dalam banyuwangi ethno carnival: Pendekatan teori Representasi Stuart Hall. *Education: Jurnal Sosial Humaniora dan Pendidikan*, 3(2), 32-42.
- Sipayung, M. E. (2016). Konflik sosial dalam novel *Maryam* karya Okky Madasari: Kajian sosiologi sastera. *Sintesis*, 10(1), 22-34.
- Suhardi, T. (2016). Kajian budaya kepesantrenan dalam novel-novel berlatar pesantren. Riksa Bahasa: *Jurnal Bahasa, Sastra, dan Pembelajarannya*, 2(1), 11-28.
- Suharyat, Y. (2009). Hubungan antara sikap, minat dan perilaku manusia. *Jurnal region*, 1(3), 1-19.
- Suryana, S. (2010). Metodologi penelitian: model praktis penelitian kuantitatif dan kualitatif. *Universitas Pendidikan Indonesia, Bandung*. 15(1). 1-17.
- Syahdan, S. (2017). Ziarah perspektif kajian budaya (Studi Pada Situs Makam Mbah Priuk Jakarta Utara). *Jurnal Studi Agama Dan Masyarakat*, 13(1), 65-99.
- Tajul Ariffin (2022, April 24). Asyik rasa diri sendiri saja betul. Sedarlah wahai hati, ego tak ke mana!. Mstar. <https://www.manis.fm>
- Tanudjaja, B. B. (2007). Pengaruh media komunikasi massa terhadap popular culture dalam kajian budaya/cultural studies. *Nirmana*, 9(2), 96-105.
- Ulfah, U., & Arifudin, O. (2022). Peran guru dalam upaya pengembangan bakat dan minat peserta didik. *Jurnal Al-Amar: Ekonomi Syariah, Perbankan Syariah, Agama Islam, Manajemen Dan Pendidikan*, 3(1), 9-16.
- Umagapi, J. L. (2020). Representasi perempuan di parlemen hasil pemilu 2019: *Tantangan Dan Peluang. Kajian*, 25(1), 19-34.
- Wan Sabri Wan Hussin (2003). Ciri-ciri usahawan berjaya dari perspektif Al-Quran. *Jurnal Usuluddin. Bil 18* (2003), 81-110.
- Wartawan Malaysia Gazette, (2021, September 5). Terapkan budaya tepati masa. *Malaysia Gazette*. <https://malaysiagazette.com>
- Watie, E. D. S. (2016). Representasi wanita dalam media massa masa kini. *Jurnal The Messenger*, 2(2), 1-10.
- Wibowo, G. (2019). Representasi perempuan dalam film *Siti*. Nyimak: *Journal of Communication*, 3(1), 47-59.

- Willie Liaw (2016, Januari 20). Belia disaran melibatkan diri dalam program kemasyarakatan. Utusan Borneo Online. <https://www.utusanborneo.com.my>
- Yaacob, M. F. C., & Abd Rahim, N. (2016). Nilai baik hati menerusi cerita rakyat Melayu terhadap masyarakat Melayu suatu aplikasi teori Pengkaedahan Melayu. *Journal of Business and Social Development*, 4(2), 48-57.
- Yani, (2021). Bedah isi novel *Sahabat Langit* (Halimah Munawir) Melalui Analisis Penalaran Penulisan Paragraf.
- Yusoh, M. H., & Aziz, J. (2018). Pemerksaan watak wanita dalam filem berunsurkan Islam: Kajian Kes "Ketika Cinta Bertasbih". *GEMA Online Journal of Language Studies*, 18(1).
- Yusuf, M., Darihastining, S., & Ahya, A. S. (2022, November). Simbolisme budaya jawa dalam novel *Darmagandhul* (Kajian Etnosemiotik). In *Prosiding Seminar Nasional Pendidikan, Bahasa, Sastra, Seni, dan Budaya*. 1(2) 54-69.
- Zubir, S. K. M., & Samsudin, N. D. (2016). Analisis watak dan perwatakan dalam novel *Sejambak Bakti* Karya Rejab FI. *Proceedings of the ICECRS*, 1(1), 1-578.

UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN